

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 25 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**MENARIK BALIK BACAAN KALI KEDUA
DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG**

**Rang Undang-Undang Badan-Badan Berkanun
(Tatatertib Dan Surcaj) 2000**

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menangguhkan Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 bagi bacaan kali yang kedua dan ketiga pada mesyuarat akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**Rang Undang-Undang Pemusnahan Serangga Pembawa
Penyakit (Pindaan) 2000
dan
Rang Undang-Undang Jualan Dadah (Pindaan) 2000**

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menangguhkan Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2000 dan Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 2000 bagi bacaan kali yang kedua dan ketiga pada mesyuarat yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(PINDAAN) 2000**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [24 April 2000]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sila sambung ucapan.

10.06 pagi.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan hutang ragu KWSP telah bertambah untuk tiga tahun terakhir ini. Bagi tahun 1997 sejumlah RM213 juta telah diuntukkan bagi pinjaman tidak berbayar, ia meningkat menjadi RM602.3 juta pada tahun 1998 dan meningkat lagi menjadi RM791 juta pada tahun 1999.

Dari angka pinjaman tidak berbayar yang demikian besarnya KWSP ada memberikan pinjaman tanpa jaminan kerajaan. Nyata juga pemberian pinjaman ini tidak dinilai dengan berhemat dan teliti dan tidak bersandarkan jaminan yang kukuh. Ia mengundang pertanyaan selanjutnya iaitu mengapa KWSP bertindak memberikan pinjaman-pinjaman tersebut sehingga akhirnya kepentingan pencarum telah dinafikan. Wang KWSP bukanlah wang perseorangan yang boleh digunakan sewenang-wenangnya. Ia adalah wang pencarum dan setiap sen kerugian sama ada kerana kecuaihan, kurang hemat atau lainnya akan merugikan pencarum. Saya menggesa ahli Lembaga KWSP mengambil tanggungjawab di atas kerugian ini dan tampil menjelaskan kenapa pinjaman tidak berbayar ini boleh berlaku dengan jumlah yang demikian besar.

Dewan ini patut mendapat penjelasan berapakah jumlah pinjaman tanpa jaminan kerajaan telah diberikan dan senarai penerima pinjaman seperti ini iaitu pinjaman tanpa jaminan kerajaan. Dalam kesempatan ini juga saya ingin mendapat penjelasan sama ada pinjaman sebanyak RM300 juta kepada Syarikat Air Johor dijamin oleh kerajaan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada ulasan Ketua Audit Negara ke atas akaun Lembaga KWSP bagi tahun berakhir 1998 seperti berikut. Sekiranya pelarasan-pelarasan di perenggan A dan B di atas diambil kira, kerugian yang dialami oleh Kumpulan MBSB iaitu sebuah syarikat subsidiari KWSP bagi tahun 1998 akan meningkat dari RM65.8 juta kepada RM269.9 juta, manakala dana pemegang saham MBSB akan berkurangan sebanyak RM204.1 juta.

Pada akhir tahun 1998 Kumpulan MBSB mengalami kekurangan modal kerja sebanyak RM854.5 juta. Sementara itu, komitmen Kumpulan MBSB terhadap projek-

projek dilaksanakan olehnya adalah melebihi RM16 bilion. Juruaudit telah melaporkan mengenai keupayaan kumpulan untuk terus berdaya maju adalah bergantung kepada bantuan kewangan yang berterusan dari pihak bank dan KWSP. Ini adalah petikan daripada ulasan Ketua Audit Negara dalam Laporan Tahunan 1998 KWSP. Bagi saya ini adalah satu tanda bahaya tetapi diberikan dengan amat samar-samar sehingga amat sukar untuk kita memahami sepenuhnya penglibatan KWSP dalam perniagaan secara langsung dalam bentuk pelaburan dalam syarikat subsidiari serta pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Tiga bentuk pendedahan KWSP dalam perniagaan boleh mendedahkan KWSP kepada pelbagai bahaya yang akhirnya merugikan pencarum.

Saya amat sangsi sama ada KWSP wajar terlibat secara langsung dalam urusan perniagaan kerana beberapa sebab. Satu darinya ialah percanggahan kepentingan di mana tuntutan-tuntutan perniagaan dalam syarikat-syarikat yang disertai oleh KWSP mengheret KWSP mengeluarkan wang simpanan pencarum baik secara suntikan modal, pinjaman atau lainnya terus-menerus bagi menyelamatkan kedudukan perniagaan-perniagaan tersebut. Dengan itu, kawalan kewangan KWSP menjadi longgar dan terikut-ikut dengan keperluan perniagaan yang diceburinya. Selain itu, KWSP mungkin tidak mempunyai pasukan pengurusan perniagaan yang benar-benar mantap untuk menilai semua aktiviti perniagaannya yang akhirnya mendedahkan KWSP kepada kerugian. Pelaburan KWSP melalui syarikat subsidiari antara lain adalah menerusi Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan YTR Harta Sdn. Bhd. yang keseluruhannya melibatkan RM1.559 bilion pada tahun 1998. Ia adalah satu pendedahan kewangan yang sangat besar, ditambah pula dengan jumlah pelaburan dalam syarikat bersekutu sebanyak RM1.063 bilion. Lima dari tujuh syarikat bersekutu yang diceburi....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak berijalankah? Ya, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang memberi laluan kepada saya. Saya mendengar ucapan Yang Berhormat seringkali merasakan kebimbangan kepada penglibatan agensi-agensi awam di dalam perniagaan.

Pertamanya, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebenaran kepada KWSP untuk melibatkan

dalam perniagaan telah pun diluluskan oleh Dewan pada tahun lalu. Ini telah pun dibincangkan begitu hangat dalam Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Yang keduanya, dalam Islam dinyatakan bahawa sembilan daripada sepuluh rezeki itu dalam perniagaan. Sebagai orang Islam, saya rasa soal perniagaan ini adalah merupakan satu soal yang juga dititikberatkan untuk menambahkan rezeki, demikian juga untuk membesarkan dana-dana dan juga peluang untuk mendapatkan keuntungan.

Jadi, sebagai umat Islam yang kalau kita mendalami Islam itu sendiri kenapa kita harus mempertikaikan penglibatan kita dalam perniagaan. Pada pandangan saya soalnya bagaimana kita menentukan supaya perniagaan itu dapat diuruskan dengan sempurna dan baik mengikut ajaran Islam yang kita anuti. Jadi, itu persoalannya, bukan persoalan adakah kita patut terlibat dalam perniagaan ataupun tidak. Yang Berhormat berucap seolah-olah tidak ada kepercayaan kepada bidang perniagaan itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau. Memang saya tidak percaya pada kemampuan KWSP untuk berniaga dan saya tidak percaya ialah berdasarkan kepada Laporan Tahunan Audit 1998. Ini tidak masuk tahun 1999 yang telah pun diedarkan sebagai buletin dalaman KWSP yang mungkin Yang Berhormat Arau belum baca. Dan rekod kerugian ini ada dicatat dalam buku ini, [*sambil menunjukkan buku*] bukan saya reka-reka rekod ini – muka surat 69, 70, 71. Sebagai satu contoh, muka surat 71 – Keuntungan, Kerugian Dalam Syarikat Bersekutu – Sistem Transit Aliran Ringan – RM46 juta. Panca Pesona Sdn. Bhd. - apa benda, nama pun klasik – RM68,000; Malaysian Capital Venture – RM2,071; Applicable Home, RHB dan lain-lain.

Yang kedua, apakah fungsi asal KWSP ditubuhkan seperti dalam Akta KWSP tahun 1951. KWSP ialah bukan badan perniagaan. Ia adalah satu dana caruman untuk pekerja-pekerja bagi sekuriti pekerja selepas mereka bersara. Ini fungsi yang paling asal, paling pokok. Jangan lari dari fungsi ini. Adakah Islam melarang perniagaan, tidak. Ini tidak bersabit dengan Islam melarang perniagaan atau menggalakkan perniagaan. Ini bersabit dengan fungsi KWSP, mesti stick kepada fungsi yang asal. Kalau hendak berniaga badan lain berniaga kerana perniagaan terdedah kepada dua – untung dan rugi. Bukan semua perniagaan boleh untung. Ada perniagaan yang rugi.

Oleh kerana kita tak mahu dana pekerja ini mengalami kesusutan kerana kerugian, maka kerja berniaga ialah kerja badan lain, badan korporat yang lain. KWSP boleh memberikan modal tetapi pinjaman yang diberikan KWSP sebagai modal mestilah dijamin oleh kerajaan. Sebab itu sebelum daripada KWSP dibenarkan berniaga kita lihat portfolio dan agihan ataupun alokasi dana KWSP adalah lebih saksama iaitu 10% untuk pasaran saham, pasaran modal, 70% lebih kurang adalah untuk sekuriti kerajaan yang dijamin ataupun bon-bon yang dijamin oleh kerajaan. Tetapi sekarang alokasi ini telah bertukar. Saya akan pergi kepada ucapan saya nanti di hujung ucapan ini.

Ditambah pula dalam pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu sebanyak RM1.063 bilion, lima dari tujuh syarikat bersekutu yang diceburi KWSP menunjukkan kerugian. Saya percaya kegiatan ini boleh merugikan pencarum dan KWSP sepatutnya...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, boleh minta izin.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya habiskan sedikit lagi. KWSP sepatutnya tidak terlibat dalam perniagaan secara langsung.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk minta kepada pihak yang berucap itu sebentar tadi, Yang Berhormat Kubang Kerian, adakah bersetuju bahawa setakat ini tidak ada penyimpan-penyimpan yang mendapat balik wang simpanan itu dalam bentuk kekurangan. Tetapi yang saya tahu selepas dalam perniagaan wang balik simpanan kepada pekerjanya tidak pernah kurang, bahkan dia mendapat lebih daripada perniagaan. Jadi, yang penting ini kita hendak jaga kepentingan ahli. Saya bersetuju kalau saya mencarum, bila pulang balik wang saya itu dikurangkan kerana kerugian. Tetapi setakat ini alhamdulillah, bukan kurang bahkan bertambah. Sekian, terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat bagi Tebrau, saya ucap terima kasih, soalan itu bagus. Tetapi kalau KWSP tak rugi, banyak lagi dividen dia boleh bagi sebab dividen itu turun naik, dia tak fix. Itu menunjukkan di'adjust' ataupun disesuaikan dengan kerugian yang dialami oleh KWSP

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tampin bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila 'Tampin' dahulu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Rompin atau Tampin?

Tuan Yang di-Pertua: Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Kubang Kerian. Perbincangan atau perbincangan tentang isu hak pencarum dan pulangan kepada pencarum, saya hendak bertanya memang semua kita bersetuju, Dewan yang mulia ini bersetuju, semua rakyat Malaysia bersetuju, pencarum bersetuju bahawa pertama, wang yang dicarum itu mesti selamat. Isu sekarang adakah wang di KWSP ini selamat atau tidak. Yang keduanya, mesti ada pulangan dividen. Saya hendak bertanya, macam mana kita hendak memastikan pelaburan, caruman itu selamat pada masa yang sama ada pulangan (return).

Tadi Yang Berhormat kata kita mesti pastikan wang yang dicarum itu selamat. Pada masa yang sama Yang Berhormat kata mesti ada pulangan yang baik. Nampak tidak berapa konsisten itu. Maknanya, kalau kita mahu wang itu selamat, pada masa yang sama kita juga mempersoalkan kalau dividen itu turun, pulangan itu turun. Maknanya, mesti ada risiko dalam pelaburan tetapi risiko itu mesti diuruskan dengan baik. Ini penting Yang Berhormat kalau kedua-dua isu ini. Kadang-kadang kita hanya mengatakan bahawa kita mesti selamat, wang tidak apa-apa, tetapi pada masa yang sama kita menuntut juga apabila KWSP mengumumkan pulangannya (return) itu tidak berapa tinggi.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya sudah faham, Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:.....seperti dengan yang lain kita juga akan mempersoalkan. Saya hendak minta bagaimana kita hendak....

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh, boleh.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:....selaraskan dua isu ini, sesuaikan dua isu ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, macam mana kita hendak atur pertentangan di antara keselamatan dana dengan dividen. Saya beri satu contoh, mungkin Rompin tidak hadir semalam, saya sudah sebut di permulaan ucapan saya. Sebagai satu contoh, penglibatan KWSP dalam Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd., kebanyakan orang belajar ekonomi asas semua tahu sistem transit aliran ringan

ini tidak bankable, tidak ada bank yang sanggup beri kecuali bank itu bank sudah tempah hendak bankrap. Malayan Banking tidak beri, very simple.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu yang sebenarnya tak benar....

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya habiskan dahulu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau Yang Berhormat katakan bahawa sistem aliran transit tidak ada, itu tidak betul itu, saya hendak beritahu tidak benar, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri itu umumkan senarai bank-bank yang membiayai, mungkin kita boleh mempersoalkan dari segi returnnya, itu saya boleh bersetuju, tetapi hendak katakan bahawa tidak ada bank yang membiayai, itu tidak benar, saya ingat Yang Berhormat kena gunakan fakta yang betullah, sebab saya tadi bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita ada perdebatan di sini, tetapi kena menggunakan fakta yang betul, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya habiskan dahulu, lepas itu

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat .

Tuan Husam bin Haji Musa: Sistem transit aliran ringan ini ikut bacaan saya, di seluruh dunia adalah sangat rendah viabilitinya dan KWSP masuk modal RM135 juta pada masa orang lain tidak hendak masuk dan dia beri pinjaman RM632 juta. Pinjaman ini tidak dijamin oleh kerajaan kerana setiap pinjaman yang dijamin oleh kerajaan ada dalam buku ini, Akaun Awam Persekutuan 1998 untuk tahun 1998 ada dalam buku ini, di hujung, tiap-tiap pinjaman yang dijamin, penyata lengkap memorandum jaminan dalam negeri yang dijamin oleh kerajaan, yang KWSP beri – Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak, Khazanah Nasional, KL International Airport, Malaysia Building Society, Perwaja ada detailnya tetapi tidak ada sistem transit aliran ringan, bererti pinjaman ini tidak dijamin oleh kerajaan, tak selamatlah itu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya, ini yang saya katakan tadi, kalau sesuatu pelaburan itu dijamin oleh kerajaan, sudah semestinyalah returnnya, dividennya rendah. Sebab itu, Dewan sendiri membenarkan 10%, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh betulkan, beberapa peratus itu dibenarkan untuk melabur termasuk dalam pasaran saham, begitu juga kalau KWSP membeli dalam pasaran saham tidak ada jaminan kerajaan juga. Isu ini saya merasakan keselamatan wang yang dilabur dan return dan sudah semestinya kalau

kita mahu return yang tinggi, ada sedikit risikonya tetapi risiko itu kena diuruskan. Tetapi saya hendak bertanya pelaburan yang ada itu, adakah pelaburan ini sudah dihapus kira. Kalau dihapus kira mungkin boleh menjadi isu, apa yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat belum dihapus kira lagi. Sebab itu saya katakan, Yang Berhormat, perbincangan itu mungkin saya persoalkan sedikit tentang isu keselamatan dan isu-isu pulangan ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Biar saya jawab dahulu, Yang Berhormat, nanti lupa, banyak sangat ini, ada tiga

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya pergi kepada ucapan saya, kerana ini lebih penting, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berharap satu penjelasan dapat diberi tentang maksud pinjaman gadai janji bersih yang akan matang dalam masa 12 bulan dan selepas 12 bulan ialah masing-masing RM1.7 bilion dan RM2.7 bilion.

Tuan Yang di-Pertua: Tambun bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, dalam penyata pendapatan pelaburan bagi laporan tahunan, Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya hendak minta jalan. Rasa saya satu perkara, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak beri jalan, saya tidak beri jalan. Kalau hendak sambung Yang Berhormat bangun berucap, saya boleh sambung selepas ini. Dalam penyata pendapatan pelaburan bagi laporan tahunan 1998 ada dicatatkan rosot nilai pelaburan sebanyak RM434 juta dan kerugian pinjaman dan peruntukan sebanyak RM264 juta. Ini semua rugi, rugi, ini bukan saya buat ini, ada dalam buku ini. Seterusnya di bawah item 22 – perbelanjaan operasi dicatatkan peruntukan hapus kira hutang ragu dan lapuk sebanyak RM116 juta. Saya pohon penjelasan terhadap perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka merujuk kepada tajuk tanggungan luar jangka di mana dicatatkan dua aduan sivil telah difailkan terhadap KWSP yang melibatkan tuntutan masing-masing sebanyak RM592 juta, orang fail saman di mahkamah dan RM402 juta.

Saya ingin tahu mengapakah keadaan ini berlaku, KWSP seharusnya amat berhati-hati dalam semua urusannya bagi mengelakkan sebarang kerugian terhadap wang pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah berkaitan kerugian KWSP dalam pelaburan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya difahamkan KWSP telah mengalami kerugian sebanyak RM77 juta dari pelaburan ini. Pelaburan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur adalah satu pelaburan yang misteri, kita tidak mempunyai ketelusan untuk melihat bagaimana KWSP menguruskan pelaburan mereka di Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya ingin penjelasan lanjut tentang nisbah alokasi dana KWSP secara keseluruhan. Adakah nisbah abkasi untuk penglibatan dalam pasaran saham telah meningkat, satu masa dahulu hanya 10% sahaja dari keseluruhan dana KWSP boleh digunakan dalam perniagaan saham. Untuk beberapa tahun lalu ia meningkat menjadi 19%, adakah benar ia kini meningkat hampir kepada 30%. Saya fikir adalah wajar di musim kegawatan ini KWSP kembali kepada nisbah asal iaitu terhad kepada 10% sahaja mengikut pasaran saham....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang itu, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya habiskan dahulu, fasal masa sudah tinggal setengah minit lagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Masa tambahan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau boleh beri masa tambah, Tuan Yang di-Pertua, fasal ini tajuk penting ini. Saya pun pencarum, Tuan Yang di-Pertua pun barangkali pencarum.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, dividen tertinggi yang diperolehi oleh pelabur ialah untuk tahun-tahun 1983, 1987 iaitu 8.50%. Sejak itu dividen yang diberi menurun setiap tahun dari 8% kepada 7.50%, kepada 7.70%, kepada 6.70%. Saya kira satu semakan menyeluruh perlu dilakukan untuk mengetahui mengapa ini berlaku. Saya juga suka mencadangkan KWSP mengeluarkan laporan yang lebih kerap dari laporan tahunan kepada laporan suku tahunan. Ini akan memudahkan pemantauan dilakukan. Saya juga ingin mempersoalkan peranan panel pelaburan yang ditubuhkan. Dengan wujudnya panel ini Lembaga KWSP kelihatan tidak mempunyai fungsi yang mutlak dalam

memutuskan pelaburan dan komitmen kewangan KWSP. Kerajaan perlu sedar pencarum adalah majikan KWSP dan pencarum berhak untuk mengetahui secara terang dan terbuka semua urusan KWSP dan berhak pula mendapat pulangan yang paling maksimum dari caruman mereka.

Sebarang manipulasi dana KWSP adalah amat memalukan. KWSP juga dikatakan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, mintalah

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Perenggan yang paling akhir sekali. KWSP juga dikatakan telah melantik satu panel penasihat Jepun untuk menasihati KWSP. Saya ingin tahu mengapa firma Jepun ini dipilih dan apakah tujuan sebenar perlantikan ini dibuat. Dalam akuan berkanun yang dibuat oleh Murad pada satu masa dahulu, Murad telah mengecam Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana ingin melantik firma asing menasihati KWSP. Apakah perbezaan tindakan ini dengan tindakan yang didedahkan oleh Murad dahulu. Boleh sambung lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat. Masa sudah cukup, cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak boleh longgar-longgar sedikit? Sik tidak datang, lama Tuan Yang di-Pertua, beri masa kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tebrau. Lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab ya.

10.28 pagi

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih mengizinkan saya untuk mengambil bahagian bersama-sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2000 dan saya tidaklah begitu panjang untuk memberikan perbahasan pada pagi yang berbahagia ini. Cuma saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan pindaan kepada Seksyen 68 bagi kumpulan wang yang bukan warga negara Malaysia.

Saya ucap terima kasih kepada kerajaan di atas pindaan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan tujuan untuk memberi kemudahan dan faedah kepada ahli kumpulan wang itu, memang sewajarnya sebagai ahli

kumpulan dapat menerima kemudahan daripada wang simpanannya. Untuk memastikan wang itu dapat digunakan untuk kebaikan masa depan ahli-ahli dan keluarganya, maka saya ingin menyentuh dalam kumpulan wang yang bukan warga negara Malaysia.

Kita sedia maklum Kerajaan Singapura tidak membenarkan mengeluarkan wang simpanannya kepada rakyat Malaysia yang telah meninggalkan negara itu untuk balik dan tidak bekerja lagi, yang dibenar di Sabah sahaja. Saya ingat, pada saya, ini tak kena. Sebagai sebuah negara ASEAN yang kita berjiran rapat di antara dua negara, tetapi kita tidak dibenarkan keluar, saya dimaklumkan Kerajaan Malaysia ini baik, orang-orangnya mana yang hendak meninggalkan Malaysia dibenarkan keluar wang, boleh ambil dengan tidak ada sekatan, dengan tidak ada apa-apa larangan. Tetapi bagi Kerajaan Singapura, ia menyekat perkara ini dan kita telah pinda banyak ini, macam-macam pindaan yang kita buat untuk kita memberi kemudahan kepada para ahli. Begitu jugalah patut Kerajaan Singapura ini sedar, kita hendak ambil wang itu untuk kegunaan ahli-ahli yang bekerja di sana.

Jadi, saya mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia ini cuba berunding balik dengan Kerajaan Singapura, boleh atau tidak dibenarkan, kalau tidak ada 100% pun berilah beberapa peratus untuk dibenarkan keluar untuk kegunaan ahlinya. Dan kedua, kalau dia tidak hendak juga, kita pun buat serupalah, jangan membenarkan pekerja yang meninggalkan Malaysia yang belum cukup umur tidak payah dibenarkan keluar. Jadi, saya ingat dalam perkara yang kecil-kecil ini, walaupun wang ini besar, tetapi perundingan ini patut bolehlah Kerajaan Singapura menimbangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya mencadangkan tadi dirunding, kalau sekiranya tidak juga dibenarkan, kita pun buatlah sama, jangan keluar wang simpanan pekerja-pekerjanya melalui EPF atau KWSP, jangan keluar sebelum cukup umur 55 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Pohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, pohon penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat Tebrau supaya membalas balik tindakan Singapura kepada kita itu, tetapi saya ingin penjelasan dan maklumat lebih lanjut daripada Yang Berhormat Datuk berkaitan dengan kalau pekerja Malaysia di Singapura itu, ribuan jumlahnya,

malah puluhan ribu, tetapi pekerja Singapura di Malaysia agaknya ramaikah ataupun hanya puluhan atau ratusan sahaja. Jadi, kalau itu keadaannya, adakah berkesan hasrat kita untuk membalas balik tindakan Singapura terhadap kita itu.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini, kita balas tak balas, itu cerita kedualah, tetapi yang penting kita mengambil tindakan yang sama, walaupun maknanya mungkin pekerja kita ini banyak yang bekerja bawahan dan mungkin yang Kerajaan Singapura, pekerja-pekerja ini kerja yang mempunyai pengajian yang tinggi dan mungkin pemetongannya pun lebih tinggi, tetapi yang penting ini, kita hendakkan supaya kalau Sabah diberi, kenapa kita tidak beri dan kenapa orang dia pula kita benarkan kita beri?

Jadi, masalah lebih atau tidak lebih pada saya itu tidak timbul, tetapi Kerajaan Singapura biar sedarlah bahawa rakyat Malaysia pun hendakkan sedemikian rupa.

Yang kedua, pada pindaan Seksyen 54(6) bagi diberi peluang untuk tujuan membeli bermacam-macam alat, cuma satu sahaja, saya tidak tahu sama ada boleh atau tidak dipertimbangkan oleh KWSP, ini kalau hendak beli saham yang dibuka oleh kerajaan, ini baru buka Amanah Saham Malaysia umpamanya dan lain-lain saham, kalau ini boleh dibenarkan daripada duit dia sedikit, ikut kemampuan dan kewangannya, kita benarkan dia keluar untuk membeli saham

Jadi, mungkin dalam tempoh dia bekerja berpuluh tahun lagi ada, dia dapat keluar sedikit beli saham, bila dia bersara mungkin saham yang dipilih, yang ditentukan oleh kerajaan itu agak menguntungkan, kita benarkan sedikit sebanyak supaya dikeluarkan wang simpanannya untuk membeli saham. Jadi, tidaklah besok ia boleh digunakan kepada yang lain, tetapi saham ini saya ingat untuk masa depan keluarga dan juga ahli kumpulan itu.

Jadi, saya cuma minta kalau pihak KWSP boleh menimbang balik dalam tujuan untuk membeli saham yang boleh menguntungkan, yang difikirkan perlu oleh KWSP, dia tahu, macam hari semalam saya katakan ASM telah dilancarkan, mungkin ada RM2,000 atau RM4,000 yang ada simpanan itu kita benarkan keluar untuk membeli saham, untuk menjamin wang itu disimpan dengan sebaik-baik tempat.

Dan keduanya masalah

Tuan Yang di-Pertua: Yang ketiga, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang ketiga, [*Ketawa*] yang akhirlah. Seksyen denda ini, yang kalau salah gunakan wang ataupun wang yang

dipohon untuk tujuan pendidikan tinggi atau perubatan, sekiranya dalam seksyen itu kalau wang itu tidak digunakan semua, sebahagian atau tiga suku, yang separuh itu kena pulang. Ini hendak pulang duit ini bukan mudah, lagi-lagi kalau orang susah. Pinjam wang kerana perubatan. Jadi, saya tidak tahu seksyen ini ialah pada saya lihat keslah, kalau perubatan, kalau orang susah bayar bil perubatan barangkali perubatan swasta atau sebagainya yang mahal digunakan, gunakan bil sahaja rasa saya atau macam mana cara saya tidak tahu. Kalau denda, lepas itu duit, duit dialah, memang kerajaan simpan, lama-lama kerajaan dapat banyaklah duit simpanan interest, dia tidak dapat interest. Jadi, bila diberi ini janganlah enakmen ini digunakan dalam kes-kes tertentu, macam perubatan ini memang masalahlah, kadang-kadang saya pun tahulah, hendak minta duit perubatan ini, hendak bayar sampai kena hendak saman pihak hospital swasta kerana tidak mampu.

Jadi, dalam kes pendakwaan yang tidak cukup ini, tidak tahu dari clause mana, suruh pulang balik ini bukan mudah melainkan kalau dia, saya setuju, kalau seksyen dia tidak gunakan kepada apa-apa yang dipohon, itu boleh, ini pulang balik ini, kalau duit ambil RM5,000, belanja RM4,800, RM200 kena pulang balik dah tak ada duit, dah terpakai ke, apa ke, perbelanjaan lain, dia menggunakan seksyen ini.

Jadi, saya ingat dapat kerajaan melihatlah dalam seksyen ini. Terima

Tuan Yang di-Pertua: Seksyen apa itu, Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan berkenaan....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya tidak mahu, wassalamualaikum tadi. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Datuk, lihat di sebelah sini. Siapa yang boleh tanya?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri yang mana?

Tuan Lim Hock Seng: Ya, dia beri kepada saya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan dahulu ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat merujuk kepada Fasal 15 di mana mana-mana ahli kumpulan wang yang melanggar Seksyen (1) dan (2) adalah melakukan satu kesalahan. Tetapi dia tidak kata dendanya macam mana, sama ada hendak didenda RM1,000 atau sepuluh kali ganda yang dia

keluarkan itu. Adakah Yang Berhormat akan meminta menteri supaya menjelaskan perkara ini?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tak, itu dah ada dalam seksyen denda dan hukum dia ada, kalau dia bawa pergi mahkamah, saya minta menteri lah terangkan, Yang Berhormat baca sendirilah itu. *[Ketawa]* Dia ada dalam hukum dia itu ya. Ya, seksyen 59 ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, seksyen 58A, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, cukup tepatlah jawapan Yang Berhormat Tebrau tadi, kalau hendak tahu, baca sendirilah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Tebrau. Tadi, Yang Berhormat berbincang sedikit berhubung dengan pengeluaran wang daripada KWSP. Jadi, nampaknya kebelakangan ini KWSP ini semakin begitu baik hati nampaknya, pinta ini dikeluarkan, pinta itu dikeluarkan, bahkan banyak kelulusan, ini pun telah menunjukkan yang KWSP itu terbuka untuk cadangan dan memberikan pengeluaran dana, tetapi kalau kita lihat banyak kawan-kawan di Dewan ini telah membincangkan iaitu matlamat utama KWSP ialah, yang pertama, saya ingat diwujudkan untuk menyimpankan wang untuk pekerja ini semasa hari tua mereka, semasa mereka berpencen nanti. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya mungkin juga betul, Tuan Yang di-Pertua, supaya menambahkan dana tabung negara dan dengan adanya KWSP ini kita telah mempunyai dana tabung yang begitu besar sekali bahkan salah satu yang tertinggi di dunia. Ini adalah daripada dana KWSP, itulah maka mengapa di negara-negara lain macam Singapura mereka rasa tidak selesa hendak mengeluarkan dan saya telah berbincang dengan beberapa negara termasuk macam Kanada pun mempunyai sistem yang sama, mereka tidak keluar langsung.

Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Tebrau ini bersetuju atau tidak kita keluar ini dan termasuk jugalah kalau orang hendak pergi haji boleh atau tidak dikeluarkan benda-benda, perkara-perkara yang unik semasa orang itu masih muda, dalam keadaan kesihatan yang tertentu. Kalau umpamanya, orang itu sakit umur 55 tahun, mungkin lepas 56 tahun, dia rasa tidak selesa hendak pergi haji umpamanya, boleh atau tidak dibenarkan mengeluarkan peruntukan ini sedikit. Kalau dia tidak ada permintaan pengeluaran untuk membeli komputer, untuk pendidikan dan kesihatan lain, dia minta satu pengeluaran untuk pergi haji, macam mana?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, dalam cadangan ini pada saya amat baik, tetapi pengeluaran itu kita lihat berapa kali dia dah pergi hajilah, kalau dia dah banyak kali pergi ini pun mungkin kita benarkan sekali itu memang baiklah, walhasil cadangan daripada Barisan Nasional ini semua baik-baik dan saya bersetujulah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ucap banyak terima kasih dan atas cadangan lepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, itu memang tempatnya dan saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

10.39 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya hendak merakamkan jutaan terima kasih kepada sepuluh orang Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Mambong, Seputeh, Tambun, Kuala Kedah, Jelutong, Tanjong, Gelang Patah, Kubang Kerian dan Tebrau yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2000 ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah banyak mengeluarkan pandangan, saranan dan syor yang membina termasuk ahli-ahli dari pihak pembangkang juga telah mengeluarkan beberapa pandangan yang boleh dianggap membina dan pihak kerajaan, Kementerian Kewangan dan pihak KWSP khususnya akan mengambil berat tentang beberapa pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Terutama sekali saya hendak memberikan sedikit penerangan tentang beberapa pertanyaan yang telah dikemukakan iaitu tentang soalan pokok iaitu tujuan asal KWSP ini diwujudkan iaitu KWSP ini diwujudkan sebagai satu skim keselamatan sosial untuk menjaga persaraan dan kepentingan ahli-ahli kumpulan wang itu. Dengan mewujudkan beberapa skim termasuk beberapa skim yang akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini nampaknya kita sudah lari daripada tujuan asal iaitu sebagai satu skim keselamatan sosial. Saya hendak memberikan penjelasan di Dewan yang mulia ini bahawa kita memang tidak lari daripada tujuan asal ini. Sebab itu kita telah mewujudkan tiga akaun – Akaun 1, Akaun 2 dan Akaun 3.

Akaun 1 iaitu sebanyak 60% daripada wang yang dicarum oleh ahli akan disimpan di dalam Akaun 1 ini dan Akaun 2 30% dan Akaun 3 10%. Akaun 1 60% ini akan dijadikan amaun yang kita tidak boleh sentuh sebelum persaraan seseorang ahli dan Akaun 2 30% ini adalah dibenarkan dikeluarkan untuk tujuan perumahan, pendidikan dan Akaun 3 iaitu 10% ini adalah boleh dikeluarkan untuk tujuan kesihatan. Maka 60% ini dianggap untuk tujuan persaraan dan Akaun 2 dan Akaun 3 ini diwujudkan untuk prapersaraan tetapi ada kaitan dengan kebajikan pekerja ini iaitu untuk tujuan perumahan, pendidikan dan kesihatan.

Dalam Akaun 1 kita juga telah mewujudkan dua skim. Satu skim ialah skim pelaburan di mana seseorang ahli dibenarkan mengeluarkan 20% daripada jumlah yang atas RM50,000 ini untuk dilaburkan dalam Unit Trust. Unit Trust ini akan disimpan, bukan dipakai oleh pekerja ataupun ahli pada masa ini tetapi ini akan disimpan dan cuma boleh dikeluarkan semasa dia berumur 55 tahun. Maka ini kita tidak sentuh sebelum persaraan.

Skim yang kedua yang akan kita luluskan oleh Dewan yang mulia ini ialah skim pembelian insurans di bawah skim anuiti dan ini juga boleh dikeluarkan semasa dia sampai umur 55 tahun. Maka, 60% ini kita memang tidak boleh sentuh selepas persaraan. Yang 30% ataupun Akaun 2 ini.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan RM50,000 untuk membeli Unit Trust, saya rasa, saya difahamkan mungkin tidak ramai yang mampu, sama ada boleh dipertimbangkan dikurangkan mungkin separuh kerana ada yang bekerja 12 tahun, simpanannya mungkin baru dalam RM30,000. Jadi, bererti kalau dia ada RM50,000 campur RM1 baru dia boleh beli. Yang tidak cukup RM50,000 ini saya rasa mungkin ramai. Jadi, kalau boleh ditimbangan, mungkin dikurangkan separuh daripada RM50,000 itu dibenarkan untuk membeli saham-saham tersebut. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, kita menetapkan RM50,000 untuk menjadikan satu garis panduan yang ketat. Maka kalau kita turunkan RM50,000 kepada RM30,000 orang kata kita sudah lari daripada tujuan asal. Maka, kita menetapkan RM50,000 ini untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya semasa seorang ahli bersara, dia dapat sekurang-kurangnya RM50,000 daripada Akaun 1 ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana skim pelaburan ini dibenarkan untuk membeli Unit Trust sahaja dan ia cuma boleh dikeluarkan semasa dia sampai umur persaraan, maka

kita bersedia untuk memberikan pertimbangan kepada saranan Yang Berhormat ini supaya kita menurunkan RM50,000 ini kerana ia memang untuk tujuan yang baik dan bukan tujuan yang lain seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari pembangkang untuk membeli peti sejuk dan sebagainya, memang ini merupakan satu tujuan yang baik. Kita sedia memberikan pertimbangan.

Akaun 2 ini, perumahan kita anggap sebagai satu pelaburan yang baik. Ini bukan untuk persaraan sahaja tetapi prapersaraan juga. Saya ingat Yang Berhormat tidak akan menentang ini. Pada kali ini kita akan mewujudkan skim pendidikan pengajian tinggi. Pada pendapat kerajaan, pelaburan dalam bentuk pendidikan anak-anak kita ini merupakan satu pelaburan yang baik sekali untuk menjaga persaraan kita. Maka, dalam konteks ini kita membenarkan sebahagian daripada skim ini dikeluarkan untuk pendidikan.

Saya juga hendak mengambil kesempatan di sini untuk memberikan penerangan kepada pandangan beberapa orang Yang Berhormat yang membangkitkan yang menyentuh tentang polisi ataupun dasar alokasi aset.

Yang Berhormat bagi Tambun berkata bahawa sistem pelaburan KWSP adalah konservatif. Sebagai satu dana yang diberikan amanah untuk menjaga kepentingan ahli-ahlinya selepas persaraan, kita memang hendak mengambil sikap konservatif semasa kita mengadakan alokasi aset dan oleh kerana ini dalam Akta KWSP kita telah menetapkan bahawa 70% daripada wang yang dikutip ini mesti dilaburkan kepada sekuriti Kerajaan Malaysia – 70%. Sungguhpun pulangnya tidak begitu tinggi tetapi ia berisiko rendah. Ini memang menjadi dasar pelaburan KWSP tetapi oleh kerana dana KWSP ini bertambah meningkat begitu cepat sekali, setiap bulan kita dapat mengutip antara RM1.3 bilion hingga RM1.5 bilion. Tiap-tiap tahun kita dapat mengutip tidak kurang daripada RM15 bilion. Ia meningkat begitu cepat sekali dan kalau dibandingkan dengan pertumbuhan saiz sekuriti Kerajaan Malaysia amat kecil sekarang.

Mustahil bagi kita mencapai tahap 70% ini kerana sekuriti Kerajaan Malaysia tidak begitu besar. Kita hendak labur 70% untuk membeli sekuriti Kerajaan Malaysia tetapi Kerajaan Malaysia tidak dapat membekalkan begitu banyak sekuriti atau bon untuk KWSP. Oleh kerana ini, dengan persetujuan Menteri, memang dibenarkan di dalam Akta KWSP ini, kita telah pun membenarkan supaya KWSP tidak semestinya untuk mencapai 70% tetapi seberapa boleh bergantung kepada offer daripada

Kerajaan Malaysia iaitu seberapa boleh kita akan mengadakan pelaburan dalam sekuriti Kerajaan Malaysia – seberapa boleh. Selain daripada itu, kita tidak ada pilihan lain supaya kita mengubahsuaikan dasar alokasi aset kita ini. Dalam konteks ini kita telah pun meningkatkan pelaburan dalam pasaran saham daripada 10% sampai ke-25%.

Walau bagaimanapun, apa juga pelaburan yang akan dilakukan oleh KWSP ini kena mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, peraturan yang sangat ketat dan dengan kelulusan Menteri Kewangan baru dia boleh mengadakan satu pelaburan dalam pasaran saham ataupun memberikan pinjaman kepada sesuatu syarikat swasta ataupun syarikat kerajaan untuk melakukan sesuatu projek.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, sedikit masa dahulu saya ingat Kementerian Kewangan telah pun membenarkan KWSP ini terlibat dalam pasaran bon dan sekuriti di luar negara. Jadi, dengan langkah itu tidak timbul masalah pasaran sekuriti negara adalah begitu ketat dan sempit untuk dana KWSP yang meningkat.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi, kita memang hendak melabur dalam sesuatu di mana risikonya rendah tetapi pulangannya seberapa tinggi yang boleh. Kita hendak jaga, kita hendak ikut dasar ini dan oleh kerana itu setakat ini kita telah melaburkan satu jumlah yang sangat negligible, dengan izin, dalam bon luar negeri dan pada masa sekarang kita sedang memberikan pertimbangan yang serius supaya kita melaburkan untuk membeli bon ataupun sekuriti daripada luar negeri yang dianggap risiko rendah tetapi akan mendatangkan pulangan yang tinggi. Kita memang akan memberikan pertimbangan dan KWSP akan membuat satu keputusan tidak lama lagi dan...

Tuan Husam bin Haji Musa: Satu lagi Yang Berhormat. Kita sekarang mendapat pinjaman daripada Jepun di bawah inisiatif baru Miyazawa untuk beberapa projek yang saya kira lebih kurang RM30 bilion dan jangka pulangan ataupun pembayaran ialah 40 tahun. Kita semua tahu jika Yen Jepun naik, kita akan membayar RM30 bilion dalam masa 40 tahun dengan satu jumlah yang begitu besar. Jadi, adakah be nar pasaran sekuriti ataupun pasaran modal untuk negara kita ini kecil sehingga kita terpaksa, pada masa yang sama mendapat pinjaman asing. Jadi, premis Yang Berhormat bahawa pinjaman pasaran sekuriti kita adalah kecil, pada saya adalah tidak beberapa tepat.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat, minta maaf. Saya tidak berapa dapat

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat sebut tadi bahawa alokasi telah berubah kerana pasaran sekuriti negara kita kecil, dana kita banyak tetapi saya rasa pandangan ini adalah tidak benar kerana pada masa sekarang kita juga meminjam daripada luar, di bawah inisiatif baru Miyazawa kita pinjaman dekat RM30 bilion dan ini akan merugikan kedua-dua pihak.

Dato' Chan Kong Choy: Kita hendak pinjaman dalam bentuk Yen dan selain daripada itu faedah ataupun interest yang diberikan oleh kita memang sangat rendah di antara 0.75% hingga 1% sahaja. Memang interest yang ditawarkan ini memang sangat rendah - 0.75% sampai 1% sahaja. Ini faedah yang ditawarkan, memang ini merupakan satu pinjaman yang dianggap sangat-sangat menarik...

Tuan Husam bin Haji Musa: Tetapi selepas 40 tahun, kerana pinjaman ini adalah dalam jangka 40 tahun, selepas 40 tahun jika Yen ini naik harga dalam masa 40 tahun ini, kita bayar dalam Yen. Jadi, dengan sendirinya pinjaman ini adalah sangat mahal.

Dato' Chan Kong Choy: Oleh kerana pinjaman ini adalah diambil untuk membiayai beberapa projek yang dianggap akan mendatangkan pulangan yang bagus, maka atas consideration ini kita tetap terima pinjaman ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah bayar awal daripada 40 tahun itu?

Dato' Chan Kong Choy: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bertanya Yang Berhormat. Jangan ucap terima kasih kepada saya, saya bertanya bolehkah dibayar balik sebelum 40 tahun itu?

Dato' Chan Kong Choy: Oh, boleh, boleh. *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua lagi berpengalaman dalam hal kewangan. Mana ini.....*[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, dalam pinjaman yang kita keluarkan kepada syarikat-syarikat, baik syarikat dipunyai oleh kerajaan mahupun swasta, biasanya ada jaminan daripada kerajaan, bank ataupun dengan cagaran saham ataupun hartanah yang lain. Saya mengakui memang ada beberapa pinjaman yang dibuat ini diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu di mana ia tidak diberikan jaminan oleh kerajaan. Namun demikian, biasanya ia dalam bentuk project financing. Namun demikian, dalam projek infrastruktur pinjaman adalah dalam bentuk project financing

dibekalkan oleh pihak KWSP. Saya akui bahawa tidak ada jaminan yang diberi oleh kerajaan tetapi penyertaan KWSP dalam projek-projek ini adalah bergantung kepada satu, cash-flow project; yang kedua, viability project.

Dalam project financing, KWSP telah memberi pinjaman seumpama ini kepada dua projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu STAR dan juga PUTRA. Jaminan dan sekuriti tambahan dalam pembiayaan di atas adalah dalam bentuk government support loan, dengan izin, dan juga concession agreement, dengan izin, di antara peminjam dan kerajaan yang pada pandangan KWSP juga membentuk sebahagian daripada jaminan kerajaan. Dalam concession agreement terdapat step in clause, dengan izin, oleh pihak kerajaan sekiranya projek ini gagal. Maka, dalam dua projek yang saya sebutkan tadi, memang dia sedang menghadapi beberapa masalah tetapi perkara ini akan diselesaikan dan apa pinjaman yang dikeluarkan oleh KWSP ini tidak akan dihapus kira.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, saya ada dua soalan. Yang pertama, Yang Berhormat kata tadi bahawa penglibatan KWSP dalam Sistem Transit Aliran Ringan ini telah mengambil kira jangkaan keuntungan yang akan diperolehi tetapi buat masa sekarang mencatatkan kerugian. Saya hendak tahu bilakah dijangka KWSP ini akan mendapat keuntungan. Yang kedua, saya hendak tahu bagaimana kedudukan pinjaman KWSP kepada Syarikat Air Johor dan juga Bakun, bagaimana kedudukannya?

Dato' Chan Kong Choy: Pinjaman yang diberikan kepada Syarikat Air Johor ini adalah dijamin oleh pihak kerajaan Untuk menjawab soalan pertama Yang Berhormat, bilakah kita akan mendapatkan return daripada pelaburan kita dalam STAR dan PUTRA ini, saya tidak mempunyai fakta terperinci di sini. Walau bagaimanapun, saya memberikan jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa apa juga pinjaman yang kita berikan kepada kedua-dua projek ini tidak akan dihapus kira.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih sekali lagi. Saya terbaca satu laporan, satu kertas kerja yang disiapkan oleh konsultan kerajaan iaitu Paul Backernan dalam *Debt Re-Structuring* yang diadakan di Hotel Hilton yang menyebut bahawa semua operator transit ringan pada asasnya adalah financially bankrupt kerana tidak dapat memenuhi tuntutan liabilitinya. Adakah KWSP bercadang untuk menarik balik pelaburan KWSP dalam Sistem Transit Aliran Ringan ini dan juga pinjaman telah diberikan diimbuh balik oleh kerajaan.

Dato' Chan Kong Choy: Kedua-dua syarikat masih dalam penstrukturan semula dan kita yakin bahawa selepas proses penstrukturan semula kita akan dapat balik pelaburan kita, baik dari bentuk wang tunai ataupun share kedua-dua syarikat ini.

Beberapa Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang perkara yang ada kaitan dengan komisen. Seperti yang diterangkan dalam akta asal ini dan mengikut amalan KWSP, komisen memang adalah merupakan sebahagian daripada upah dan pindaan yang dilakukan pada kali ini adalah untuk tujuan menjelaskan seluas-luasnya dalam perkara ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah menyentuh bahawa kita membenarkan seseorang ahli untuk mengeluarkan wang untuk perumahan, pelajaran, komputer dan sebagainya dalam Akaun 2 ini daripada skim-skim yang saya sebutkan tadi. Seseorang ahli ini mungkin terkeliru mana hendak mengeluarkan, maka nasihat kita ialah ahli-ahli kena membuat keputusan mengikut keutamaan masing-masing dalam perkara ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga menyentuh tentang perlantikan seseorang pemeriksa tidak diwartakan. Ini tidak benar. Pindaan yang diadakan dalam Fasal 6 ini tidak melibatkan pemeriksa yang dilantik sebagai pemeriksa. Mereka masih dikehendaki ataupun diwajibkan diwartakan. Yang tidak diwartakan adalah pegawai lain yang tidak dilantik sebagai pemeriksa seperti pengurus dan penolong pengurus. Maka dengan pindaan ini lembaga boleh melantik mereka sebagai pemeriksa dengan secara bertulis tanpa diwartakan.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga mengesyorkan bahawa pengeluaran bagi pegawai berpencen, cadangan beliau ialah supaya syer majikan tidak dikembalikan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen ataupun KWAP. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, anggota perkhidmatan awam yang memilih skim pencen telah diliputi oleh skim persaraan pencen dan faedah keselamatan mereka dijamin oleh kerajaan dalam bentuk pencen. Syer kerajaan dikembalikan kepada KWAP bagi tujuan ini bagi memastikan bahawa seorang anggota perkhidmatan awam tidak menikmati dua faedah persaraan.

Beberapa Yang Berhormat juga menyentuh bahawa amaun tambahan yang diberi kepada seseorang ahli kerana kematian ataupun hilang keupayaan pekerja iaitu RM2,000 sahaja. Ini merupakan satu amaun yang kecil. Untuk makluman Dewan

yang mulia ini, rasional penetapan amaun tambahan sebanyak RM2,000 ini adalah seperti berikut:

Satu, memandangkan bahawa amaun tambahan ini dibayar melalui hasil ataupun pendapatan KWSP, ini bererti ahli-ahli KWSP yang lain yang tidak terlibat terpaksa menanggung bayaran itu secara bersama. Purata bayaran bantuan yang ditanggung oleh seseorang ahli untuk bantuan kematian dan hilang upaya telah meningkat dengan begitu ketara dari tahun ke setahun. Implikasinya pendapatan dan keuntungan KWSP yang sepatutnya boleh diberikan dalam bentuk dividen kepada ahli terpaksa dikurangkan untuk digunakan bagi pembayaran amaun tambahan sebagai dana.

Dalam tahun 1997 sahaja kalau kita gabungkan kedua-dua pembayaran, bayaran tambahan dalam kes kematian dan juga kes hilang keupayaan pekerja. Kalau kita gabungkan kedua-dua skim bantuan kematian ini, jumlah bayaran yang terlibat pada tahun 1997 ialah RM102.2 juta. Ini memang merupakan satu jumlah yang besar. Dan, kalau kita ikut cara sekarang ini, ia memang akan meningkat dengan begitu ketara sekali, maka kita anggap bahawa bila seseorang meninggal dunia ataupun hilang keupayaan maka dia boleh mengeluarkan sekali gus semua amaun yang dicarumkan dan di atas ini kita akan memberikan RM2,000 ini. Ini adalah dianggap bersesuaian.

Yang Berhormat bagi Mambong membangkitkan masalah tata tertib. Beliau berkata bahawa sejak KWSP wujud selama 51 tahun ini, tidak ada jawatankuasa tata tertib, ini tidak benar. Jawatankuasa Tata tertib telah ada di KWSP sejak dulu lagi tetapi jawatankuasa tidak ada kuasa membuang pekerja atau menurunkan pangkat seseorang pegawai. Kuasa-kuasa ini adalah pada lembaga. Pindaan ini sebenarnya adalah penurunan kuasa daripada lembaga kepada jawatankuasa tata tertib untuk mengambil tindakan yang sewajarnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat.

Yang Berhormat bagi Mambong juga bertanya tentang jumlah pendapatan kasar KWSP pada tahun 1999. Jumlah pendapatan bagi tahun yang saya sebutkan tadi ialah RM11.584 bilion. Beliau juga bertanya tentang kadar caruman pekerja asing. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar seseorang pekerja asing yang kena mencarum kepada KWSP ialah 11% tetapi bagi majikan RM5 seorang purata, tidak mengikut peratusan.

Yang Berhormat bagi Mambong juga bertanya tentang berapa jumlah pengeluaran dalam tahun 1998 dan juga 1999. Bagi tahun 1998, jumlah pengeluaran ialah RM8,441 milion ataupun RM8.44 bilion. Bagi tahun 1999, jumlah pengeluaran sejumlah RM7,112 milion.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah bertanya apa akan terjadi kalau seseorang pekerja asing ini, sebelum tamat pas pekerjaanya, dia memang mungkin akan melakukan sesuatu kesalahan, apa akan terjadi kepada pekerja yang disebutkan ini. Kita setakat ini belum dapat menerima apa-apa aduan mengenai perkara ini. Tetapi kalau sekiranya perkara ini berlaku, kita akan merujuk kes ini kepada kedutaan yang berkenaan supaya mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja saya memberikan jawapan dan perkara-perkara yang dibangkitkan, yang saya tidak sempat memberikan jawapan di sini, kita akan memberi perhatian dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 9 –

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Fasal 9. Tuan Pengerusi, bolehkah sebab Timbalan Menteri tadi tidak memberi penjelasan mengenai Fasal 9. Jadi, saya ingin Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan ini, sudahkah KWSP menetapkan bilangan akaun yang akan ditubuhkan, *in future*. Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan apa maksud akaun-akaun ini akan ditubuhkan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, setakat ini.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Fasal 9, yang saya lanjut pada komen yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi, di Fasal 9 ini, untuk memberi Menteri kuasa bagi menetapkan apa-apa bilangan akaun.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana kebanyakan ahli, berjumlah lebih 9 juta orang ahli KWSP, kebanyakannya simpanan tidak sampai RM100 ribu. Dan, ada setengahnya di antara RM200 ribu kepada RM400 ribu. Saya ingat kalau yang mempunyai RM100 ribu mungkin tidak sampai 200,000 ahli. Dan, sekarang di dapati bahawa akaun itu dibahagi kepada tiga:

- (i) 60% untuk simpanan hari tua;
- (ii) 30% untuk.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rumah.

Dr. Tan Seng Giaw:rumah; dan

- (iii) 10% untuk.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Perubatan.

Dr. Tan Seng Giaw:perubatan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lambat ya, lambat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan, ini dengan adanya seksyen 50, macam mana kita boleh tetapkan bilangan akaun kalau bagi orang yang lebih RM400 ribu mereka tidak payahlah pihak KWSP membuat bilangan akaun kerana mereka pandai. Kalau hendak beli rumah pun, dia ada punca yang lain. Buat apa-apa, membeli komputer pun punca yang lain. Dan, saya bangkitkan hal ini kerana matlamat utamanya bagi KWSP ialah untuk simpanan sampai hari tua. Itu matlamat utama. Dan, kemudian kita ada bilangan akaun untuk maksud-maksud yang lain.

Soal pokoknya adakah dengan ini kita boleh mengetepikan matlamat utamanya. Itu soalan yang pokok sekali bagi Fasal 9 ini. Walaupun sekali imbasnya, begitu pendeknya perkataan-perkataan di dalam Fasal 9 ini tetapi implikasinya sangat luas. Sebab itulah saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah kaedah yang digunakan untuk memastikan bilangan yang terbesar ahli KWSP dapat faedah, dapat menikmati matlamat utama KWSP.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, sebelum pindaan yang dibuat pada kali ini, kuasa untuk menentukan bilangan akaun ini memang terletak kepada Yang Berhormat Menteri tetapi dalam peraturan-peraturan KWSP, tetapi kali ini kita hendak memasukkan kuasa ini dalam akta. Dan, pihak KWSP setakat ini tidak ada rancangan untuk menukar atau menambah bilangan akaun yang sedia ada iaitu Akaun 1, 2, 3, untuk meliputi beberapa tujuan kerana ketiga-tiga akaun ini dianggap sesuai, dianggap sempurna untuk memberikan beberapa perkhidmatan kepada ahli-ahli yang mencarum. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang ataupun masa yang akan datang, sesuatu keputusan untuk menukar atau menambah akaun yang sedia ada ini, kita akan memberi jaminan bahawa tujuan asal pewujudan KWSP tidak akan terlari.

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 10 – [Pindaan]

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu, iaitu bagi Fasal 10 subseksyen 54(6) ada tiga pindaan saya mohon diluluskan:

- (a) memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (f);
- (b) menggantikan perkataan ‘.’ yang terdapat di hujung perenggan (g) dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(h) ahli Kumpulan Wang itu memerlukan pembiayaan untuk membelikan komputer peribadi bagi anaknya yang telah mencapai umur sepuluh tahun ke atas.”.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong. **11.18 pagi.**

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sepertimana yang telah saya terangkan tadi ssesiapa ahli sahaja yang mempunyai misalannya simpanan lebih daripada RM200,000 atau RM400,000 mereka memang mampu untuk membeli komputer bagi

anak beranaknya jika dia bersekolah dan masalah tidak timbul. Yang timbulnya, yang mempunyai simpanan yang kurang daripada RM100,000. Itulah masalahnya. Sekiranya seseorang yang mempunyai simpanan yang kurang daripada RM100,000 kemudian ada 5 orang anak misalnya di universiti, saya berharap ini untuk universiti sahaja bagi komputer ataupun untuk sekolah rendah dan menengah juga. Semua sekolah dan universiti

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh belaka.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh belaka. Jadi, kalau mereka ini mempunyai 5 anak-beranak, macam mana....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kongsi, kongsi.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kongsi ramai-ramai satu komputer. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kongsi, saya pun tidak tahu. Sebab memang kita hendak galakkan teknologi maklumat. Itu memang satu perkara yang penting. Tetapi cuma kaedah untuk menggalakkan semua ini termasuk pembelian komputer melalui simpanan di dalam KWSP, satu kaedah yang baru dan tidak pernah dilakukan dan di sinilah saya hendak penerangan daripada Yang Berhormat, macam mana kita dapat memantau perkara ini sebab saya takut ini akan disalahgunakan.

Dato' Chan Kong Choy: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak KWSP akan mencadangkan supaya seorang ahli cuma dibenarkan mengeluarkan sekali sahaja untuk membeli sebuah komputer dan harga yang maksimum yang dibenarkan untuk membeli komputer untuk anak yang menuntut di universiti ialah RM5,000 dan bagi mereka yang belum sampai ke universiti cuma RM3,000 sahaja. Ini sekali sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekali sahaja.

Dato' Chan Kong Choy: Sekali.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya gembiralah sekali sahaja tetapi adakah Yang Berhormat sedar apabila seseorang itu membeli komputer, bawa balik ke rumah, komputer itu sudah ketinggalan zaman (out of date) dan mungkin tidak boleh digunakan kalau tidak tahu macam mana kita beli jenis yang baik. Kadangkala jenis yang tidak baik ia rosak begitu sahaja, bukan sahaja ketinggalanzaman dan tidak dapat dipakai.

Saya beri satu contoh, Yang Berhormat Tiga empat tahun yang lepas pihak Kerajaan Negeri Selangor sudah memberi peluang bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada pegawai kanan di dalam Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapat laptop tetapi walaupun laptop itu mahal, waktu itu mungkin lebih RM10,000 sebuah komputer laptop tetapi tidak dapat diguna. Dibawa balik tidak boleh diguna, sentiasa rosak dan sebagainya. Inilah masalah saya timbulkan kerana masalah yang sangat praktikal.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw:yang praktikal dan ini *[Ketawa]* macam mana kita boleh menyelesaikan masalah seumpama ini. Shah Alam tidak ada peluang untuk guna komputer

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha! Tidak apalah, dia tengah minta penjelasan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: ...tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh, tidak apalah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya untuk yang itu tidak betul, Yang Berhormat. Saya bekas wakil rakyat di Selangor

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak apa ini?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:yang dibekalkan dengan komputer itu. Komputer itu boleh pakai.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Oh! Terima kasih, duduk, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh pakai?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...tetapi mungkin dia punya 'ram' lebih kurang

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukup, cukup.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:itu maklumat tidak betul

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...isteri Yang Berhormat pun bekas wakil rakyat tetapi dia tidak dibekalkan komputer.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat ya. Cukup, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini Yang Berhormat ini

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Penjelasan, teruslah, biar Menteri beri penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw:saya faham. Yang Berhormat ini memang tidak betul

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, cukuplah, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw:memang tidak betul. Saya ada gunakan komputer kerana

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Yang Berhormat ini hala ke mana ini? Hak apa ke halnya ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya belum habis lagi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta penjelasan kepada Menterilah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya belum habis lagi....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, saya yang dibekalkan dengan komputer, saya yang gunakan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti, nanti.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:macam mana Yang Berhormat kata saya tidak betul.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat,
.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:Yang Berhormat yang tidak betul
.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Shah Alam....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...Yang Berhormat tidak dibekalkan dengan komputer.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk, duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw:Yang Berhormat, penjelasan ini ialah walaupun Shah Alam dia memang sentiasa 'Alam'....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukuplah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]*tetapi

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak apa penjelasan, Yang Berhormat ya?

Dr. Tan Seng Giaw: ...bukan semua komputer yang dibekalkan itu boleh berfungsi dengan baik

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, cukuplah...

Dr. Tan Seng Giaw: ...ada setengah-setengah itu rosak.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ...serupa kita juga ya.

Dr. Tan Seng Giaw:inilah kita bangkitkan kerana yang terlibat ini bukan beribu orang bahkan beratus-ratus ribu orang di seluruh negara.

Dato' Chan Kong Choy: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Timbalan Menteri jawab ya.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, saya berasal – Parlimen saya di Selangor. Saya juga dibekalkan satu unit laptop yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, saya masih pakai pada masa sekarang ini..... *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh!

Dato' Chan Kong Choy:tetapi dari masa ke semasa saya upgrade dia punya configuration software saya upgrade, sampai sekarang saya pakai. Tidak ada hal, tidak ada masalah, maka tidak betullah Yang Berhormat kata itu.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]* Nanti, nanti dulu, ya.

Dr. Tan Seng Giaw:komputer itu tidak boleh pakai, berapa kali bawa balik kepada Pusat Komputer di kerajaan negeri

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, rosak ya....

Dato' Chan Kong Choy: Saya masih pakai.

Dr. Tan Seng Giaw: ...sudah beberapa kali, saya boleh beri bukti juga.

[Ketawa] [Disampuk]

Dato' Chan Kong Choy: Ya, saya masih pakai.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hak Yang Berhormat rosak terukkah?

Dato' Chan Kong Choy: Untuk makluman Yang Berhormat, RM5,000 ini boleh belilah satu komputer yang canggih dengan macam-macam configuration sekarang ini. Harga komputer sudah turun, tidak ada cukai import, kita beri rebat dan sebagainya, jadi murah. Untuk tujuan pembelajaran dan latihan, saya ingat sebuah komputer boleh dipakai sampai 5 tahun, 10 tahun boleh untuk tujuan pembelajaran dan latihan. Memang cukup, memang cukup ya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat sentuh tentang penyalahgunaan wang, dalam perkara ini dalam Seksyen 60, "*Penyalahgunaan wang ini adalah boleh dianggap menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 dan boleh dipenjarakan enam bulan dalam perkara ini.*"

Fasal 10 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Fasal 11 hingga 23 -

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha! Kepong ada lagi. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 10 tidak dibahas lagi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ia sudah dibahas sekali.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, bukan bahaskan sekali, kita pinda bahaskan dan dipinda, kemudian dibahas lagi selepas pindaan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak juga. Boleh Urusetia ya, sila. Bahas.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 11 Seksyen 55 – Pembayaran berkala sebagai ganti pembayaran jumlah wang pukat.

"55.(1) Walau apa pun Seksyen 54(1), seseorang ahli Kumpulan Wang yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun boleh—

- (a) *memohon untuk mengeluarkan amaun yang ada pada kreditnya secara pembayaran berkala sebagai ganti pembayaran suatu jumlah wang pukal; atau*
- (b) *memohon untuk mengeluarkan dividen sahaja atas amaun yang ada pada kreditnya sebagai ganti pembayaran suatu jumlah wang pukal,*
- dan Lembaga boleh, tertakluk kepada mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, membenarkan pengeluaran itu.”*

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh “termasuklah pengeluaran dividen”? Tuan Pengerusi, bagi sayalah dividen itu sangat penting kerana kalau matlamat utama kita untuk simpanan bagi hari tua, maka pengeluaran secara amaun yang ada pada kreditnya untuk hari tua dan yang penting sekali itu ialah dividen. Ini memang kita sentiasa tekankan dividen itu. Tahun ini diberi 6.84% sahaja dan saya berpendapat bahawa walaupun di dalam rang undang-undang tidak disebutkan cara untuk menetapkan dividen, hanya untuk mengeluarkan dividen tetapi bagi saya 6.84% begitu rendah kalau berbanding dengan masa biasa lebih 8.5%.

Bagi saya, kita memang mesti mempertingkatkan kaedah untuk membuat, menetapkan dividen. Ini terlalu rendah 6.84% dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah yang dimaksudkan oleh di Seksyen 55(1)(a)(b) ini dan sampai fasal mana tadinya? Fasal 11 kepada 23, habis semuanya ya.

Seterusnya mengenai Fasal 12 bahagian baru, ini memang menarik – Pengambilan Polisi Insurans – seksyen 71 (ja).

“(ja) untuk menetapkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengambilan polisi insurans di bawah Bahagian VIA, termasuklah pelantikan, pengurusan, pentadbiran, tugas, terma dan syarat syarikat insurans;”.

Di sini saya bangkitkan kerana adakah ini kena mengena dengan anuiti yang disebutkan kerana melalui anuiti ini pembayaran pendapatan yang tetap untuk satu tempoh yang ditentukan. Ini masalah amaun anuiti dan tempoh yang ditetapkan, ini memang satu perkara yang penting sama ada tiap-tiap bulan dibayar RM400 untuk sekian-sekian lama, 10 tahun dan sebagainya. Adakah satu panel untuk berbuat demikian bagi anuiti ini?

Tuan Pengerusi, memang anuiti satu konsep yang baik, bukan salah, cuma kerana benda yang baru kita pun tidak faham dan pihak KWSP sendiri pun tidak begitu pandai kerana belum lagi melakukan hal anuiti ini dan penerima anuiti pun tidak tahu juga. Memang perlu bagi orang yang simpanan tidak sampai RM100,000 memang diperlukan kerana mereka memerlukan KWSP menguruskan anuiti dengan baik.

Cuma, Tuan Pengerusi, satu lagi mengenai polisi insurans ini bolehkah Yang Berhormat terangkan kita ada membaca kenyataan daripada KWSP bahawa KWSP sudah pun berkongsi dengan Persatuan Insurans Malaysia. Saya pun tidak tahulah macam mana berkongsi untuk insurans kesihatan sebab itu saya syaki Seksyen 71 untuk maksud demikian. Kalau itu, mengapa Yang Berhormat tidak terangkan apa yang dimaksudkan sebagai polisi insurans ini?

Pihak insurans memang dia hendak untung, Tuan Pengerusi, yang penting sekali bagi matlamat utama syarikat-syarikat insurans ialah untuk membuat keuntungan yang besar dan matlamat utama KWSP ini untuk menyimpan wang bagi hari tua. Itu matlamat yang bertentangan yang sama sekali tidak secocok dan macam mana pihak KWSP sudah berunding dengan Persatuan Insurans Malaysia untuk mengadakan satu Skim Insurans Kesihatan? Walhal pihak Kementerian Kesihatan pun belum lagi menggubalkan satu skim insurans komprehensif menyeluruh bagi semua rakyat Malaysia.

Itu pula kita bimbang daripada lebih 9 juta ahli KWSP ini bilangan yang dapat menikmati Skim Insurans Kesihatan yang telah pun disiarkan oleh pihak KWSP itu tetapi butir-butiran itu kita tidak tahu lagi. Apa yang penting ialah umur ahli-ahli KWSP yang boleh menikmati Skim Insurans Kesihatan ini, kalau setelah berumur 55 tahun tidak dapat lagi menikmati polisi ini, maka sia-sia sahajalah kerana yang perlu menikmati skim kesihatan seumpama ini ialah orang yang lebih tua, lebih daripada 55 tahun. Maklumlah kerana usia bagi rakyat Malaysia ini sekarang sudah meningkat kepada lebih 70 tahun dan daripada 55 tahun kepada 70 tahun pukul ratanya, maka ada 15 tahun lagilah puratanya. Macam mana ahli KWSP dapat menikmati skim insurans tersebut?

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih ya.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, Fasal 11 iaitu pindaan Seksyen 55 ini cuma hendak memberikan opsyen kepada pencarum - tiga opsyen. Kalau mereka fikir mengeluarkan dividen ini tidak cukup, bolehlah mereka pilih Opsyen 1 ataupun Opsyen 2. Itu sahaja mengikut keutamaan mereka.

Kalau Yang Berhormat bagi Kepong kata dividen tidak cukup, bolehlah pilih 1 atau 2 [*Ketawa*] ini sahaja, pindaan ini memberikan opsyen.

Fasal 12 kemasukan Bahagian baru VIA ini untuk memberikan satu skim baru kepada ahli Kumpulan Wang, ini sekali lagi adalah merupakan optional, mereka tidak akan dipaksa untuk menyertai skim ini tetapi ini optional. Kalau sekiranya pekerja berpendapat bahawa skim ini akan mendatangkan faedah, maka mereka boleh menyertai skim ini.

Skim ini memberikan pilihan kepada ahli untuk mengambil polisi insurans dalam bentuk anuiti dan nilai setiap unit anuiti adalah RM100 dan kadar premium pengambilan polisi insurans ini Insurance Conventional ataupun Takaful adalah berdasarkan kepada umur dan juga kadar seseorang dapat mencarum.

Misalan, saya beri contoh Yang Berhormat Kepong ya

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Chan Kong Choy: Saya beri contoh. Bagi mendapatkan RM500 secara setiap tahun mulai dari tarikh persaraan 55 tahun, seseorang wanita yang berumur 35 tahun perlu membayar kadar premium sebanyak RM7,602 x 5 iaitu RM38,010 untuk Skim Conventional dan sebanyak RM5,757 x 5 iaitu RM28,785 bagi skim Takaful. Apabila ahli memilih untuk membuat pengambilan polisi, kredit ahli akan dipindahkan kepada syarikat insurans dan bukannya dikeluarkan dari KWSP.

Pada masa ini beberapa syarikat insurans telah dikenal pasti tetapi tidak diumumkan oleh kerana pindaan ini belum diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak rakyat Malaysia lebih 9 juta ahli KWSP memang bimbang kerana pilihan syarikat-syarikat insurans termasuk Takaful. Saya berharap apabila kita pilih syarikat insurans ini kita boleh ada pilihan yang banyak, bukan satu syarikat insurans kerana ini akan memastikan sesuatu syarikat insurans tidak akan mengabaikan kepentingan ahli-ahli KWSP.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 14. Saya bangkitkan Fasal 14 ini kerana saya nampak ia bertujuan, "*untuk meminda seksyen 58 untuk menetapkan jumlah yang boleh dibayar sebagai amaun tambahan kematian dan hilang*

keupayaan ". Saya tidak akan mengambil masa yang panjang untuk hilang keupayaan kerana ini memang ada banyak kategori.

Walau bagaimanapun, pihak PERKESO adakan skim kematian untuk kehilangan keupayaan, adakah pihak KWSP menggunakan kriteria yang sama berbanding dengan PERKESO kerana saya nampak ini ada satu pertindihan juga. Mungkin ahli KWSP bukan ahli PERKESO dan sebagainya, saya faham. Walau bagaimanapun, adakah kategori atau kriteria PERKESO digunakan oleh pihak KWSP? Dan belum habis lagi.

Mengenai Fasal 15 Seksyen 58A, *bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 58A ke dalam Akta 452. Seksyen baru ini melarang seseorang ahli Kumpulan Wang menggunakan apa-apa amaun yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang untuk maksud yang lain daripada maksud yang baginya pengeluaran itu dibenarkan. Jika amaun yang dikeluarkan itu tidak digunakan bagi maksud yang baginya pengeluaran itu dibenarkan, amaun itu hendaklah dikembalikan kepada Kumpulan Wang dalam tempoh enam bulan dari tarikh pengeluaran. Seksyen ini juga memperuntukkan bahawa apa-apa pelanggarannya adalah menjadi suatu kesalahan.*

Memang kita perlu fasal seumpama ini. Cuma yang dikeluarkan misalnya mungkin ada RM100,000 yang dikeluarkan oleh 50,000 orang ataupun 10,000 orang yang keluar, macam mana kita boleh memantau, mengawalseliakan dan menggunakan wang ini dengan tepat. Adakah mereka perlu keluaran misalnya RM5,000 untuk membeli komputer yang canggih yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan kemudian adakah mereka perlu untuk menyerahkan dalam enam bulan, dengan resit? Macam mana kita tahu ada 10,000 orang yang keluar wang - RM500,000, RM5,000 untuk membeli komputer, macam mana kita tahu mereka beli komputer dengan sebenar.

Jadi, ini betul, kita hendak bagi mereka keluaran untuk maksud yang tertentu. Kalau maksud ini tidak dipenuhi, macam mana kita dapat tahu, pemantauan. Kerana semua ini, Tuan Yang di Pertua, semalam sahaja ada 20 tebusan diambil oleh pihak penjenayah, lanun di Sipadan. Walaupun pihak Kementerian Pertahanan, pihak Kementerian Dalam Negeri, pihak

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah Yang Berhormat, biarlah itu. Yang ini, yang kita bahas ini.....panjang.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu contoh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjangnya satu contoh, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berharaplah walaupun tidak ada persiapan, tidak ada persediaan tetapi lanun ataupun penceroboh masuk ke Sipadan pula dan ini termasuklah ini. Walaupun ada peruntukan Fasal 15 ini, perkara ini boleh berlaku. Ini lebih susah hendak kita mengesan dan saya berharaplah masalah tebusan kita dapat diselesaikan dengan cepat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalah ini pun begitu juga, ya. Jangan tepis sahaja, ya. Sudah, Yang Berhormat, habis dah?

Dr. Tan Seng Giaw: Belum habis lagi. Ada satu, dua fasal lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang sangat ini, cepat sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Panjang juga kerana tidak ada sempat untuk saya berucap tadi....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cepat, panjang pun berucap nampaknya.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang panjang. Sembilan juta orang di seluruh negara, sebahagian besar rakyat Malaysia 23 juta orang dan lebih 9 juta ialah ahli dan ini tidak termasuk ahli-ahli keluarga juga dan lebih daripada 70%lah rakyat Malaysia. Sebab itulah kita perlu mengambil masa yang cukup panjang untuk meneliti, membahar, menelaah semua masalah yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini yang belum lagi sempurna. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan bagaimana kita dapat menyempurnakan Fasal 15 ini.

Seterusnya mengenai seksyen 63, Fasal 16. Saya tertarik kepada seksyen 63, Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Jika seseorang majikan tidak mematuhi mana-mana perintah di bawah subseksyen (3), Mahkamah hendaklah atas permohonan Lembaga, mengeluarkan suatu waran levi harta majikan itu bagi mendapatkan keseluruhan jumlah tunggakan caruman itu mengikut cara yang berikut:

- (a) Secara distres dan penjualan harta majikan itu mengikut tatacara yang sama seperti pelaksanaan di bawah aturan*

30 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan pelaksanaan ini hendaklah terpakai secara mutatis mutandis walau apa pun amaun dalam perintah tunggakan caruman atau dividen atau kedua-duanya; atau

(b) cara yang sama seperti suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah.”.

Tuan Pengerusi, Fasal 16 ini bukan salah, bukan tidak betul, cuma yang pertamanya iaitu penguatkuasaan. Maklumlah Yang Berhormat bagi Jelebu, beliau mengumumkan bahawa terdapat lebih daripada 700,000 kes tertunggak dan di antaranya hanya kes jenayah pun 400,000 tertunggak. Macam mana kita boleh melaksanakan ini, kecuali Yang Berhormat bagi Jelebu dapat menyelesaikan masalah kes-kes tertunggak di dalam mahkamah. Itu masalah yang penting sekali walaupun Fasal 16 tidak salah, betul, kerana kita mesti ambil tindakan.

Di sinilah saya berharap pihak Yang Berhormat Kementerian Kewangan boleh menyelaras dengan Jabatan Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah kes-kes tertunggak di dalam mahkamah supaya kita boleh menguatkuasakan Fasal 16 ini dengan berkesan untuk memelihara kepentingan Ahli-ahli KWSP kita ini.

Seterusnya, akhir sekalilah, Tuan Pengerusi, Fasal 18. Memang satu peruntukan yang baik juga kita boleh mengumpulkan wang-wang caruman daripada bukan daripada warganegara yang ramai ada di negara ini untuk kepentingan negara kita juga. Ini memang satu perkara yang dibuat di Singapura, dua tiga dekad mereka adakan peruntukan seumpama ini untuk Central Provident Fund tetapi kita belum ada lagi. Walaupun terlewat tetapi itulah kita perlu buat.

Cuma daripada CPF sekali-sekala kita dapat sungutan dan rungutan mengenai susah hendak keluar wang daripada CPF dan daripada pengalaman CPF ini, apakah kaedah yang digunakan oleh pihak KWSP supaya kita tidak mahu menyusahkan orang juga, bila mereka keluar daripada negara ini, kita berilah mereka peluang untuk keluar semua wang kalau mereka tidak akan kembali ke negara kita lagi dan kalau mereka tidak sempat keluar wang dan balik kepada negara asal mereka, macam mana kita dapat menyelesaikan masalah kerana walaupun ramai lagi rakyat Malaysia mengalami kesusahan untuk mengeluarkan wang daripada CPF, kita

mahu pihak KWSP mengadakan cara yang betul, jangan kita menyusahkan rakyat orang asing yang pernah bekerja di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasihlah saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Beberapa cadangan kita akan memberikan pertimbangan, memang ada cadangan yang baik dan membina, kita akan memberikan pertimbangan tetapi saya hendak menjelaskan satu, dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat bertanya dalam Fasal 14 ini sama ada pihak KWSP akan memakai kaedah yang sama yang digunakan oleh PERKESO bila kita mengeluarkan amaun tambahan.

Tuan Pengerusi, amaun tambahan yang dikeluarkan oleh pihak KWSP kepada seseorang ahli yang meninggal dunia atau hilang keupayaan bekerja, ini berbentuk bantuan yang dikeluarkan sekali sahaja. Manakala PERKESO amaun tambahan mereka berelemen insurans. Memang kedua-dua skim ini berlainan, kedua-dua skim ini diwujudkan dengan tujuan asal yang berlainan. Maka kita tidak boleh pakai kaedah yang digunakan oleh PERKESO, ini penerangan saya.

Tentang Fasal 15, seksyen baru 58 ini mengenai bagaimana kita boleh memantau penyalahgunaan duit khususnya untuk beberapa perkara baru, macam mana kita memastikan mereka dapat mengembalikan wang lebih atau wang yang tidak diguna untuk tujuan asal ini, dalam konteks ini kita akan membentuk satu mekanisme, bila ini dapat diluluskan oleh Dewan ini, kita akan membentuk satu mekanisme untuk memantau beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Fasal 11 hingga 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL MENTERI DALAM NEGERI

**Melanjutkan Tempoh Kuat Kuasa Akta Dadah Berbahaya
(Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985**

11.56 pagi

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 supaya akta itu hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai dari 15 Jun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, di persidangan Dewan ini dalam bulan April 1985, Dewan yang mulia ini telah pun membahaskan satu rang undang-undang iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) yang merupakan satu akta lagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan pengedaran dadah atau yang terlibat dengan pengedaran najis dadah. Usul itu telah pun menarik perhatian ramai Ahli Yang Berhormat pada masa itu dan setelah dibahaskan dengan panjang lebar maka ianya telah pun diluluskan.

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 itu telah dikuatkuasakan mulai 15 Jun 1985 bagi tempoh 5 tahun. Akta ini pernah dilanjutkan oleh Parlimen ini selama 5 tahun yang bermula dari 15 Jun 1990 dan 15 Jun 1995. Cadangan perlanjutan kali ini adalah lanjutan yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini telah pun memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan perintah menahan mana-mana orang yang didapati terlibat dalam menjalankan aktiviti pengedaran dadah bagi sesuatu tempoh yang tidak melebihi 2 tahun. Perintah ini boleh diperbaharui bagi tempoh tidak melebihi 2 tahun pada setiap kali pembaharuan. Semenjak akta ini dikuatkuasakan mulai Jun 1985 sehingga Disember 1999, Menteri Dalam Negeri telah pun mengeluarkan sejumlah 10,513 perintah-perintah tahanan di bawah seksyen 6 subseksyen (3) Akta Dadah Berbahaya, 1985. Pemilihan tempat tahanan bagi

seseorang itu ditentukan berdasarkan betapa berat dan seriusnya kegiatan-kegiatan yang telah pun mereka lakukan.

Bagi mereka yang telah melakukan kegiatan mengedar dadah secara serius dan besar-besaran, mereka ditahan di Pusat Tahanan Muar, Johor, sementara yang sederhana ditahan di Pusat Tahanan Simpang Renggam, Johor, yang terlibat secara kecil-kecilan mereka ditahan di Pusat Tahanan Batu Gajah, Perak. Sehingga bulan Disember 1999, terdapat seramai 1,751 orang tahanan ditempatkan di pusat-pusat disebutkan tadi.

Semasa di dalam tahanan, orang-orang tahanan itu dikehendaki menjalani program-program pemulihan sesuai dengan matlamat kerajaan untuk memulihkan mereka. Program ini mengandungi aktiviti-aktiviti latihan jasmani dan rohani untuk membimbing mereka supaya dapat mempelajari sesuatu kemahiran sepanjang tempoh mereka berada dalam tahanan. Kemajuan dan keberkesanan aktiviti pemulihan terhadap orang-orang tahanan ini diikuti dari masa ke semasa bagi menilai sejauh mana mereka ini telah dipulihkan bagi tujuan pembebasan mereka.

Jika orang-orang tahanan didapati masih belum pulih selepas mengikuti program-program pemulihan dan masa perintah tahanan selama 2 tahun, maka Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa di bawah seksyen 11, subseksyen (a) akta ini untuk melanjutkan perintah tahanan itu. Orang-orang tahanan yang telah dipulihkan sepenuhnya akan dibebaskan sama ada tanpa syarat atau diberi pengawasan dengan mengenakan penggantungan perintah di bawah seksyen 7, subseksyen (1) yang mana syarat-syarat adalah sama seperti perintah sekatan di bawah seksyen 6, subseksyen (3) Akta Dadah Berbahaya, 1985.

Selain daripada perintah tahanan, orang yang terlibat dengan aktiviti pengedaran najis dadah adalah juga dikenakan perintah sekatan di bawah seksyen 6, subseksyen (3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 tertakluk kepada serius atau tidaknya kesalahan mereka. Sepanjang tempoh ini, subjek ini diperintah tinggal di sesuatu tempat atau kawasan dan berada di dalam pengawasan polis. Mereka dibenarkan bekerja dalam tempoh pengawasan ini dan dikenakan beberapa syarat untuk menghadkan pergerakan mereka. Hingga 20 Februari 2000 terdapat seramai 1,373 orang yang dikenakan perintah sekatan di merata tempat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun akta ini telah berkuat kuasa sejak Jun 1985 dan tindakan-tindakan telah pun diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya namun bilangan kes yang diterima sekarang ini tidak berkurangan. Kegiatan-kegiatan pengedaran dadah berbahaya masih wujud dan dipercayai akan berterusan selagi terdapatnya bekalan dari negara pembekal.

Gejala penyalahgunaan najis dadah sudah banyak sangat diperkatakan bukan sahaja di negara kita bahkan di seluruh dunia. Di dalam media massa seperti akhbar-akhbar, radio dan TV, berita-berita mengenai najis dadah tersiar setiap hari dan ianya tetap akan berita menarik selagi ancumannya tidak dapat dibanteras. Tidak siapa dapat menafikan kesan buruk yang akan menimpa akibat penyalahgunaan ini bukan sahaja kepada seseorang penagih bahkan kepada keluarganya, masyarakat dan negara. Malah jika tidak kawal sindiket-sindiket yang mengedar dadah ini boleh bermaharajalela dan mengancam negara.

Saya tidak perlu bercakap panjang lebar mengenai ancaman najis dadah ini, mengenai sindiket-sindiket yang mengedar atau mengenai orang-orang atau kumpulan-kumpulan yang menjadi *mastermind* dan *finansiernya*, dengan izin, mereka membawa kesan yang amat buruk kepada kita semua tanpa mengira bangsa, agama, keturunan, warna kulit dan fahaman politik. Dengan lain perkataan, dadah tidak mengenal batasan dan sempadan. Dadah akan melanda orang Melayu, orang Cina dan orang India, orang Kadazan, orang Iban, tidak kira beragama Islam, Buddha, Kristian ataupun Hindu.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak polis telah berjaya menumpaskan beberapa sindiket pengedaran dadah. Namun demikian, kedudukan negara ini yang berhampiran dengan kawasan pengedaran dadah dan keadaan perbatasan darat dan laut negara ini yang panjang dan luas telah memberi kesempatan yang baik kepada sindiket-sindiket untuk menjalankan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di negara ini.

Adalah sukar bagi pihak penguat kuasa menangkap ketua-ketua sindiket dan pengedar-pengedar dengan bukti-bukti pemilikan dadah secara fizikal. Oleh itu, tindakan menahan dan menyekat mereka terpaksa diambil di bawah akta ini dengan tujuan kita dapat mengurangkan lagi kegiatan sindiket dadah dan memutuskan bekalan dadah dari pengedar-pengedar kepada penagih. Usaha-usaha pencegahan oleh kerajaan ini perlu diteruskan lagi. Oleh itu, tempoh kuat kuasa Akta Dadah

Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini perlu diperlanjutkan selama 5 tahun lagi mulai 15 Jun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi itu terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

12.01 tgh.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan tentang permintaan daripada Kementerian Dalam Negeri untuk membuat resolusi menurut subseksyen (4), seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama lima tahun lagi bermula dari 15 Jun 2000. Ini adalah satu resolusi yang sangat penting untuk kepentingan negara kita ini. Dan saya memang seratus peratus sokong supaya cadangan ini dapat diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa kita telah berjaya menentang komunis tetapi pada masa sekarang kita semua perlu berdaya usaha untuk menentang masalah dadah. Sekarang adalah *war against drugs*. Ini adalah satu perkara yang mana kita tidak boleh tergantung kepada pihak penguat kuasa sahaja. Kita perlu kerjasama dari semua lapisan rakyat supaya sama-sama menggemblengkan usaha untuk mewujudkan kesedaran sivik dan tanggungjawab sosial antara kita semua dan memberikan bimbingan pendidikan moral dan disiplin supaya generasi muda kita mempunyai ketahanan diri dan dapat membezakan apa yang baik, apa yang buruk untuk menjauhkan diri daripada penyalahgunaan dadah dan pil-pil ecstasy.

Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat yang saya dapati pihak penguat kuasa daripada Kementerian Dalam Negeri telah dapat merampas dalam bulan Januari hingga Mac tahun ini sebanyak 16,127 biji pil-pil ecstasy daripada kelab-kelab malam, pub-pub, lounge-lounge dan lain-lain. Dan daripada bilangan ini pada tahun lalu bulan yang sama Januari kepada Mac tahun lalu iaitu dapat merampas sebanyak

7,503 biji pil-pil ecstasy. Memang daripada bilangan ini meningkat menunjukkan satu tanda bahawa pihak penguat kuasa ada ambil tindakan untuk membanteras masalah penyalahgunaan pil-pil ecstasy ini. Tetapi kalau kita fikir balik lebih mendalam adalah kemungkinan tambahan bilangan ini adalah kerana terdapat banyak bekalan dalam negara kita ini. Ini adalah satu masalah yang sangat serius.

Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat yang kita dapati serta aduan-aduan yang sentiasa disampaikan kepada kita wakil rakyat daripada ibu bapa tentang masalah kelab-kelab malam atau pub-pub, kelab-kelab karaoke terutama mereka yang tanpa lesen sentiasa berniaga hingga lewat malam sampai pagi dan generasi muda kita ini membuang masa di kelab-kelab ini. Untuk mereka yang telah dilesenkan oleh pejabat daerah mengadakan lesen hiburan seperti di negeri Johor, memang had masa adalah sampai pukul satu pagi dan di Wilayah Persekutuan adalah sampai tiga pagi.

Mereka menghargai lesen mereka ikut. Jika ada yang melanggar syarat mereka pun tutup pintu hendak berniaga kerana ada pelanggan-pelanggan tidak ingin keluar kerana sudah minum banyak dia hendak keluar tetapi untuk ikut syarat majikan itu (pelesen) tutup dia punya pintu, cuma benarkan pelanggan-pelanggan yang masih berada di dalam kelab itu meneruskan minuman mereka dan tidak membenarkan pelanggan yang baru masuk. Tetapi untuk yang tidak berlesen yang tadi saya kata berniaga daripada lewat malam hingga pagi, ini satu masalah.

Dalam kelab-kelab ini mereka ada jual pil-pil ecstasy kepada pelanggan. Dan sampai ada aduan dan tangkapan bahawa ada orang terlibat dalam kes-kes ini sampai mereka menjadi satu masalah kepada mereka dan lari secara bogel pun ada. Jadi ini adalah satu masalah kerana mereka sampai tidak sedar lagi. Ini adalah satu masalah. Dan lagi bunyi bising mereka sudah mendatangkan satu gangguan bising kepada penduduk-penduduk sekitar kelab itu dan sampai penduduk sana sentiasa mengadu kepada kita mereka tidak boleh tidur malam kerana bising sangat.

Saya harap selain daripada tindakan pihak polis, pihak yang mengeluarkan lesen iaitu pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan yang mengeluarkan lesen premis serta pihak alam sekitar perlu sama-sama menggembleng usaha bagaimana boleh buat siasatan. Dan tentang berapa tinggi *decibel* gangguan bising itu dan ambil tindakan kepada pihak kelab-kelab ini. Tetapi yang penting sekali ialah bagaimana kita dapat membanteras.

Di sini saya ingin buat satu cerita yang mana daripada pengamatan saya pada tahun 1991, Johor Bahru satu bandar besar yang kedua daripada Bandaraya Kuala Lumpur kita pada masa itu menghadapi banyak masalah, banyak aduan bahawa ada banyak premis rumah urut yang disyaki ada aktiviti pelacuran dijalankan di kelab-kelab bar, di rumah urut itu dan sebelum ini memang ada pihak berkuasa daripada pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru, pihak polis dan pihak pegawai daripada Pejabat Daerah dan pegawai-pegawai daripada jabatan lain semua bersama-sama menubuhkan pasukan untuk melumpuhkan premis ini tetapi malangnya sebelum mereka dapat keluar untuk tindakan itu, premis-premis itu sudah tahu, sudah tutup perniagaan dan ini sudah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin tahu macam mana perkara ini boleh dikaitkan dengan akta yang kita bangkitkan.

Tuan Chang See Ten: Saya hendak sebut ini bahawa tindakan konsisten boleh mengurangkan kes ini. Sebab itu saya buat cerita ini. Oleh kerana selepas itu kita ada seorang Ketua Polis yang pada masa itu ditugaskan di Johor dia ambil satu tindakan yang cukup kreatif, yang cukup berkesan yang mana semasa diambil tindakan ini dia hantar tiap-tiap hari 24 jam, tiga shift. Tiap-tiap satu shift seorang anggota polis. Dia bukan ambil dari polis yang bertugas selama ini di Pejabat Polis Johor Bahru, dia ambil dari FRU dan Field Force kerana kita tidak ada kerja untuk menentang komunis lagi dan dia aturkan jadual 24 jam, mana-mana premis yang dianggap adalah satu rumah urut yang tanpa lesen atau kelab-kelab bar yang ada masalah pelacuran atau apa-apa ada berniaga tanpa lesen, ada anggota polis di sana.

Oleh kerana tindakan ini kita pada masa itu tahun 1991, 1992, 1993 Johor Bahru boleh dikatakan sudah tiada premis rumah urut tanpa lesen lagi. Ini adalah satu tanda tindakan konsisten. Mahu buat kalau pihak penguat kuasa ingin jalankan kerja dengan konsisten, dengan cara yang berkesan memang ada caranya. Negara kita ini bukan pembekal dadah. Kita bukan pembekal dadah, bagaimana ini boleh masuk ke negara kita ini sampai menyebabkan ramai generasi muda kita ini terjerumus dalam masalah dadah ini. Dan ini kita perlu menggembungkan usaha supaya jika kita boleh berjaya menentang komunis, kita pun boleh berjaya menentang masalah dadah ini.

Ini yang saya ingin sebutkan di sini dan saya ingin buat cadangan di sini. Saya tadi sudah kata kalau bergantung kepada pihak penguat kuasa tidak cukup. Tanggungjawab ibu bapa dan semua pihak NGO, semua anggota masyarakat di

negara kita ini kita semua tahu kesan-kesan buruk kepada kita. Sebab itu kita tentang hal-hal penyalahgunaan dadah, pil-pil ecstasy, saya harap lebih kempen boleh diadakan, kempen anti dadah, anti pil-pil ecstasy dan lain-lain supaya kita boleh mewujudkan kesedaran sivik dan tanggungjawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Chang See Ten: Sila, sila.

Tuan Lim Hock Seng : Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kagumlah Yang Berhormat boleh menyuarakan perasaan beliau dengan lantang dalam Dewan yang mulia ini. Memang semua Ahli Yang Berhormat ada perasaan yang sedemikian. Cuma saya ingat mahu meminta Yang Berhormat sama ada beliau sedar bahawa antara satu punca di mana anak-anak muda kita terlibat dalam salah guna dadah ini adalah di mana-mana outlet iaitu disko, kelab malam dan seperti apa yang Yang Berhormat telah katakan rumah-rumah urut dan lain-lain *night spot*.

Sedarkah Yang Berhormat, ada night club-night club dan disco-disco di merata dalam negara khasnya ibu kota, mereka buka perniagaan mereka sehingga pagi pukul enam. Pihak berkuasa membuat apa? Tidakkah mereka tahu bahawa disko itu sedang berniaga sehingga pagi walaupun pukul tiga, pukul empat, pukul lima sehingga pukul enam. Mengapa tidak ada tindakan diambil untuk menggantung lesen mereka?. Ada satu tempat di Pulau Pinang bawahnya disko, atasnya pangsapuri kediaman. Mereka kompelin ambil court order tetapi pihak berkuasa pun tidak ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa tujuan Yang Berhormat kemukakan soalan ini kepada Yang Berhormat Gelang Patah.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya menunjukan soalan ini kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak tanya sebab saya yakin Yang Berhormat Gelang Patah pun tidak boleh menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Jadi, saya fikir apa tujuan Yang Berhormat kemukakan?

Tuan Lim Hock Seng: Sedarkah beliau bahawa ada *night spot* yang berniaga sehingga pagi pukul enam. Jadi ini adalah satu punca di mana berlakunya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat Gelang Patah juga mengatakan tengah malam sampai pagi. Jadi, Yang Berhormat Gelang Patah boleh teruskan ucapan.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang ada terutama mereka yang berniaga tanpa lesen iaitu berniaga dari lewat malam sampai pagi, ada yang sampai pukul sembilan pagi, bukan enam pagi, sembilan pagi pun ada. Ini kita dapat aduan dan masalah ini yang kebanyakan tiada lesen dan susah untuk pihak berkuasa untuk dapatkan nama majikan dan dia susah dapat nama majikan, bagaimana hendak kenal pasti siapa yang berniaga pun susah kerana mereka ada yang tiada daftar, ada yang semua berniaga sahaja dan dia tidak kisah dan ada yang cakap dia ada hubungan baik dengan pegawai polis. Ini semua ada unsur-unsur atau maklumat yang kita dapat aduan.

Sebab itu saya tadi berikan apa yang saya katakan tadi cerita bahawa bagaimana pada tahun 1991 hingga 1993 semasa ada seorang Ketua Polis di negeri Johor yang mana dia betul ada menjalankan tindakan penguatkuasaan yang konsisten hantar polis FRU dan Field Force di tempat ini dan ini memang akan berkesan tidak akan berniaga. Mereka memang takut tidak berani pergi lagi. Sebab itu saya timbulkan hal ini. Kalau kita sama-sama memang benar-benar hendak ambil tindakan penguatkuasaan yang konsisten, ambil sikap yang serius terutama daripada pegawai pegawai polis, saya yakin dan percaya kita boleh berjaya. Cuma kita sekarang ada pegawai yang buat kerja tidak sempurna.

Oleh yang demikian semalam pun saya ada kata dalam pendidikan kita mesti memberikan bimbingan kepada generasi muda kita ini semasa mereka belajar mereka mesti ada ciri kesempurnaan. Bila mereka mempunyai ciri kesempurnaan bila dia tamat, dia keluar kerja dengan kerajaan dan oleh kerana dia ada ciri kesempurnaan dia akan berkhidmat kepada pihak jabatan yang dia berkhidmat dengan cara yang sempurna. Dia akan bertanggungjawab kepada kerja dan bukan buat kerja cincai-cincai sahaja. Dia mesti buat dengan berkesan. Ini yang kita mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja ada sebahagian pegawai yang buat kerja cincai-cincai sahaja malah sebelum mereka bertindak mereka akan memberitahu outlet-outlet ini bahawa ada satu operasi dan segala kegiatan ini terhenti pada malam itu. Saya ambil contoh, jikalau malam ini ada

satu operasi itu menyita sebuah night club, atau disco atau satu tempat yang ada kegiatan ini maka ada orang dalaman yang memberitahu pengusaha-pengusaha outlet itu bahawa akan ada satu tindakan dijalankan. Maka ...

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Atas apa Yang Berhormat Gaya?

Tuan Lim Hock Seng: Nanti saya habis dahulu. Maka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Atas apa Yang Berhormat Gaya?

Datuk Yong Teck Lee: Saya rasa tidak adil bagi mana-mana Ahli Yang Berhormat menuduh bahawa semua pegawai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Yang Berhormat ...

Datuk Yong Teck Lee: Saya diberi peluang saya tunggulah.

Tuan Lim Hock Seng: Maka tindakan penguatkuasa itu akan gagal. Jadi saya meminta Yang Berhormat sama ada ada mendapat maklumat berkenaan hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gaya bangun.

Datuk Yong Teck Lee: Saya rasa ini perlu dijelaskan bahawa tidak adil bagi mana-mana Ahli Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila dengar dahulu. Yang Berhormat Gelang Patah berikan laluan?

Tuan Chang See Ten: Nanti saya jawab Yang Berhormat bagi Bagan. Saya ingin sebut di sini, saya tadi kata cuma ada segelintir kecil pegawai bukan semua. Saya cuma harap tentang kes penyalahgunaan dadah ini, saya mencadangkan kita perlu penguatkuasaan yang lebih berkesan supaya kita dapat membanteras masalah gejala penyalahgunaan dadah ini. Ini segelintir kecil. Kebanyakan pegawai polis dan pegawai-pegawai kerajaan memang mereka memberikan perkhidmatan yang cukup baik kepada kita. Kalau tidak ada kita pada masa sekarang kes ini lebih serius. Sebab itu sama ada daripada Barisan Nasional atau dari pembangkang atau dari mana-mana NGO, itu adalah tanggungjawab kita semua untuk membanteras masalah ini. Saya beri laluan kepada Yang Berhormat bagi Gaya.

Datuk Yong Teck Lee: Ya, seperti yang saya hendak jelaskan tadi tidak adil bagi mana-mana Ahli Yang Berhormat di Dewan ini menuduh bahawa semua pegawai terlibat. Dan kita sedia maklum bahawa apabila pihak berkuasa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat ingin meminta penjelasan daripada.....

Datuk Yong Teck Lee: Saya minta penjelasan juga tetapi saya rasa ini must be on the record kerana ini bahaya apabila kita lihat ada penyalahgunaan kuasa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gaya, sebenarnya Gelang Patah sudah terangkan kedudukan sebenarnya. Jadi saya fikir masalah ini tidak akan timbul lagi.

Datuk Yong Teck Lee: Tuduhan dibuat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa banyak pegawai terlibat. Tuduhan itu kalau tidak dibetulkan seolah-olah dalam rekod *Hansard* ini, ini berlaku di negara Malaysia. Malahan kita tahu apabila pihak berkuasa – minta maaf, dua minit sahaja, apabila pihak berkuasa mengambil tindakan biasanya dia menggunakan pegawai daripada luar daerah itu.

Tuduhan itu mesti dibetulkan. Di negara Malaysia bukan macam negara-negara lain ada salah gunakan kuasa. Memang ada maka kita ada pihak BPR dan lain-lain mengambil tindakan, tetapi jangan salah faham bahawa ini berleluasa di mana-mana tempat. Saya ada mahu cakap juga ini.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah kata memang segelintir kecil, kebanyakan pegawai polis ada lah mereka yang berkhidmat dengan jujur dan ikhlas kepada kerja-kerja dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka.. Ini memang kita semua faham tetapi oleh kerana ada segelintir kecil ini kita ada masalah ini. Sebab itu bagaimana kita dapat mengurangkan kes-kes ini dan tadi saya cadangkan, kerana saya berikan contoh yang berlaku di negeri Johor tindakan yang berkesan, saya harap dengan cara ini kita cari satu cara yang lebih berkesan oleh Kementerian Dalam Negeri dan berusaha dengan kementerian yang lain, jabatan yang lain supaya kita cari bagaimana kita boleh menghapuskan masalah dadah ini dengan lebih berkesan kerana kita bukan negara yang membekalkan dadah. Mesti ada masalah seperti di pintu masuk, kita perlu kerjasama dari pegawai kastam.

Ini semua ada terlibat, kita tidak boleh salahkan kepada pihak polis sahaja. Sebab itu pada mulanya saya katakan ini kerja adalah kerja kita semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cadangan Yang Berhormat memang baik dan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya yakin beliau cukup faham, jadi Yang Berhormat boleh alih ke perkara yang lain.

Tuan Chang See Ten: Kerana ada ramai Ahli hendak berucap kemungkinan mereka mempunyai pandangan yang lebih baik daripada saya, saya singkatkan perbahasan saya dan cuma saya memang 100% sokong resolusi ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

12.22 tgh.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membahaskan tentang Akta Dadah Merbahaya ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Cuma apa yang mengejutkan saya ialah akta ini telah berkuat kuasa daripada tahun 1985 dan telah pun dilanjutkan sebanyak tiga kali bermulanya daripada tahun 1985 sehingga sekarang dan ianya sedang dibahaskan sekarang ini untuk dilanjutkan untuk jangka masa lima tahun yang akan datang.

Bilangan mereka yang ditahan di bawah perintah tahanan terutamanya perintah tahanan tidak melebihi dua tahun ataupun di sambung dua tahun, dua tahun, melebihi RM10,000 dan sekarang ini ada lebih daripada 1,700 orang yang ditahan di bawah perintah tahanan di bawah Akta Dadah berbahaya ini. Melihat kepada apa yang ada di dalam Akta Dadah Berbahaya, kita melihat bahawa langkah-langkah pencegahan yang ada adalah tidak efektif dengan bertambahnya bilangan, dengan bertambahnya terutamanya penagih-penagih dadah yang ada di negara kita sekarang ini.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dari segi penagihan dadah di negara kita ianya adalah menjadi suatu ancaman kepada keselamatan negara dan juga masa depan negara kita sendiri. Generasi-generasi muda menjadi mangsa kepada ancaman penagihan dadah yang begitu berleluasa di negara kita. Kalau kita melihat kepada angka-angka rasmi yang ada di negara memanglah satu yang begitu menakutkan. Angka rasmi kerajaan sahaja sudah melebihi 300,000 yang menjadi pemgih dadah.

Bulan lepas sahaja Pemadam telah pun mengeluarkan angka menyatakan bahawa di negara kita ada 109 orang penagih yang dikenal pasti setiap hari, 109 orang identified everyday throughout the country. Ini satu bilangan yang begitu menakutkan dan kalau melihat kepada perkembangan-perkembangan inilah, saya merasa bimbang walaupun kita sentiasa melanjutkan tempoh akta ini, sudah tiga kali kita melanjutkan tetapi dari segi *effectiveness*nya adalah begitu minimum sekali.

Kebimbangan saya ini boleh dikaitkan, kalau kita melihat kepada treatment kepada penagih-penagih dadah secara umumnya kita ambil di negara kita. Di negara kita ada 30 Pusat Pemulihan Dadah dan memang kerajaan membelanjakan bilangan wang yang begitu besar untuk belanja penagih-penagih dadah di negara kita. Dari segi effectiveness pemulihan penagih-penagih dadah ini, kajian yang dibuat oleh Pemadam juga mendapati bahawa *relapsed cases* golongan penagih-penagih yang ditahan daripada lebih 24,000 yang mereka kaji yang ditahan di Pusat-pusat Serenti, relapsed cases adalah 85%. Maksudnya mereka ditahan di pusat-pusat penagihan ini, mereka keluar 85% akan menjadi penagih dadah kembali. Bermakna, apa yang ada yang saya ingin sebutkan bahawa polisi yang ada di negara kita sekarang adalah gagal, kalau 85% keluar daripada pusat-pusat penagihan kembali menagih ataupun kembali menjadi pengedar-pengedar dadah yang besar, maksudnya ini adalah satu kegagalan yang besar dalam polisi yang ada di negara kita sedangkan kerajaan membelanjakan suatu jumlah wang yang begitu besar di negara kita. Kalau kita melihat dadah yang ada di negara kita ataupun kemasukan dadah pun juga bertambah setiap tahun. Anggaran yang ada sekarang di anggarkan lebih kurang 4 tan dadah setiap tahun akan memasuki negara kita dan ini akan memberi kesan yang besar kepada anak-anak muda terutamanya yang ada di negara kita.

Saya juga ingin membincangkan dalam konteks Akta Dadah Berbahaya ini, langkah-langkah pencegahan yang kita bincangkan ini lebih ditujukan kepada pengedar-pengedar dadah atau pun pusher yang besar-besar, walaupun ada pusher yang kecil-kecil yang ditahan tetapi inilah masalah besar yang sedang dihadapi oleh negara kita kerana perniagaan dadah ini adalah suatu perniagaan yang lucrative, satu perniagaan yang memberi suatu keuntungan yang begitu besar di negara kita.

Kalau kita ambil sebagai contoh, kalaulah ada setengah juta penagih dadah di negara kita, kalau setengah juta penagih dadah ini kalau penagih dadah biasa minimum mereka memerlukan sekurang-kurangnya RM10.00 kalau penagih dadah

biasa. Kalau penagih dadah *hardcore* ataupun tegar, mereka memerlukan tidak kurang daripada RM30.00 setiap hari, itu had minimum yang ada.

Bayangkanlah kalau jumlah setengah juta penagih dadah di negara kita, berapa anggaran perbelanjaan yang mereka perlukan, kalaulah penagih dadah biasa berbelanja RM10.00 sehari; sekurang-kurangnya mereka membelanjakan RM5 juta setiap hari, kalau seorang RM10.00 sekurang-kurangnya RM5 juta setiap orang akan menghabiskan wang mereka untuk membeli dadah setiap hari - daily use. Ini kalau kita calculate dari sudut bulanan dan tahunan, berbilion-bilion ringgit. Mungkin melebihi RM2 bilion dadah ini dibeli oleh anak-anak muda sama ada *hardcore* ataupun penagih biasa mereka membelanjakan dadah ini. Persoalan yang ada sekarang ini akta ini akan kita sambung untuk lima tahun yang akan datang dan langkah pencegahan hendak menampakkan tidak ada effectiveness yang begitu berkesan dalam konteks kita mencegah penambahan penagih-penagih dadah di negara kita.

Saya ingin mencadangkan agar Menteri Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri membuat kajian yang lebih mendalam walaupun kita telah tiga kali menyambung tentang melanjutkan akta ini, perlu membuat satu kajian yang terperinci kerana ianya telah pun saya rasa semua bersetuju masalah dadah ini menjadi masalah ataupun musuh utama negara kita. Perlu dibuat kajian dari segi effectiveness ini dan mengkaji kembali apakah dengan kita sekadar melanjutkan tempoh ini kita sudah dapat menyelesaikan apa yang ada dalam konteks pencegahan di negara kita sedangkan kita melihat statistik-statistik setiap hari pertambahan penagih dadah seolah-olah tidak dapat disekat lagi.

Kalau dahulu kita bercakap soal dadah ini di bandar-bandar tetapi sekarang ini di mana jua sekali pun masalah dadah ini berlaku. Tidak ada orang dalam Dewan ini ataupun di kalangan Ahli-ahli Dewan ini boleh kata kawasan dia bebas daripada dadah 100%. Saya yakin tidak orang boleh menyatakan ianya adalah bebas ataupun bersih dari masalah dadah 100%.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya ingin juga mencadangkan agar Kementerian Dalam Negeri melihat kembali program-program pemulihan yang ada, program pemulihan secara keseluruhan dan juga program-program pemulihan tahanan yang dilakukan ini terutamanya ke atas pengedar-pengedar ini, adakah ianya mencukupi dengan kita menahan mereka sama ada di Muar atau di Simpang Renggam ataupun di

Batu Gajah selepas dua tahun ataupun kita menambahkan dua tahun lagi kita bebaskan mereka tanpa kita melihat persoalan-persoalan yang lebih mendalam, persoalan-persoalan yang boleh mendesak kepada bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah sebenar, gejala sebenar yang sedang menimpa negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga kalau kita melihat kepada perjalanan-perjalanan yang ada dari segi rang undang-undang ini sendiri, langkah-langkah ataupun bagaimana cara-cara Perintah Tahanan yang dilakukan sebagaimana yang disebutkan kebanyakannya adalah pengedar-pengedar yang menjadi suspek walaupun tidak mempunyai bukti yang kukuh, tetapi mereka boleh ditahan tidak melebihi dua tahun di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi.

Jadi, dalam hal ini pengedar-pengedar ini memainkan peranan yang besar dalam pengedaran yang berlaku di negara kita dan kemungkinan Kementerian Dalam Negeri boleh mengambil langkah-langkah tertentu yang lain. Sebagai contohnya, pengedar-pengedar ini sendiri yang telahpun di kenal pasti. Sebenarnya di negara kita pengedar-pengedar *diidentified*, kalau di Terengganu, Kelantan di Kuala Lumpur sendiri, pengedar-pengedar besar ini memang dikenal pasti, tetapi masalah yang dihadapi oleh pihak polis adalah mereka tidak mempunyai bukti yang kukuh. Kelemahan-kelemahan dari segi bukti yang kukuh untuk menangkap pengedar-pengedar yang besar.

Yang menjadi mangsa di negara kita adalah pengedar-pengedar yang kecil ataupun *small players* di negara kita, yang kena tangkap mungkin bawa satu tiub ataupun sepuluh tiub heroin tetapi yang membawa berkilo-kilo heroin ataupun dadah-dadah merbahaya yang lain mereka biasanya terlepas, ataupun paling kuat mereka akan dikenakan tahanan dua tahun dan mungkin ditambah dua tahun lagi dan selepas itu mereka bebas dan mereka boleh meneruskan business yang begitu besar yang mereka jalankan ini.

Jadi, saya harap ini diberi perhatian dalam konteks kita melihat kepada masalah keseluruhan yang ada di negara kita sebagaimana yang disebut bahawa ianya adalah merupakan satu masalah gejala yang begitu besar yang perlu sama-sama kita lihat dan juga perlu kita sedari bahawa penagihan dadah ini juga mempunyai perkaitan yang rapat dengan masalah AIDS dan terutama HIV di negara kita di

kalangan penagih-penagih dadah yang menjadi doktor sendiri mencucuk jarum dan terkena dengan HIV dan ini juga memberi satu kesan yang besar.

Kajian-kajian yang dibuat di negara kita, sebagai contoh di Terengganu, didapati bahawa 90% daripada kes-kes jenayah kecurian dan sebagainya dilakukan oleh penagih-penagih dadah. Masalah kecurian dan jenayah di negara kita dilakukan oleh penagih-penagih dadah kerana mereka memerlukan kewangan dengan apa cara sekali pun untuk mendapat supply mereka.

Saya harap sekali lagi dengan perubahan ataupun dengan kita membuat penelitian ini agar Akta Dadah Berbahaya ini dilihat dengan lebih mendalam, bukan hanya setiap lima tahun kita continue untuk sambung dengan kita tidak melihat permasalahan sebenarnya, dengan kita tidak melihat bagaimana untuk kita menyelesaikan masalah yang menjadi ancaman kepada negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

12.38 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana kawan-kawan yang lain saya juga menyokong usul ini untuk menyambungkan semula Akta Dadah Berbahaya ini penggunaannya lima tahun sekali lagi, oleh kerana kita melihat negara kita masih dalam merbahaya gejala dadah. Sebagaimana yang kawan saya dari Gelang Patah tadi menyebutkan kita ubahlah peperangan kita pada masa sekarang sama seperti perang dengan komunis dahulu. Tetapi malangnya perang komunis dahulu masyarakat dan Kerajaan Amerika yang tolong kita memerangi komunis tetapi dadah ini mereka menjadi pasaran untuk dadah juga. Jadi banyak negara lain menjadi pasaran untuk dadah dan banyak juga negara Islam umpamanya di Golden Triangle yang juga mengeluarkan dadah.

Jadi, komunis banyak tidak mahu oleh orang dan tidak disukai oleh orang tetapi dadah ini orang Amerika dunia demokratik asas demokrasi mereka tidak boleh menangkap orang sebarangan dan dadah ini dijual merata-rata. Di negara Islam pun macam Iran dan Pakistan umpamanya menjual dadah juga dan di negara-negara macam di Golden Triangle umpamanya menjual dadah juga. Jadi, kita nampaknya menggunakan undang-undang yang begitu keras adalah almost dengan

izin, *lonely nation in the world* nampaknya walaupun Tuan Yang di-Pertua tidak bersetuju sangat, ini adalah drama sedikit didramakan. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian masalah Malaysia mestilah bersatu padu dengan persoalan ini untuk membanteras dadah kerana negara kita masih merbahaya dalam gejala dadah.

Negara kita yang berdekatan dengan Golden Triangle umpamanya, tidak berapa jauh sangat menurun dari Golden Triangle sampai ke Malaysia, mungkin ini bukanlah domino teori dan dikatakan oleh oleh Profesor daripada New York University dahulu secara politik komunisnya. Mungkin ini adalah domino teori dadah yang takluk dunia melainkan kita mempunyai satu benteng yang kuat, benteng yang utama bukan sahaja kerajaan tetapi juga masyarakat itu sendiri. Benteng utama itu ialah masyarakat itu sendiri memikirkan dadah ini adalah merbahaya, dadah ini boleh mendatangkan kesan buruk merbahaya, dadah ini mestilah dikatakan benda najis dan tidak boleh dipegang oleh bukan sahaja orang-orang Islam tetapi semua masyarakat Kristian, Hindu, Buddha Anemiest dan sebagainya di negara kita ini.

Kerana, Tuan Yang di-Pertua, masih banyak penyangak-penyangak dadah di negara kita ini, masih mahu menjualkan dadah walaupun mendatangkan kekayaan kepada mereka sendiri tetapi tidak kira kesannya mungkin kepada anak dan ibu mereka sendiri pun tidak kira asalkan boleh mendapatkan wang, asal boleh mendapatkan kekayaan.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian maknanya kita sekarang dalam keadaan genting. Walaupun benteng kita kuat umpamanya pihak-pihak polis, pihak-pihak narkotik bahkan pihak-pihak kastam pun mengambil tindakan sama untuk membanteraskan pengedaran dadah tetapi pengedar ini masih membuat kerja mereka seumpama tidak ada benda yang boleh mempertahankan masyarakat ini dijual ataupun menerima dadah. Kita telah melihat kerajaan meluluskan undang-undang, tindakan telah dibuat iaitu kalau orang itu dikenal pasti sebagai pengedar dadah hartanya dirampas, wangnya dirampas, rumahnya dirampas bahkan semuanya dirampas tetapi juga nampaknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta maaf terpaksa ganggu sedikit Yang Berhormat. Selepas rang undang-undang ini kita juga perlu menyelesaikan lima rang undang-undang pada hari ini. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat kita semua bersetujulah supaya ringkaskan ucapan kita

terhadap akta ini. Boleh tak, Yang Berhormat? Jadi, saya ingat untuk menjimatkan masa saya.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang berterima kasih dengan Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali bercakap saya pernah diberitahu sahaja. Jadi, yang lain itu boleh bercakap dengan terus macam itu sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, pandangan daripada saya itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, selepas ini, selepas ucapan Yang Berhormat saya memang hendak hadkan masa untuk ahli yang berucaplah. Jadi teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya dilantik masuk ke Dewan ini untuk bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta maaf, terpaksa, bukan.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak payah, Tuan Yang di-Pertua, tidak payah minta maaf tetapi tolonglah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: dengan tujuan.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan tahu sepuluh minit, kalau sepuluh minit cakap dahulu, insya-Allah, saya akan bercakap sepuluh minit. Jadi, penagih dadah ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau dianggap tidak merbahaya saya tidak percaya. Tidak apalah, terima kasihlah, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

12.40 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak banyak cuma 20 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh pendekkanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang sama-sama kita maklum musuh negara ini lima perkara - komunis, fahaman subversif, perkauman, rasuah dan yang bicarakan sekarang ancaman najis dadah. Tindakan kerajaan menubuhkan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) pada tahun 1996 adalah satu tindakan yang sangat tepat dan dialu-alukan dan dengan menggabungkan ADK ini atau Agensi Dadah

Kebangsaan ini dengan Pasukan Petugas Anti Dadah (PPAD) dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah (BRPD) Kementerian Dalam Negeri, sesuatu yang begitu memberikan kesan kepada pengawalan kepada ancaman najis dadah.

Sebagai organisasi untuk menangani masalah dadah negara ini, agensi-agensi ini telah pun terbukti kejayaannya. Namun masalah dadah ini sebagai musuh negara dan bangsa tetap menjadi masalah dan jika kita seluruh rakyat negara ini alpa dan lalai ancaman najis dadah ini akan memungkinkan membakar seluruh bangsa dan negara dan esok tidak ada bagi negara kita. Walaupun objektif agensi ini seperti mencegah seseorang daripada terlibat dengan najis dadah, merawat dan memulihkan penagih dadah dan mencegah penagihan semula dadah telah pun mendapatkan hasil yang membanggakan, namun saya difahamkan hampir 200,000 penagih dadah di negara ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah pun dapat dikesan oleh sistem maklumat dadah kebangsaan.

Yang menjadi persoalan kita atau persoalan di hadapan kita, kenapa gejala buruk ini terlalu sukar untuk dihapuskan. Kita mempunyai jentera yang cukup untuk mengawal, kita mempunyai jentera penguat kuasa, kita mempunyai undang-undang yang ketat sehingga sampai ke tahap dibolehkan dihukum gantung kepada pesalah-pesalah pengedar, pesalah-pesalah penyalahgunaan dadah ini di tahap-tahap yang tertentu, begitu ketat undang-undang yang ada di negara kita. Kita memperkatakan tentang ancaman dadah ini kempen yang luas untuk mencegah ini telah pun kita jalankan sejak bertahun-tahun tetapi gejala dadah ini tetap menjadi musuh nombor wahid kepada negara.

Saya berpendapat mungkin kesedaran tidak cukup di kalangan masyarakat. Kesedaran dalam erti kata yang benar-benar sedar bahawa ini ancaman, bahawa dadah ini musuh, bahawa dadah ini perosak, bahawa dadah ini penjahanam, bahawa dadah ini suatu yang akan membinasakan siapa sahaja yang terkena penyakit ini. Agaknya mungkin kita lipat-gandakan untuk memberikan kesedaran ini dengan berlipat kali ganda. Saya tidak menafikan usaha ini memang dijalankan, cuma agaknya kita cuba pendekatan yang melipat-gandakan kerja-kerja untuk mencegah atau menyedarkan masyarakat. Mungkin dari tadika, daripada tadika agaknya, di tadika janganlah kita hanya agaknya di antara tadika cuma hendak membenci pemimpin kerajaan sahaja, itu sebagai contohlah.

Jadi, ubah benci kepada dadah, agaknya kerja ini lebih manfaat, lebih berfaedah dan lebih berpahala, kalau boleh saya gunakan perkataan 'berpahala', niat, didedahkan di sekolah-sekolah bukan sambil lewa tetapi dengan bersungguh-sungguh, mungkin didedahkan kepada para belia kita, kepada orang-orang dewasa, cuba agaknya Kementerian Penerangan buat drama, buat filem yang menunjukkan bagaimana kesan buruk kepada mereka yang terlibat. Tidak payahlah buat drama asyik-asyik cinta putus tengah jalan. Sudah jelaklah drama itu, drama cinta putus, cinta putus, tidak payah bercintalah, kahwin terus sahajalah, bercinta putus.

Drama ini cuba tunjukkan betul-betul filem, Kementerian Penerangan dan saya harap fokuskan kepada benar-benar kepada orang yang terlibat, jangan ambil nanti drama kadang-kadang yang ada kaitan seolah-olah ibu bapa yang salah. Jadi kadang-kadang itu jadi pelarian kepada penagih dadah, apabila ditanya "kenapa menagih?", "ibu bapa tidak ambil kisah". Jadi dia ada tempat untuk lari menyalahkan orang lain, cuba tunjukkan bagaimana pengaruh kawan yang menyebabkan dia terlibat, selepas itu dia daripada satu tahap penagih dadah yang main-main, yang cuba-cuba jadi penagih dadah yang tidak dapat hendak dikawal perasaannya, dia menyuntik di lengan, selepas di lengan di peha, selepas di peha di perut, selepas di perut di kepala, selepas di kepala di leher. Saya difahamkan sesetengah yang hebat itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak tanya jugakah?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini banyak sangat tempat Yang Berhormat, tempat-tempat lain adakah Yang Berhormat? Saya hendak bertanya, punca di antara punca penyalahgunaan dadah ini, penjelasan daripada Yang Berhormat, mungkin juga akibat daripada masalah keluarga, sesetengah itu hendak kahwin muda tidak dapat, jadi tidak ada jalan lain, tidak ada pilihan lain bercampur, ini mungkin di antara penyebab Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Penyebabnya banyaklah, kita kalau hendak mencari sebab mempertahankan diri kadang-kadang mereka boleh kemukakan seribu satu sebab, ini kita tidak hendak cerita sebab, saya bercakap tidak hendak cerita sebab, hendak cerita beri kesedaran sahaja. Sebagai contoh Kementerian Penerangan, tempat yang diinject ini kadang-kadang tempat yang tidak munasabah pun ada, saya

difahami. Tengah highway, 'highway' itu ada makna, Yang Berhormat Tampin sahaja faham.

Bagaimana selepas itu penyakit AIDS, HIV tunjukkan gambar bagaimana kudis jadi pekong, pekong jadi berulat kerana ada HIV, ada AIDS tidak boleh baik, merana, air liur meleleh, mata yang tidak juling jadi juling, selepas itu kurus kering, tengkorak hidup berjalan, kebiasaan tidur di tepi longkang, tidur di bawah kolong, tidak ingat Tuhan, tidak ingat ibu bapa, tidak ingat masyarakat. Tunjukkan betul-betul supaya ada rasa takut, luka yang sedikit jadi besar, meleleh nanah dan darah, tunjukkan rasa takut dan rasa jijik daripada melihat gambar seperti itu akan memberikan kesan, nasihat sudah tidak pakai nasihat, semua orang sudah pandai sekarang, tunjukkan dengan gambar yang terang betul. Kalau penagih dadah ini apa guna hendak tutup muka dia, dekat TV, disamar-samarkan, dedahkan sahajalah. Apa masalahnya, dia musuh negara, dedahkan sahaja tidak payah tutup-tutup, saya fahamlah tentang undang-undang, pasal belum lagi didakwa dan sebagainya kerana mengikut undang-undang negara ini belum dijatuhkan hukum salah belum lagi boleh dianggap salah, betullah, tetapi hendak menghadapi ancaman dadah ini.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat, sama ada pada pendirian beliau dalam memerangi sesuatu gejala perlu ditimbulkan rasa takut, rasa benci tetapi tidak perlu ditimbulkan, dengan izin, compassion. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Timbulkanlah segala-galanya, ini peperangan, dalam peperangan apa senjata kita gunakan, apa sahaja senjata yang ada kita gunakan. Kalau perempuan tunjukkan, orang perempuan dari seorang anak gadis yang baik terlibat dengan pengaruh kawan, menagih dadah sehingga segala-galanya dilakukan tanpa batas, tunjukkan dia kekurangan duit hendak mencuri takut, akhirnya ada sekeping tanah, tanah itu digadaikan, orang perempuan ini ada sekeping 'tanah', ini berlaku. Jadi dedahkan supaya nampak oleh masyarakat, inilah modalnya, apa lagi. Itu cara-caralah. Jadi maknanya pendekatan kita untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat ini harus agaknya dibuat kajian dan dibuat perubahan-perubahan yang boleh mendatangkan kesan rasa takut, rasa jijik masyarakat kepada penyalahgunaan dadah ini.

Yang kedua, pusat-pusat serenti ini, saya cadangkan pusat-pusat serenti ini dipindahkan ke tengah-tengah hutan Sarawak, tidak usaha Terengganu, Sarawak.

Bukan soal Sarawak, kita hendak memberi kesan buruk kepada Sarawak, tidak. Saya difahamkan waktu darurat banyak kem tentera di tengah-tengah hutan ini sudah tidak digunakan lagi. Jadi hantar semua ini di tengah-tengah hutan Sarawak menggunakan bekas-bekas kem tentera ini, selepas itu beri dia orang cangkul, beri dia orang tajak, engkau cangkul, engkau tajaklah, dia tanam dadah pula ya.

Jadi kos makan minum dia dapat kita kurangkan. Saya difahamkan pusat-pusat serenti ini membelanjakan ratusan juta setahun, ini bagi mereka yang ketagihan dadah yang ada peluang untuk kita pulihkan. Tetapi bagi penagih-penagih dadah yang sudah tidak peluang memang hendak dipulihkan hantar ke pulau, pilih pulau, Pulau Sipadan sudah kena pula, pulau yang jauh, dia hendak berenang ke tepi tidak ada, Kuala Kedah ada pulau ya. Hantar ke pulau, ini bagi penagih-penagih HIV, AIDS hantar ke sana kerana penagih-penagih ini pun kalau mati hendak balik ke kampung menjadi aib kepada keluarga kadang-kadang keluarga pun hendak mengaku sanak-saudara mereka pun rasa malu. Penduduk kampung pula hendak menyempurnakan jenazah ini rasa takut dijangkiti oleh HIV, AIDS, hantar ke pulau.

Jadi kita gunakan, Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang agaknya boleh kita lakukan untuk mencari satu cara yang agak berkesan supaya musuh ini dapat kita hapuskan dan kepada yang agaknya baru pertama kali kita gunakan pemulihan mereka melalui pintu masjid. Kepada yang agaknya baru pertama kali, apabila dia dipulihkan ataupun dilepaskan daripada tahanan agaknya kita kembalikan melalui pintu masjid. Maksud saya melalui cara-cara pendekatan agama, memberikan kesedaran kepada mereka ini peluang kedua bagi mereka ini untuk mereka pulih dan seterusnya masuk di tengah-tengah masyarakat. Saya menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

12.56 tgh.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, saya dan rakan-rakan saya sokong atas usul yang dibuat oleh Timbalan Menteri kerana tidak perlulah lagi sebut bahawa dadah adalah musuh utama di negara kita ini. Cuma saya ingin menceritakan beberapa perkara yang mungkin telah difahami atau telah diketahui oleh kerajaan atau kerajaan sengaja tidak mahu ambil tahu seperti Ostrich di mana beliau hendak menyelusup kepalanya dalam pasir.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini sebenarnya ada dua bahagian di mana ia dealt with, dengan izin, dengan kepala dadah dan juga penagih-penagih dadah. Kepada

tuan-tuan kepala dadah, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa mereka dihantar ke beberapa pusat iaitu di Muar, di Simpang Renggam Johor, yakni yang melibatkan penagih-penagih kepala besar ini. Tetapi Batu Gajah yang kurang iaitu cuma menjual dengan kecil-kecilan sahaja.

Saya ingin menanya di sini kerana buang negeri atau had kepada mereka ke satu-satu tempat di negara kita ini sekarang tidak akan menjadi masalah kepada orang-orang yang kena buang tempat ini kerana sejauh saya ketahui iaitu mereka boleh memakai tele fon mudah alih, handphone, hingga dua tiga biji pun, di mana-mana mereka pergi mereka masih boleh remote control, dengan izin, kegiatan-kegiatan mereka ini.

Jadi sebentar tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading dia ada bercadang supaya penagih-penagih dadah ini dihantar ke satu pulau di tengah-tengah lautan, jikalau bolehlah orang-orang yang membekalkan dadah ini juga dipilih satu tempat seperti Sri Gading kata, mereka dihantar ke sana supaya mereka tidak dapat berbual atau memakai telefon mudah alih ini untuk berhubung lagi dengan agen-agen mereka. Juga kepala-kepala pembekal dadah ini di mana mereka pergi mereka ada kawan di sana juga, isteri mereka boleh naik kapal terbang pergi cari mereka juga.

Jadi, pada masa ini saya ingat strategi ini mungkin perlu disemak semula dan saya telah beberapa kali bercakap di sini bahawa pembekal-pembekal dadah ini mereka sekarang bukan berniaga secara kecil-kecilan, mereka ini sudah menjadi satu korporat di mana mereka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan, panjang lagikah?

Tuan Lim Hock Seng: Saya mahu sepuluh minitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, sepuluh minit, sudah empat minit, enam minit nanti boleh cakaplah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.30 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya ada berkata bahawa sindiket haram ini sudah jadi operasi seperti korporat-korporat,

mereka mengendalikan perjudian secara besar-besaran, mereka membekal dadah secara besar-besaran, mereka juga mengendalikan tempat-tempat hiburan, pada waktu malam juga mereka mengawal dan membekal pelacur-pelacur mesin kuda. Jadi, semua ini adalah kegiatan haram dan juga masalah sosial dan telah beberapa kali kami menyarankan di sini supaya ada satu rombakan secara besar-besaran di pasukan PDRM (Polis Diraja Malaysia) supaya gaji mereka ditingkatkan, sara an-saraan hidup mereka ditingkatkan dan memberi mereka lebih semangat dan tumpu semangat mereka untuk membanteras kegiatan-kegiatan yang haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengaku bahawa kegiatan dadah ini makin hari makin meningkat. Jadi, saya ada baca dalam surat khabar di mana di sempadan Kelantan dengan Thai, terdapat juga pil yang dipanggil 'pil kuda'. Pil kuda ini selalunya dimakan oleh lelaki dan terdapat juga sejenis air minuman yang dipanggil nama 'kencing kuda' tetapi sebenarnya bukan kencing kuda itu. Ini ada sindiket menjual minuman ini untuk diberi kepada perempuan-perempuan atau gadis-gadis. Apabila mereka minum bahan ini, mereka senang dikawal dan susah payahlah hendak saya teruskan. Jadi, semua kegiatan ini melibatkan dadah.

Ini memerlukan satu *political will* oleh kerajaan dan ahli-ahli politik khasnya mereka yang ada kuasa untuk membuat satu keputusan, janganlah kerana ada kepentingan politik, maka perkara-perkara ini tidak dipentingkan. Saya ada menuduh dalam Dewan yang mulia ini bahawa ada juga orang-orang yang kena tahan atau orang-orang yang dibuang negeri, mereka dibebaskan sebelum tempoh mereka tamat, oleh kerana ada kepentingan politik dan saya pastilah Yang Berhormat tidak akan mengaku mengenai perkara ini tetapi ini adalah kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin berucap berkenaan cara-cara pihak polis mengendalikan orang-orang yang disyaki memagih dadah. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak membela penagih-penagih dadah kerana pada masa sekarang, banyak juga pihak polis ada menyerbu night spots seperti dua tiga hari dahulu, di Jalan Loke Yew sahaja 330 lebih orang telah ditahan oleh pihak polis dan di Pulau Pinang ada 70 lebih orang telah ditahan tetapi di Pulau Pinang ini, oleh kerana maklumat telah terbocor, maka ramai yang pergi ke disko-disko ini, mereka lari dan tiada pil-pil *ecstasy* dirampas.

Pada masa sekarang apabila seseorang *suspect* yang ditahan oleh polis, apabila dihantar ke balai, seorang Sarjan boleh mengambil sampel atau spesimen kencing mereka dan buat ujian dan jikalau didapati bahawa ada kesan dadah dalam air kencing iaitu Sarjan itu akan buat ujian dan ada kesan dadah dalam air kencing, maka boleh dihantar ke mahkamah untuk direman dan seterusnya didakwa dalam mahkamah dan mahkamah akan sama ada hendak penjarakan beliau atau hendak mendenda beliau dan juga kadang-kala mereka dihantar ke pusat pemulihan.

Saya ada terima satu pandangan dari kawan saya seorang peguam di mana beliau kata ini telah menjadi satu cara di mana seseorang pegawai polis boleh menuduh seseorang itu *at the mercy of the police*, dengan izin. Jadi, kawan saya yang seorang pe guam itu, beliau berkata sekiranya hendak lebih adil kepada orang-orang yang di *suspect*, maka mereka perlu diuji oleh seorang pengamal perubatan dan orang itu selepas diuji, walaupun ada kesan dadah dalam air kencingnya, beliau perlu dihantar bawah observation, dengan izin, untuk selama beberapa hari kerana mungkin saya ambil sebiji pil itu, maka kencing saya ada kesan tetapi selepas hari yang saya tidak ambil, itu sudah tidak ada. Saya bukan penagih dadah. Cuma dia mahu seronok-seronokkan beliau dengan sendiri, maka beliau makan sebiji pil itu. Jadi, ini untuk keadilan kepada orang-orang yang bukan betul-betul penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ada berkata bahawa ada 85% penagih-penagih dadah apabila dihantar ke pusat pemulihan, apabila mereka keluar, mereka menyambung balik makan dadah ini. Jadi, kawan saya yang peguam itu, beliau juga berpendapat supaya menyarankan kepada kerajaan supaya menyemak dengan keberkesanan pusat pemulihan ini termasuklah tempoh beliau perlu dipulihkan dan jikalau beliau ini *hardcore*, maka masanya perlu panjang dan jikalau beliau ini ringan, maka tempohnya perlu disingkatkan supaya tidak membazirkan tenaga rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya dengar tadi Yang Berhormat janji hendak berucap sepuluh minit sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Enam minit selepas saya sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jangan lebih dari masa itu sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi, saya pun dekat habislah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi, saya berharap kerajaan, memang perkara-perkara yang saya sebut ini wujud dalam masyarakat kita dan saya berharap kerajaan betul-betul ambil tindakan untuk membanteras kegiatan haram ini. Sekian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

2.41 ptg.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut menyokong resolusi untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama 5 tahun lagi bermula 15 Jun 2000.

Saya percaya langkah ini dapat membantu usaha untuk memerangi najis dadah dan melindungi rakyat khususnya belia daripada terjerumus dalam masalah dadah. Sebagaimana yang kita sedar, penyalahgunaan dadah merupakan satu ancaman yang besar berdasarkan statistik, bilangannya bukan sahaja membimbangkan, bahkan amat menakutkan. Dadah tidak kenal siapa kawan siapa lawan, tidak kira tua dan muda, UMNO ataupun PAS. Kita sentiasa menghambat pembangunan tetapi kita juga jangan lupa masa depan belia kita yang menjadi sasaran besar dalam negara kita ini.

Masalah dadah di negara kita disebabkan oleh adanya bekalan. Adanya bekalan kerana adanya kegiatan menyeludup dan menjual dadah. Pengguna dan penagih tidak akan terjerumus ke lembah yang hina ini jika tiada bekalan. Ramai daripada kita bila menyebut masalah dadah lebih banyak mengaitkan dengan penagih dan pusat serenti. Sebenarnya, kedua-dua perkara ini datang selepas kegiatan penyeludupan dan penjualan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kedua-duanya berkait rapat, saya ingin mengesyorkan supaya langkah-langkah pencegahan penyeludupan dipertingkatkan lagi. Kita sedar kita berada berhampiran pusat pengeluaran dadah antara yang terbesar di dunia iaitu "Tiga Segi Emas". Namun, kita tidak boleh jadikan punca tersebut dadah berleluasa di negara kita. Polis sudah mengenalpasti banyak cara dadah diseludup. Namun, masalah ini semakin hari semakin berleluasa.

Saya berminat dengan berita beberapa hari yang lalu di mana sekumpulan pelajar asing di institut pengajian tinggi swasta di sebuah negeri digunakan untuk mengedar dadah. Kita lihat cara penyangak dadah ini menyeludup dadah berbagai cara. Kita hendaklah menguasai kemasukan orang asing ke negara kita secara lebih terperinci. Tidak kiralah dia buruh asing, pelajar asing, pelancong asing, peniaga dan

pelabur serta juga perwakilan asing, tidak ada pilih kasih dalam soal ini. Selepas masalah penyeludupan, kita berdepan pula dengan masalah jualan yang ada kaitan terus dengan rang undang-undang yang ada di hadapan kita yang sedang kita bincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan polis menangkap dan merampas dadah. Adalah difahamkan, tahun lalu sahaja dadah bernilai kira-kira lebih RM300 juta pada harga pasaran berjaya dirampas. Sementara kira-kira 1,530 orang yang disyaki pengedar telah ditangkap dalam beberapa serbuan di sekitar ibu negara. Dalam serbuan tersebut, polis menahan kira-kira 8,695 orang yang disyaki penagih dan selepas ujian dibuat, lebih separuh daripadanya didapati positif.

Tuan Yang di-Pertua, daripada angka 1,530 yang diberkas itu terdapat seramai 319 dituduh di bawah seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952, sementara 157 di bawah seksyen 39B(2). Tuduhan di bawah kedua-dua seksyen ini membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan. Seramai 340 lagi dituduh di bawah seksyen 39A(1) yang jika didapati bersalah, boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang dari 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun dan hukuman sebat tidak kurang dari 3 kali dan tidak melebihi 9 kali. Sementara 523 orang lagi dituduh di bawah seksyen 12(3), akta yang sama kerana disyaki memiliki dadah. Jika didapati bersalah, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagaimanapun, di sebalik kejayaan tersebut, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan. Tuan Yang di-Pertua, jualan sudah pasti membabitkan penjual, pengedar dan pembeli. Penjual sama ada berada di dalam mahupun di luar negeri, pengedar pula lebih dimaksudkan dalam negeri. Pun begitu juga pengguna. Menyebut penjual, mereka ini adalah kumpulan hitam dan bermain dengan jumlah wang yang besar. Kumpulan ini terbabit dengan jenayah besar. Mereka membuat harta hasil darah dan nanah manusia. Betapa jijiknya mereka ini. Lebih jijik kumpulan ini menggunakan pelbagai cara untuk menjual dadah. Ada yang menggunakan murid-murid sekolah, berlagak seperti ustaz dan banyak cara lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya mereka yang memberikan bukti atau bersedia tampil untuk ke mahkamah, bukan sekadar dilindungi tetapi juga diberikan habuan yang besar. Mereka ini berjasa kepada negara seperti

juga yang mencipta nama dalam berbagai bidang. Jika ada di antara mereka itu dianugerahkan Dato' dan diberikan berbagai habuan, apa kurangnya pemberi maklumat ini. Mereka ini juga boleh dianggap "Hero Negara" kerana melalui maklumat merekalah kita berupaya melindungi belia kita daripada masalah dadah dan bukannya ini juga jasa dan sumbangan penting kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai harta penjual, saya difahamkan sehingga kini lebih berjuta-juta ringgit telah dirampas oleh kerajaan. Saya difahamkan kira-kira RM60 juta. Saya ingin bertanya, pihak manakah yang menyimpan harta berkenaan? Saya difahamkan harta ini adalah benda yang dimiliki oleh mereka yang menggunakan wang dadah. Ini termasuklah harta tanah, wang ringgit dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pertanyaan di sini, di manakah dadah yang disimpan? Tidakkah ia menghadapi risiko dicuri atau wujud sindiket menjual balik najis dadah tersebut? Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan di sini supaya harta yang dirampas itu digunakan kembali bagi membasmi dadah. Ini akan dapat mengurangkan lagi kos yang begitu tinggi, berbilion-bilion ringgit ke atas usaha kita untuk menyelesaikan masalah dadah ini. Kita sering diberitahu bahawa kerajaan menghadapi masalah yang begitu besar. Umpamanya, membiayai pusat serenti dengan harta berkenaan. Kempen antidadah, mendapatkan maklumat, usaha membendung kegiatan penyeludupan boleh dilakukan dengan lebih baik jika wang tersebut dibelanjakan sebaik-baiknya. Dengan cara menggunakan wang tersebut tetapi hal-hal berkaitan dengan dadah amatlah perlu diberikan perhatian yang lebih serius.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pusat serenti ini terdapat juga di Parlimen Larut, iaitu di Batu Kurau, tidak kurang daripada 200 orang yang sedang menjalani proses pemulihan. Saya juga berharap pusat-pusat serenti supaya mutu kawalan dapat dipertingkatkan lagi, lebih-lebih lagi khususnya di kawasan Parlimen Larut ini terletak di dalam kawasan kediaman yang berhampiran dengan kampung-kampung. Sekian saya mohon mencadangkan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jeli. Lepas itu Tanjong, lepas itu Menteri menjawab. Yang Berhormat, sepuluh minit ya.

2.51 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum w.b.t. dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan ahli-

ahli Dewan sekalian. Sebelum itu marilah kita merujuk kepada Firman Allah S.W.T yang terdapat dalam Surah Al-Mukminun [*Membaca sepotong ayat Al-Qur'an*] Kira-kira maksudnya:

"Sesungguhnya berjajalah, beruntunlah orang-orang Mukmin yakni mereka-mereka yang mengerjakan solat dengan penuh khusyuk yakni sembahyang dengan penuh khusyuk dan mereka-mereka yang meninggalkan perkara-perkara 'langhui' yakni perkara-perkara yang ditegah oleh Allah S.W.T"

Di dalam menyokong resolusi ini, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian. Undang-undang tentang ini sudah cukup kuat untuk menakutkan masyarakat daripada mendekati dadah khususnya pengedar dadah. Tetapi kenapa musibah ini semakin menaiki bukannya semakin menurun. Di samping itu jenis dadah baru untuk anak-anak orang yang berada telah mula menembusi pasaran negara secara besar-besaran. Para artis pun banyak terlibat dengan dadah berjenis baru kerana dadah jenis baru ini sangat popular di kelab-kelab malam, kelab-kelab hiburan, karaoke, rumah urut dan sebagainya. Dadah ini *diconsume* dengan izin di kawasan-kawasan elit dan very private dan di function-function eksklusif bagi anak-anak muda glamor, anak-anak muda celebrity, anak-anak muda kaya dan sebagainya. Dadah ini adalah pil ecstasy. Ianya lebih sukar untuk dikesan oleh pihak berkuasa, pihak berwajib berbanding dadah-dadah yang konservatif seperti Heroin, Morfina, Ganja dan sebagainya.

Parah dadah semakin menakutkan. Saya lihat masalahnya ialah kelemahan implementasi ataupun penguatkuasaan. Buatlah akta sekeras mana pun, tapi kalau penguatkuasaannya lemah maka ianya akan menjadi iklan atau cemuhan masyarakat sahaja. Jadi antara cadangan saya ialah pertama, menggunakan polis-polis daripada negeri yang berlainan untuk melakukan dengan izin, raid ataupun serbuan dan pengekoran untuk kawasan-kawasan hot sport yang disyaki.

Yang kedua menggunakan dengan izin, private investigator ala James Bond, The Saint, Mission Impossible, Remington Steel untuk mengendalikan kes ini dan imbuhan dibayar oleh kerajaan ataupun syarikat-syarikat korporat tertentu sekiranya mereka dapat menyelesaikan kes dadah atau menangkap mana-mana taiko pengedar dadah yang bertaraf premier league.

Yang ketiga, menawarkan upah yakni ransom kepada mana-mana pemberi maklumat sama ada perseorangan atau berkumpulan sehingga tertangkap taiko-taiko berpremier league ini, taiko-taiko pengedar dadah di dalam premier league ini.

Seterusnya keempat mempromosikan secara besar-besaran pasukan berpakaian seragam. Yang kelima, jadikan masjid lebih aktif yakni termasuk mengadakan aktiviti-aktiviti riadah untuk para belia.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian. Pusat serenti bertambah melebihi pertambahan bilangan universiti. Bilangan penghuni tiap-tiap pusat serenti ini bertambah dengan kadar yang jauh lebih besar daripada bilangan penghuni kampus-kampus universiti tempatan. Ini menimbulkan persoalan, menimbulkan pertanyaan kepada masyarakat bahkan penghuni-penghuni ini keluar masuk pusat serenti seperti tukar baju bahkan banyak pusat serenti yang sama menghadapi rusuhan yang berulang terutama di Jeli. Bila ditanya kepada penghuni pusat serenti ini mengapa diulangi rusuhan ini mereka secara umum menyalahkan pegawai-pegawai yang bertugas di pusat serenti tersebut dengan alasan-alasan yang tidak sesuai saya sebutkan dalam Dewan ini.

Masyarakat Jeli terutama di kawasan pusat serenti Kuala Long mendesak pihak kementerian, pihak kerajaan negeri dan meminta saya mendesak pihak Kementerian Dalam Negeri supaya menutup pusat di Jeli secepat yang mungkin kerana didapati terlalu ramai penghuni-penghuni yang bebas keluar masuk daripada pusat serenti ini dengan mencuri barang-barang, buah-buahan, makanan-makanan orang-orang kampung berdekatan secara rutin bahkan berani mengugut orang-orang kampung berdekatan sehingga menimbulkan ketakutan kepada orang-orang kampung. Orang-orang kampung bertanya, kenapa sebegitu mudah penghuni-penghuni boleh keluar masuk kawasan pusat serenti secara harian.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang sekalian. Mengikut pandangan Datuk Idris Ibrahim, bekas Yang di-Pertua Pemadam Wilayah Persekutuan dan Exco Pemadam Malaysia dalam temubual Malaysia Hari Ini kira-kira 3, 4 tahun dulu dan program ini adalah program RTM. Dengan berani menyatakan bahawa sama ada Pemadam atau kerajaan mengikut pandangannya kurang serius untuk benar-benar mengatasi masalah ini. Sekarang ini jawabnya masyarakat Malaysia hanya menghitung graf kenaikan bilangan-bilangan penagih dadah, bilangan-bilangan pusat serenti baru, bilangan pengedar-pengedar dadah baru, bilangan penghuni-penghuni

pusat-pusat serenti yang menjadi realiti graf ini sentiasa naik setiap tahun walaupun graf ekonomi GDP negara turun naik. Sebab itu saya mengesyorkan tingkatkan penguatkuasaan oleh pihak kerajaan terutama Kementerian Dalam Negeri maka masalah ini boleh diatasi sedikit demi sedikit dan akhirnya negara akan mendapat generasi mendatang yang cukup untuk layak memikul amanah Wawasan 2020. Jangan hanya fokus kepada bab demonstrasi aman oleh anak-anak muda yang ingin menegur dan membetulkan kerajaan kerana saluran rasmi telah ditutup dengan menggunakan silap mata akta-akta yang ada dalam negara hari ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Tanjong. Selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

3.00 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya mengambil bahagian dalam perbahasan untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya dan langkah-langkah pencegahan. Tuan Yang di-Pertua, apabila Akta ini dibentangkan pada tahun 1984 di Dewan ini sebuah jawatankuasa pilihan khas telah ditubuhkan dan melawati beberapa bandar di negara untuk mendapat maklum balas dari orang ramai mengenai ancaman dadah yang mengancam keselamatan negara kita. Pada masa itu semua rakyat Malaysia mahu melihat ancaman dadah ini dikawal jika tidak pun dihapuskan sama sekali.

Jawatankuasa Pilihan Khas pada masa itu juga mengambil perhatian iaitu sungguhpun orang ramai bersetuju bahawa masalah ancaman dadah ini perlu dihapuskan ramai orang melahirkan kebimbangan yang serius mengenai Akta ini oleh kerana ia memperuntukkan tahanan pencegahan tanpa perbicaraan iaitu pada anggapan mereka telah melanggar hak-hak asasi manusia dan kebebasan manusia sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 5, 9 dan 10 Perlembagaan Persekutuan. Pada masa itu Jawatankuasa Pilihan Khas itu juga mendapat maklum balas bahawa di setengah-setengah pihak yang menghadiri sidang maklum balas ini juga mendakwa bahawa cabang eksekutif telah menjadi pendakwa dan hakim dalam negara ini iaitu satu lagi pencabulan prinsip pengasingan kuasa, *separation of power*, tetapi pada masa itu walaupun pihak kerajaan sedar tentang bantahan-bantahan terhadap tahanan pencegahan tanpa perbicaraan yang melanggar hak asasi manusia ini dan juga melanggar prinsip pengasingan kuasa namun kerajaan pada masa itu berpendapat

bahawa ancaman dadah di negara ini sudah cukup berat untuk mengancam keselamatan negara dan Akta itu diperlukan walaupun ia memang melanggar hak asasi manusia yang termaktub dalam Perlembagaan.

Pada masa itu Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini memberi keyakinan kepada Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan-peruntukan yang secukupnya akan dimasukkan supaya dapat untuk tujuan perlindungan kawalan dan keseimbangan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat di dalam Akta ini ada satu saving clause di mana ia dikehendaki kekal berkuat kuasa bagi satu tempoh lima tahun sahaja melainkan ia dilanjutkan tempohnya oleh resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen iaitu menurut Seksyen 14. Saya menyambut baik pendirian Jawatankuasa Pilihan Khas ini memasukkan peruntukan bahawa Akta ini boleh luput dengan sendirinya selepas lima tahun melainkan ia dibaharui oleh Parlimen. Ini menggambarkan kepercayaan jawatankuasa pada masa itu bahawa undang-undang melanggar kebebasan asasi dan kedaulatan undang-undang tidak patut wujud selepas kegunaannya tidak perlu lagi dan apabila keadaan dan sebab-sebab memaksa yang lain semasa ia diperkenalkan dahulu tidak lagi benar dan Akta ini diberi tempoh lima tahun pada masa itu kerana mengikut alasan yang diberikan oleh pihak kerajaan ialah untuk menanam rasa peri mustahaknya disegerakan di kalangan semua yang berkenaan terutamanya agensi-agensi penguatkuasaan dalam usaha mereka menentang ancaman dadah, ia juga menjadi peringatan kepada pihak-pihak berkuasa tentang penguatkuasaan yang perlunya cekap dan berkesan dan lebih penting lagi adil dan saksama oleh kerana prestasi mereka akan diukur apabila tamat lima tahun.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua kita dibentangkan satu resolusi untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa untuk kali ketiga iaitu sudah masuk 15 to 20 years, tempoh melepasi 15 tahun Akta ini mula-mula dibentangkan. Jadi saya berharap kerajaan dapat menjustifikasikan kelanjutan ini kerana pihak kerajaan memang mendapat majoriti yang besar di Parlimen dan akan meluluskan kelanjutan ini tetapi haruslah juga kerajaan peka terhadap keprihatinan rakyat tentang perkara-perkara yang berbangkit pada masa itu. Sememangnya Tuan Yang di-Pertua apabila sekiranya saya melanjutkan hujah saya mengenai hak-hak manusia melanggar hak-hak manusia pihak kerajaan akan menyatakan bahawa ancaman dadah lebih dahsyat dari apa-apa lagi. Jadi saya tidak ingin menyentuh tentang pelanggaran hak asasi

yang diwujudkan oleh Akta ini tapi fokus perhatian terhadap suatu perkara yang juga diutarakan oleh ramai Ahli Yang Berhormat di Dewan ini iaitu mengenai penguatkuasaan iaitu saya ingin tahu berapa berkesankah Akta ini telah dapat mencegah masalah dadah di negara ini khususnya dalam menahan dan mencegah 'king pins', dadah king pins yang dari terus beroperasi. Bukan saja dengan Akta ini kerajaan juga dapat akta-akta yang lain seperti Akta Dadah Berbahaya, (Perlucutan hak Harta) Seksyen 39A dan B untuk membantu pihak penguat kuasa untuk membanteraskan ancaman dadah ini.

Jadi saya ingin tahu setakat manakah efektifnya akta-akta ini dalam membantu pihak penguat kuasa membanteraskan atau menangani masalah ancaman dadah terhadap keselamatan dan masa depan negara. Nampaknya selepas mendengar hujah dari beberapa orang Yang Berhormat nampaknya masalah dadah ini sungguhpun dengan akta yang begitu ketat masih tidak dapat menangani masalah ini dengan berkesannya dan melihat masalah ini semakin bertambah buruk. Misalnya pada hari ini Timbalan Menteri sendiri pun melalui satu kenyataan akhbar bahawa the abuse of psychotropic telah meningkat ke satu tahap yang serius di seluruh negara dan pihak kerajaan takut, bimbang bahawa penyalahgunaan dadah-dadah ini akan menjadi berleluasa jika tindakan-tindakan mencegah tidak diambil dengan secepat mungkin dan juga bahawa ada laporan bahawa di negara ini dalam tempoh 15 tahun sudah ada dua hingga tiga ratus ribu penagih dadah iaitu sampai 1.5% population Malaysia adalah penagih dadah. Ini satu statistik yang sungguh menakutkan kerana ini melibatkan rakyat-rakyat dan juga pemuda-pemuda yang akan menjadi pemimpin masa depan.

Jadi saya ingat Timbalan Menteri untuk memberi penjelasan bahawa walaupun tadi apabila membenteng usul tadi Timbalan Menteri ada menyatakan dalam tempoh ini sudah melebihi 10,000 orang yang diperintah tahanan dan saya ingin tahu dalam angka ini selain dari dikenakan perintah tahanan berapa ramai dari kalangan ini kemudiannya didakwa di mahkamah dan didapati bersalah di atas akta-akta yang lain. Badan-badan penguat kuasa juga diberi fokus oleh ramai ahli-ahli yang mengambil bahagian iaitu pada asalnya tempoh lima tahun seperti saya katakan tadi diberikan, dihadkan untuk memberi satu peri mustahaknya di kalangan agensi-agensi kerajaan untuk menentang ancaman dadah ini. Jadi nampaknya selepas

lanjutan tiga kali lima tahun ini nampaknya masalah masih belum dapat diatasi dengan sempurna.

Jadi kita dengar juga beberapa tuduhan terhadap agensi-agensi yang menguatkuasakan undang-undang untuk mencegah ancaman dadah iaitu PDRM dan agensi-agensi yang lain iaitu sama ada mengapa wujud kelemahan dalam menguat kuasa undang-undang untuk mencegah ancaman dadah ini. Tempoh hari kita mendengar di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat membuat tuduhan di dalam Dewan ini bahawa memang ada banyak masalah jenayah, maksiat berlaku di sekitar bandar raya dan lain-lain tempat. Dia kata rakyat biasa tahu mengapa polis tidak tahu dan juga Yang Berhormat dari Kinabatangan tempoh hari juga mendakwa bahawa penyeludupan dadah-dadah dari negara asing masuk ke dalam negara apabila diberkas ataupun ada rampasan berkilo-kilo dadah dirampas tetapi apabila sampai di mahkamah cuma tinggal bergram-gram sahaja. Ini satu kenyataan yang sungguh mencabarkan PDRM dan juga agensi-agensi penguat kuasa. Apakah kelemahan, apakah kelonggaran ataupun loophole yang ada di dalam sistem pencegahan ancaman dadah ini. Adakah mereka yang membuat dakwaan ini berkata bahawa memang wujudnya segelintir anggota yang melaksanakan atau menguatkuasakan undang-undang ini bersekongkol dengan sindiket dadah untuk mengaut keuntungan peribadi.

Apabila kita melihat Tuan Yang di-Pertua laporan tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis tahun 1998, ada satu statistik yang juga menakutkan iaitu pada satu tahun sahaja sudah ada 1,957 pegawai dan anggota polis diambil tindakan tatatertib. Ini merupakan 2.5% dari keseluruhan kekuatan PDRM iaitu pada satu tahun sahaja sudah dapat hampir 2000 orang pegawai dan anggota polis diambil tindakan tatatertib sama ada tahan kerja, gantung kerja, buang kerja ataupun hukuman tatatertib yang lain. Ini merupakan satu perkara yang serius sebab jika dalam satu tahun ada 2000 ini angka pada tahun 98. Laporan ini juga ada buat perbandingan 97 pun lebih kurang 2000 pegawai dan anggota polis didapati bersalah ataupun diambil tindakan termasuk rasuah, peras ugut, dan lain-lain kesalahan yang serius, tipu, ugutan jenayah, penglibatan dalam dadah, pecah amanah, salah laku dan lain-lain.

Jadi saya berharap kementerian dan kerajaan memandang dengan seriusnya, jangan mengatakan bahawa masalah ini tidak wujud. Tadi Yang Berhormat Gaya begitu sensitif apabila ada satu tuduhan bahawa PDRM memang wujud masalah. Jadi memang mengikut satu laporan tahunan suruhanjaya pasukan polis, dalam setiap

tahun ada hampir 2000 anggota dan pegawai polis terlibat dalam jenayah. That's mean dalam satu tahun di negara ini ada tiga, empat, lima ribu anggota polis dan pegawai terlibat dalam jenayah ataupun membantu sindiket-sindiket jenayah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Yong Teck Lee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari itu, masalah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bagan ialah bahawa.....

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

Datuk Yong Teck Lee: Tadi sebelum ini – bahawa banyak pegawai terlibat dalam perkara ini bukan sahaja sebagai penagih, juga berpakat di mana tindakan tidak diambil. Maka saya ingin membetulkan kepada beliau, Yang Berhormat ini juga apa yang saya maksud tadi itu ialah memang tidak dinafikan bahawa ada juga pegawai-pegawai terlibat tetapi ini bukan bermakna berleluasa di banyak tempat. Kerana saya tadi sebenar mahu memberikan satu contoh, di kawasan saya sendiri terdapat pendatang tanpa izin (PTI) menjual syabu, diseludup dari Filipina dan kita berikan maklumat ini kepada OCPD baru dan tindakan diambil dalam 24 jam. Satu operasi besar-besaran dibuat dan dalam satu hari perkara ini selesai. Maka saya ingin membetulkan bahawa janganlah bercakap seolah-olah ini berleluasa di semua jabatan, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain. Itu penjelasan. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gaya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pihak penguat kuasa pun seperti dihujahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada mengambil tindakan. Tetapi kita janganlah mengabaikan hakikat bahawa ada segelintir. Nampaknya, kalau 2% dari anggota polis terlibat setiap tahun, ini bukan satu perkara yang kecil. Just imagine 2,000-3,000 anggota dan pegawai polis terlibat dalam kesalahan termasuk rasuah, pun ada berkemungkinan ada bersekongkol, berpakat dengan sindiket-sindiket jenayah ini untuk kepentingan diri sendiri. Jadi, saya berharap pihak kementerian dan kerajaan dapat mengulang kaji dari segi penguatkuasaan undang-undang ini untuk mencegah dan menangani masalah dadah yang kian mengancam keselamatan negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Timbalan Menteri.

3.12 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-

ahli Yang Berhormat khususnya bagi Gelang Patah, Kuala Terengganu, Batang Lupar, Sri Gading, Bagan, Larut, Jeli dan juga Tanjong yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai resolusi untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menerangkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu tujuan resolusi yang dibentangkan pada hari ini adalah mengenai langkah-langkah pencegahan khas yang diperuntukkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1985. Langkah-langkah khas ini adalah bertujuan untuk menangani masalah mengenai pengedaran dadah. Tujuan ini memang tertumpu kepada pengedar sahaja sama ada pengedar besar-besaran ataupun kecil-kecilan dan memang tidak kena-mengena dengan pusat serenti ataupun penagih-penagih dadah yang begitu banyak diperkatakan pada pagi ini.

Di bawah langkah-langkah pencegahan memang kerajaan mempunyai tiga pusat pemulihan akhlak di mana pengedar-pengedar jika terbukti bukan dalam mahkamah tetapi mengikut rekod-rekod dan risikan-riskian kerajaan khususnya PDRM terbukti bahawa mereka adalah pengedar tetapi oleh kerana tidak mencukupi bukti fizikal, maka mereka akan ditahan di bawah kuasa yang boleh diberikan di bawah Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Ini memang berbeza dengan pemulihan rawatan kepada penagih-penagih. Di bawah rawatan dan pemulihan penagih-penagih memang mereka ini akan dihantar ke pusat serenti di mana seluruh negara terdapat 27 pusat serenti dan pusat-pusat serenti semua ini dikendalikan oleh Agensi Dadah Kebangsaan.

Saya cuma hendak beritahu sedikit latar belakang oleh sebab saya khuatir di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat mereka terkeliru sedikit tentang penagih dan pengedar. Tetapi memanglah kedua-dua penagih dan pengedar ini memang ada berkaitan, sebab seorang menjual dan seorang yang mengguna. Tetapi pada hari ini kita mengkhusus akan membincang mengenai hanya masalah-masalah pengedaran dadah. Pada pagi ini memang saya telah pun bentangkan resolusi supaya Parlimen dapat memberi persetujuan supaya langkah-langkah ini dapat dilanjutkan selama lima tahun lagi.

Memang tujuan dan spirit langkah-langkah pencegahan ini adalah untuk selama lima tahun. Yang Berhormat bagi Tanjong yang akhir sekali berucap telah pun bertanya sama ada kita mempunyai justifikasi, dengan izin, untuk melanjutkan

langkah-langkah pencegahan ini. Pada pagi ini begitu ramai, lapan Ahli Yang Berhormat telah berucap semua bersetuju seratus peratus hingga Yang Berhormat bagi Tanjong hendak tanya justifikasi pula. Tak apalah macam mana pun saya ingin memberitahu lanjutan ini memang mempunyai justifikasi. Jika tidak, tidak mempunyai langkah-langkah pencegahan, maka lebih ramai lagi, saya tak tahu berapa ramai, tetapi lebih ramai lagi pengedar-pengedar besar dan kecil akan bermaharajalela dengan kegiatan pengedaran dadah di negara kita.

Saya percayalah rakyat Malaysia pada keseluruhannya memang bersetuju dengan langkah-langkah ini supaya kita hendak sekurang-kurangnya melalui langkah-langkah pencegahan ini tidak memberi pengedar-pengedar peluang langsung untuk menjalankan kegiatan haram ini.

Dalam akta ini juga, Tuan Yang di-Pertua, terdapat begitu banyak safeguard, dengan izin, checks and balances, sebab cuma seorang Ahli Yang Berhormat yang berucap yang begitu takut tentang hak-hak individu-individu yang telah ditahan. Beliau menyoal sama ada langkah-langkah ini boleh disalahgunakan oleh pihak kerajaan. Cuma saya ingin memberi jaminan iaitu sejak langkah-langkah pencegahan tersebut diluluskan di Parlimen pada 15 tahun yang lepas hingga hari ini memang tidak terdapat sesiapa pun yang kena tahan dalam pusat-pusat pemulihan akhlak yang mengadu kepada sesiapa pun bahawa tahanan mereka adalah bermotif politik atau lain-lain sebab dan tidak sangkut paut dengan pengedaran dadah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga seperti saya katakan tadi bila seseorang ditahan, dimasuk ke dalam pusat pemulihan akhlak maka beliau mempunyai begitu banyak peluang untuk merayu. Yang pertama, sebelum seorang dihantar masuk kepada pusat pemulihan PPA maka satu jawatankuasa yang meliputi tiga orang yang boleh kita kata pakar (expert) dalam siasatan ini harus memberi satu laporan yang lengkap. Bila seseorang telah ditahan beliau juga mempunyai peluang untuk merayu kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri.

Selain daripada itu juga, selepas dia ditahan dalam masa tiga bulan maka satu lembaga penasihat di bawah Jabatan Perdana Menteri akan juga membuat siasatan sama ada orang yang ditahan ini adalah benar-benar pengedar ataupun sebaliknya. Dan tiga bulan sebelum dua tahun genap maka satu jawatankuasa penilaian juga akan dihantar ke pusat pemulihan akhlak supaya satu siasatan lagi dapat dijalankan. Selain daripada itu juga, orang yang kena tahan berhak untuk mencari peguam-peguam

sendiri dan kementerian saya dalam 15 tahun ini telah pun melihat ada beberapa orang telah pun mencari peguam supaya memfailkan permohonan *habeas corpus* di mahkamah. Ini merupakan salah satu langkah rayuan diberikan kepada orang yang kena tahan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Sye d Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang apa yang kita bincangkan ini adalah merupakan kes-kes di mana melibatkan pengedar-pengedar dadah yang diketahui tetapi tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk dibawa ke mahkamah. Jadi, bilangannya sejak 15 tahun sudah melebihi 10,000 orang dan kebanyakannya adalah boleh dikatakan big players dalam pengedaran dadah ini. Apa yang ditimbulkan oleh saya dan juga ramai rakan dalam Dewan ini ialah dari segi effectiveness ini walaupun kita tidak mahu berbincang dari segi bilangan penagih dadah, berapa banyak pusat penagihan, tetapi perkaitannya adalah begitu rapat kalau kita dapat menyelesaikan masalah pengedar-pengedar yang besar ini, berkemungkinan besar kita dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di bawah dalam masalah ini. Jadi, persoalan yang ada sekarang ini ialah bila ada tiga pusat yang disebut ini, saya ingin ketahuilah dari segi success ratenya, berapakah peratus success rate katakanlah sekarang ini ada 10,000 orang pengedar yang telah dibawa ke tempat-tempat ini yang ada fail yang diketahui mereka dan saya yakin kebanyakan pengedar-pengedar di seluruh Malaysia, the big players ini diketahui oleh pihak keselamatan siapa mereka, di mana mereka bergerak, cuma tidak mempunyai bukti untuk diambil tindakan. Jadi, success rate itu saya hendak tahulah berapa persen. Sekian.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak dapat mengukur success rate, dengan izin, ini dengan beberapa orang yang telah pun dibebaskan dan selepas itu mereka tidak menjadi pengedar lagi. Cuma pada keseluruhannya, pada kajian yang telah pun dikaji oleh kementerian dan khususnya Agensi Dadah Kebangsaan kita merasa tindakan-tindakan yang sedia ada, melalui langkah-langkah pencegahan, melalui undang-undang yang lain maka kita masih boleh mengawal keadaan ini. Kalau kita hendak translate kita masih boleh mengawal, maksud kata kita telah achieve a certain measure of success dalam hal ini.

Mengikut laporan Pertubuhan UN apa yang kita jalankan selama ini adalah salah satu contoh yang cukup baik bagi negara-negara lain sebab kita masih boleh mengawal. Walaupun kita tengok dari statistik dalam 15 tahun ini sudah 10,000 orang kita telah menahan. Ini cuma salah satu aspek itu sahaja. Jika kita tidak mempunyai langkah-langkah pencegahan seumpama ini kemungkinan 10,000 ini akan melipatgandakan dalam negara kita. Tetapi pada keseluruhannya saya boleh memberitahu dari segi success rate kita masih boleh mengawal situasi di negara kita mengenai pengedaran dadah.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu kes yang typical di mana akta ini digunakan. Mengapa akta ini digunakan kerana kekurangan bukti. Bolehkah beri satu kes dalam situasi dan kekurangan bukti yang apa. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat, kalau saya ditanya memberi contoh. Saya cuma hendak beritahu secara ringkaslah. Mengikut risikan Polis Diraja Malaysia, mengikut laporan siasatan yang agak terperinci over a period of time, dengan izin, dan jika kita tahu bahawa beliau ini memang melibatkan diri dalam pengedaran dadah, kerajaan perlu ambil tindakan. Tetapi sebelum seorang boleh ditangkap dan selepas itu didakwa ke mahkamah maka tahap pembuktian di mahkamah amat tinggi. Yang kedua, kita boleh anytime menjalankan operasi, menahan dan tangkap dia dengan sindiket-sindiket. Tetapi jika tidak mempunyai dadah fizikal di premis ataupun di tempat dia, maka sukarlah sedikit bagi kerajaan untuk mengambil tindakan walaupun kita tahu secara umum bahawa dia ini seorang penge dar yang begitu besar. Maka melalui langkah-langkah seumpama ini kita sekurang-kurangnya boleh menahan dia.

Seperti saya katakan tadi memang kerajaan tidak dengan sewenang-wenangnya hendak tahan sesiapa kerajaan suka, sebab apa kita hendak buang masa. Kita berpendapat melalui risikan dan siasatan (investigation) memang orang ini adalah pengedar dadah dan memang risiko amat tinggi kalau beliau ini tidak ditahan, kerajaan barulah mengambil langkah di bawah langkah-langkah pencegahan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada.....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Chor Chee Heung: Ada masa lagikah Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada banyak.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebenarnya saya baru masuk, kemungkinan saya tidak ikut tidak apa. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ini adalah satu prevention dan kerajaan beri jaminan bahawa kerajaan tidak akan menyalahgunakan. Soalan yang saya hendak timbulkan bagaimana kita akan memberikan perlindungan kepada seorang sekiranya penyalahgunaan itu berlaku.

Dato' Chor Chee Heung: Sebelum Yang Berhormat masuk, itulah masalah Yang Berhormat. Dia datang lewat dia tidak dengar. Tadi sudah ada beritahu dengan secara panjang lebar what are the check and balances, dengan izin dalam langkah-langkah pencegahan ini dahulu. Tak apalah saya tidak ada masa hendak ulang balik apa yang saya kata tadi. Mungkin Yang Berhormat dari kalangan DAP boleh tolong.

Satu lagi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selama ini kita telah pun menahan begitu ramai seperti yang saya katakan tadi. Tetapi tidak sesiapa yang dibebaskan kelak mendakwa bahawa kerajaan telah pun menahan dia tanpa bukti. Tidak pernah ada orang. Maksudnya, mereka ini semua ini salah dan bila diberikan kebebasan mereka menghargai pula tindakan kerajaan dan selepas itu begitu ramai telah pun melibatkan diri dalam perniagaan yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gelang Patah memang telah pun memberi beberapa cadangan dan saya setuju dengan beliau. Untuk makluman beliau pihak kementerian menyedari begitu banyak kelab-kelab malam dan pub yang kemungkinan ada di Johor yang tidak mempunyai lesen. Saya ingin memberitahu iaitu agensi penguatkuasaan iaitu termasuk polis dan pihak berkuasa tempatan sentiasa memantau kegiatan ini dan melakukan operasi dan juga serbuan-serbuan terhadap premis-premis tersebut. Sebagai satu contoh, jumlah tersebut seperti pada tahun 1997 sebanyak 66 operasi telah pun dijalankan, 1998 – 85 operasi dan tahun 1999 hingga September 1999 sebanyak 28 operasi telah pun dijalankan oleh pihak berkuasa di seluruh negara.

Memang dari segi tindakan untuk menutup premis-premis yang tidak mempunyai lesen apabila aduan dibuat kepada pihak berkuasa tempatan terpulang kepada pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama polis mengambil tindakan dan kadang-kadang dalam bandar-bandar besar macam Johor Bahru dan Kuala Lumpur,

perkara ini juga kadang-kadang terlepas – maksud oleh kerana kita dalam suatu bandar raya yang besar, kemungkinan ada juga satu, dua buah pub ataupun kelab malam yang buka tanpa mempunyai lesen – ada juga. Dan jika pihak umum dapat tahu ataupun Yang Berhormat dapat tahu, memang baguslah, kalau kita diberitahu, aduan dibuat dan kita dapat menjalankan operasi dengan serta merta.

Yang Berhormat dari Kuala Terengganu memang telah pun bertanya beberapa soalan, saya ingin memberitahu iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini adalah merupakan satu-satu akta pencegahan, that is preventive in nature, dengan izin, dan akta ini bertujuan untuk menggunakan kuasa yang terdapat di dalam akta untuk menangani masalah pengedaran dadah secara yang lebih cepat dan berkesan.

Namun demikian, masalah pengedaran dadah tetap menjadi ancaman dan masalah ini bukan hanya dihadapi oleh negara kita, tetapi juga dihadapi oleh semua negara di dunia ini dan oleh yang demikian untuk menyatakan kita gagal dalam program-program pemulihan dan program membanteraskan pengedaran dadah ini adalah tidak benar, tidak tepat, sebab saya percaya kalau kita hendak menghapuskan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kalau Timbalan Menteri menyatakan bahawa program kita berjaya, sedangkan boleh dikatakan consensus di kalangan ahli-ahli Dewan yang membahas tentang akta ini menyatakan bahawa kita menghadapi suatu masalah yang besar dari segi pertambahan, penagihan masalah sosial yang berkaitan dengan dadah dan sebagainya dan kajian yang saya sebutkan, kajian yang dibuat oleh PEMADAM sendiri walaupun ini secara directnya tidak ada di dalam akta yang kita bincangkan ini, tetapi sebagai contohnya kajian yang dibuat oleh PEMADAM daripada 24,000 yang berada di pusat serenti, 85% adalah relapse cases, apabila mereka keluar, ini suatu kegagalan yang besar, sedangkan negara membelanjakan mungkin beratus-ratus juta ringgit untuk menyelesaikan masalah ini. Dan perkaitan dari segi pengedar-pengedar ini adalah begitu besar dalam konteks kita menyelesaikan secara keseluruhan, sebab itulah saya menyatakan bahawa kerajaan ataupun kementerian sendiri perlu melihat dalam

perspektif yang lebih luas untuk kita selesaikan, once and for all dari segi masalah yang ada ini, yang menular dengan begitu cepat dalam masyarakat kita.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat bangkit iaitu masalah dengan penagih. Tetapi saya cuma hendak beritahulah, PEMADAM ini merupakan sebuah badan NGO dan saya memang tidak begitu bersetuju dengan statistik yang diberikan oleh PEMADAM, sebab mengikut Agensi Dadah Kebangsaan, kita juga mempunyai statistik kemungkinan tidak begitu tepat tetapi walau bagaimanapun, saya akan menyiasat tengok, sama ada

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Saya belum habis lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap, sekejap.

Dato' Chor Chee Heung: Hendak menyiasat tengok sama ada statistik yang diberikan sama ada ianya bertentangan dengan kita. Dan yang kedua, saya ingin memberitahu ialah selepas penagih dadah ataupun pengedar dadah mereka ditahan, dikurung selama dua tahun dan jika didapati masih harus juga ditahan akan dilanjutkan lagi dan selepas itu, kemungkinan mereka ini akan dibuang daerah ke suatu tempat pedalaman.

Saya percaya Yang Berhormat pun bersetuju dengan saya, tak mungkin kata kerajaan harus mengawasi gerak geri seseorang, selepas beliau telah dilepaskan seumur hidup. This is ridiculous. Mengikut statistik yang saya ada, sebab saya baru balik dari Vienna untuk menghadiri satu conference mengenai dadah juga, mengikut pakar-pakar di situ, memang tidak dapat kita membanteras dan menghapuskan masalah ini dalam sepuluh atau lima belas tahun – tak mungkin. Sebab penduduk kita kian bertambah. Para remaja mencapai umur dewasa kian bertambah, tak mungkin, it is going to be a very long drawn problem as long as kita berani dengan izin, political will, kita sekurang-kurangnya boleh mengawal keadaan di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri. Tadi Dato' Timbalan Menteri menyatakan bahawa tidak bersetuju dengan angka yang dikeluarkan oleh PEMADAM sedangkan saya tahu PEMADAM dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri seorang lagi daripada Bagan Serai yang dahulunya daripada Pasir Salak. Jadi, saya tidak tahulah bagaimana seorang Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam masa yang sama menjadi Yang di-Pertua PEMADAM, tiba-tiba tidak boleh memberikan satu angka yang bersesuaian dengan angka yang ada kepada kementerian, itu satu.

Yang keduanya, tentang keberkesanan tindakan pencegahan pengedaran dadah ini. Apakah pihak kementerian mengambil kira juga bahawa kurangnya keberkesanan pencegahan ataupun gagalannya dalam kita mencegah pengedaran dadah ini, ada kaitan dengan unsur-unsur pihak-pihak berkuasa yang berkemungkinan memberikan perlindungan kepada mereka ini.

Saya lihat satu contoh, dalam isu tempat-tempat judi haram ini, saya dimaklumkan oleh seorang Exco kerajaan negeri di Kedah baru-baru ini dalam pertemuan saya, bahawa beliau menyatakan bahawa ada unsur-unsur yang mereka kesani bahawa pihak-pihak berkuasa yang turut memberikan perlindungan kepada mereka ini. Begitu juga dalam kes dadah. Dahulu saya pernah sebut di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pengalaman saya duduk dalam lokap di Jalan Dang Wangi, bagaimana dadah masih boleh dibawa masuk ke dalam lokap dan walaupun saya difahamkan oleh pihak akhbar, Dato' sendiri mencabar saya mengemukakan bukti tetapi telah pun dibuktikan perakuan itu oleh Ketua Polis Daerah Dang Wang dalam satu kenyataan beliau, beliau memperakui kenyataan saya di Parlimen dan beliau telah mengambil langkah-langkah perlu untuk menyediakan kamera TV untuk melihat suasana yang ada dalam lokap tersebut, itu bagi saya bahawa kemungkinan di lokap Dang Wangi, tetapi kemungkinan langkah itu tidak diambil terhadap lokap-lokap yang lain, tetapi ini menunjukkan bahawa wujudnya perlindungan ataupun kerjasama pihak-pihak tertentu khususnya pihak polis dalam memberikan perlindungan kepada orang-orang yang terlibat dalam pengedaran dadah.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Tadi, saya ingin memberi penjelasan sedikit, angka-angka yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat angka yang dari PEMADAM. Dan ini bukan bermakna bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang dari KDN mengetuai PEMADAM itu maksud ada percanggahan – tidak! Maksud saya angka yang diberikan pada tahun 1998, kemungkinan ianya bertentangan dengan angka statistik yang ada pada kita, maka kita

harus membuat siasatan sama ada macam mana ia mendapat perangkaan itu. Itu sahaja masalah.

Yang kedua, Yang Berhormat telah pun mengatakan kemungkinan ada orang memberi perlindungan kepada pengedar-pengedar dadah. Saya memang tidak dapat memberi jaminan iaitu 100%, semua anggota PDRM tidak mempunyai kelemahan. Dan saya pun tidak tahu sama ada berapa peratusan jika ada, tetapi mengikut siasatan yang kita buat selama ini, bukan sahaja dari segi perlindungan kawan-kawan mengedar dadah, dalam perkara lain macam rasuah dan ini memang ada, tetapi sejak saya masuk ke kementerian didapati hanya segelintir kecil, too small of number, sebab dalam – kita semua tahulah, anywhere else there must be some bad apples, dengan izin. Kita harus menerima hakikat, di polis pun sama juga, di semua organisasi ada, ada yang baik macam Yang Berhormat, ada yang kelakuan yang cukup buruk pun ada. So saya tidak kata semua PDRM no problem. Kemungkinan segelintir, apa Yang Berhormat sebut, yang Dang Wangi ini mungkin satu kes, yang benar. That one saya mengaku, tetapi bukan semua, bukan semualah, sama ada, ada setengah pihak dalam PDRM memberi perlindungan kepada pengedar-pengedar, saya berani kata, jika ada pun, it is a small number, tidak akan menjejaskan langkah-langkah, tindakan-tindakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak beri jalan lagi?

Dato' Chor Chee Heung: Cukuplah kot.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Okay, okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh sambung sedikit?

Dato' Chor Chee Heung: Tak apalah, esok, esok.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Fasal berkaitan dengan yang tadi itu.

Dato' Chor Chee Heung: Okay, last, last.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lastlah ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli duduk ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa angka ini angka 1998 – 85% tak apalah, kita katakan bahawa bukan 85%. Saya menyebut baru-baru ini sewaktu penggulungan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam belanjawan peringkat kementerian dalam peringkat Jawatankuasa, saya menyebut tentang 70% penagihan berulang, tetapi dinafikan pula oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, dia kata tak sampai 70%, sedangkan saya mengatakan bahawa kenyataan itu dibuat oleh Pengerusi PEMADAM yang baru. Pengerusi PEMADAM pula bangun bagi warning dengan saya, jangan tipu Dewan, saya tidak tahu hak mana satu angka yang betul daripada kerajaan. 85% dalam tahun 1998 tidak betul, 70% yang dikeluarkan pada tahun 2000, ini kenyataan itu, dibuat dalam tahun 2000 pun dianggap oleh menteri tak betul, saya tak tahulah angka mana satu yang betul. Baik, itu satu perkara.

Satu lagi ialah tentang maksud saya tadi tentang berkemungkinan dan diakui oleh Dato' tadi bahawa kemungkinan itu ada, tetapi dia punya itu terlalu kecil iaitu penglibatan anggota polis yang memberi perlindungan. Saya bukan menuduhkan semua anggota polis, tetapi bagi saya, yang kecil itulah yang menjadi masalah yang besar kepada negara kita. Bila mereka telah berjaya mengawal dan memberikan perlindungan kepada kumpulan-kumpulan ini. Sebab itu, saya minta tadi bahawa sepatutnya satu kajian, satu siasatan perlu dibuat secara yang menyeluruh terhadap pasukan polis supaya jangan nanti wujudnya satu sindiket di Bukit Aman, sebab bagi saya satu perkara yang sangat memalukan bila pihak polislah yang sepatutnya dalam menguatkuasakan langkah-langkah pencegahan ini dilihat sebagai gagal, sedangkan orang tahu pihak polis Malaysia ini memang hebat, dia boleh tangkap orang yang naik kereta api di Arau, dalam demonstrasi itu, dia boleh tangkap orang yang hendak naik kereta api daripada Johor, turun di Kuala Kangsar daripada Arau, dia boleh sampai peringkat itu, gagal demonstrasi aman di Kuala Lumpur, tiba-tiba undang-undang sejak daripada tahun 1985 langkah-langkah pencegahan ini, tiba-tiba gagal. Penagihan berulang, penagihan makin berulang, makin bertambah, pengedaran dadah bertambah. Ini bagi saya, saya pun rasa malu bila polis cekap tumbuk orang, Timbalan Ketua Polis memberi tumbuk, tiba-tiba gagal dalam masalah pencegahan pengedaran dadah ini.

Dato' Chor Chee Heung: His, Yang Berhormat bijak ambil kesempatan ini. *[Ketawa]* Sekarang kita bincang tentang dadah, sekarang dia pun beralih pi tempat lain pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu tidak payah jawab, itu tak payah jawab. Jawab mengenai dadah.

Dato' Chor Chee Heung: Dua soalan ini. Yang pertama adalah penagih berulang ya. Kala u Yang Berhormat telah membaca surat khabar dua hari yang lepas, saya pun sempat melawat sebuah pusat serenti di Sungai Petani dan di situ saya minta statistik yang lebih kurang agak tepat bagi bekas penagih-penagih dadah yang keluar daripada pusat serenti berulang balik menjadi penagih dan mengikut mereka pada keseluruhannya lebih kurang 70% dan ini bukan bermaksud bahawa kerajaan telah gagal dalam pendekatan ataupun tindakan untuk mengurangkan kadar penagih di negara kita.

Seperti saya katakan tadi, bila dalam pusat serenti, mereka ini memang telah pun ubah dan mereka telah pun dikira free from drugs, tetapi bila mereka keluar kadang-kadang pengawasan kita sampai satu tahap sahaja mungkin dua tahun, selepas itu kita berasa berpendapat bahawa mereka ini okay, sudah sembuh, tidak bergantung kepada najis dadah lagi, maka mereka akan diberikan kesempatan untuk mencari kerja ataupun lain-lain dan mereka dapat bergerak tanpa had.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan, lain kalilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak beri jalan ya.

Dato' Chor Chee Heung: Dalam masa bila mereka keluar jika mereka pula campur balik dengan geng-geng yang lama, maka kemungkinan oleh kerana mereka tidak mempunyai keyakinan diri, dia mula balik. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, bila kita sebut tentang penagih dadah. Penagih dadah yang baru ini, angkanya adalah termasuk bekas penagih dadah, bukan orang-orang baru ini, bekas penagih dadah juga dicampur aduk dalam angka ini dan nampak macam begitu ramailah.

Yang kedua, mengenai segelintir kecil pegawai PDRM ataupun yang kemungkinan melakukan kegiatan yang tidak betul, setiap tahun seperti Yang

Berhormat kata terdapat begitu ramai pegawai-pegawai yang didapati telah bersalah dan melanggar tata tertib dan mereka memang dikenakan tindakan tata tertib ataupun buang kerja. Ini membuktikan bahawa kerajaan memang cukup transparent yang pertama. Yang kedua, mempunyai keyakinan bahawa semua pegawai, anggota, pegawai dalam PDRM harus mempunyai tahap kebersihan yang agak membanggakan kita. Ini adalah satu proses, on going process. Baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah pun bertanya tentang langkah-langkah pencegahan yang tidak efektif. Kerajaan melalui Agensi Dadah Kebangsaan sentiasa memberi keutamaan kepada langkah-langkah pencegahan melalui strategi-strategi berikut:-

- (i) Mempertingkatkan lagi penguatkuasaan.
- (ii) Mempertingkatkan lagi kawalan kemasukan dadah di pintu masuk yang berada di seluruh negara kita.
- (iii) Mempertingkatkan lagi program pencegahan yang berkesan dan juga mempertingkatkan lagi program pemulihan yang boleh melahirkan mereka yang insaf, berguna dan produktif. Dalam perkataan lain, semasa mereka ada dalam pusat pemulihan akhlak, maka mereka akan dilatih dengan pelbagai program supaya mereka dapat menjauhi dadah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu juga bertanya tentang pertambahan bilangan kes penagihan dan juga bilangan pengedar yang dikenakan tindakan di bawah akta ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha untuk membendung gejala dadah dalam negara memang tidak dapat diselesaikan dengan hanya semata-mata melalui pelaksanaan akta ini. Usaha untuk memerangi gejala dadah dilaksanakan secara bersepadu dan pelbagai strategi iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan juga kerjasama antarabangsa harus diadakan.

Seperti yang saya katakan tadi, saya baru balik dengan pegawai-pegawai dari Vienna di mana pihak United Nations (UN) telah pun menganjurkan satu konvensyen mengenai jenayah iaitu transnational crime. Ini menunjukkan bahawa semua negara di dunia ini memang menghadapi masalah seumpama dadah dan dadah diklasifikasikan sebagai salah satu jenis jenayah yang mempunyai kedudukan yang paling tinggi sekali dan kali ini, kita telah membincang dengan panjang lebar, pihak PDRM juga menghantar wakil, mereka ini adalah expert dan mereka ini sentiasa

mempunyai, melalui conference dan juga workshop macam mana kita hendak merangani masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan Datoh berdiri Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sedikit sahaja, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri baru balik dari Vienna, Viennakah? Ini bukan main sejuk lagi. Cuma hendak bertanya. Sejak Datuk Salleh Mat Som mengambil alih sebagai Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan, tentu ada kerjasama di peringkat antarabangsa seperti mana yang Yang Berhormat sebut tadi. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan agensi-agensi pencegahan antarabangsa yang memberikan kerjasama kepada kita. Kalau kerjasama ini jelas memperlihatkan hubungan begitu erat dengan kita, apakah langkah-langkah antarabangsa yang dilakukan supaya pencegahan ini dapat dilakukan? Tentu pihak pengedar dadah juga mempunyai rangkaian antarabangsa. Adakah di peringkat antarabangsa kita mengesyaki pihak yang mencegah bekerjasama dengan pihak yang menyeludup dadah ini?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, selepas Datuk Salleh mengambil alih Agensi Dadah Kebangsaan, bukan sahaja beliau berpeluang untuk menghadiri pelbagai workshop dan juga seminar termasuk conferences mengenai dadah dan dalam mesyuarat yang diadakan yang mana beliau menghadiri, maka kita dapat melihat setiap kali beliau balik, beliau mempunyai maklumat yang baru di mana organisasi-organisasi antarabangsa telah pun mengambil bahagian untuk membantu, bukan sahaja Malaysia malah negara-negara di ASEAN untuk mencegah segala kegiatan pengedaran dadah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, ASEAN Police (Aseanapol), Interpol, begitu aktif sekali mempunyai rangkaian dalam ASEAN dan selain daripada itu juga pihak Thailand telah pun mula bergiat aktif supaya menganjurkan lebih banyak mesyuarat pakar-pakar dari segi macam mana kita dapat mencegah kegiatan pengedaran dadah ini. Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Gaya berdiri, ya.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat cukuplah sebab ada tiga, empat bil lagi ini.

Datuk Yong Teck Lee: Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Fasal Yang Berhormat Timbalan Menteri baru balik dari.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri?

Dato' Chor Chee Heung: Saya minta maaf, lain kalilah.

Datuk Yong Teck Lee: Tidak, ini fasal syabu yang terdapat di Kuala Lumpur ini melalui Sabah dan ia berasal dari Philippine dan Taiwan. Jadi, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengetuai satu rombongan terus ke Philippine yang merupakan tempat yang memberikan kita syabu ini. Apa yang kita lihat berlaku di Sipadan baru-baru ini satu contoh, kalaulah perompak boleh masuk menculik seorang anggota polis, orang Malaysia dan juga pelancong, apa mudah lagi untuk perompak dan orang-orang dari PTI ini menyeludup syabu dan dadah masuk ke negara Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Yong Teck Lee: Ya, kalau boleh lawat Philippine juga, jangan sahaja Vienna.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Cadangan itu memang bagus tetapi kita semua ini dalam rantau ASEAN. Kerajaan mempunyai wakil-wakil dan sentiasa mengadakan mesyuarat. Mereka juga tahu dari mana setengah-setengah jenis dadah dapat dibawa masuk. Macam syabu – Yang Berhormat cukup fahamlah, cukup waras, dia tahu dari Philippine. Memang benar juga tetapi kita harus bekerjasama. Jangan kita sentiasa mendakwa kata negara apa yang membawa dadah ke negara lain, ini bukan satu pendekatan. Pendekatan kita ialah bersepadu dan bekerjasama.

Yang Berhormat bagi Sri Gading memang pun telah memberi cadangan. Cadangan itu baik dan untuk maklumat Dewan yang mulia ini ucapan beliau memang lebih banyak tertumpu kepada kempen-kempen di peringkat sekolah dan pihak-pihak berkenaan telah pun menjalankan begitu banyak kempen di sekolah supaya anak-anak kita di peringkat sekolah rendah akan mula menyedari bahawa najis dadah ini adalah suatu benda yang harus di jauhi.

Beliau juga memberi cadangan supaya pusat serenti dapat dibina bukan dalam Semenanjung Malaysia tetapi di tengah-tengah hutan negeri Sarawak. Ini mungkin

juga satu cadangan yang baik tetapi di mana pun pusat serenti dibina, saya percaya kesannya (result) agak sama juga sebab semua pusat serenti mempunyai kawalan pengawasan yang cukup.....apa?.....er....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rapi.

Dato' Chor Chee Heung:rapi, ya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.yang cukup rapi dan semua subjek yang ditahan di pusat serenti ini pada setiap hari harus menjalani latihan ala tentera. Bila kita sebut latihan ala tentera itu maksudnya mereka ini harus betul-betul fit. Kalau tidak mereka ini tidak boleh tahanlah. Selain daripada latihan ala tentera mereka juga diberi ajaran keagamaan, macam subjek-subjek yang beragama Islam akan diberikan bimbingan dari segi keagamaan, jasmani, rohani dan untuk subjek yang lain macam ajaran Buddha dan Hindu juga diberikan kepada mereka.

Yang Berhormat bagi Bagan telah pun menyebut iaitu selepas mereka ini dilepaskan daripada pusat pemulihan akhlak mereka juga menjadi pengedar balik. Ini mungkin akan terjadi tetapi mengikut pendekatan kerajaan, selepas dua tahun beliau berada di situ, jika wajar dilanjut, maka Menteri Dalam Negeri akan melanjutkan lagi tahanannya dan setiap dua tahun boleh dilanjut hingga Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri berpuas hati bahawa beliau telah pun menghabiskan proses pemulihan dan beliau betul-betul telah insaf. Orang yang ditahan itu akan diberi sekatan buang negeri ke satu tempat dan kita berharap apa bila seseorang dikenakan sekatan buang negeri, maka pengawasan polis akan juga membantu beliau supaya beliau tidak akan mengadakan perhubungan balik dengan kawan-kawan ataupun sindiket-sindiket yang lama. Dalam perkataan lain, dua ataupun empat tahun di pusat pemulihan akhlak termasuk dengan buang daerah di satu-satu tempat pedalaman, maka kita mengharap supaya perhubungan di antara orang yang kena tahan dan sindiket-sindiket dadah dapat diputuskan.

Beliau juga menyebut tentang pil kuda. Saya pun tidak tahulah, saya pun dengar juga pil kuda baru-baru ini ada dikesan di belah Utara dan pil kuda ini merupakan sejenis pil yang diberi makan kepada kuda baru boleh kuat. Saya tidak tahulah tetapi macam mana pun kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuat berlari ya.

Dato' Chor Chee Heung:....telah pun mula menjalankan siasatan apakah jenis dan kesan pil kuda ini. Mungkin Yang Berhormat bagi Pokok Sena telah pun try....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]*
Tidak tahu saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Chor Chee Heung: Tak ada? Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu juga saya percaya saya telah pun menjawab segala soalan yang berbangkit....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Air kencing kuda macam mana? Air kencing kuda?

Dato' Chor Chee Heung: Kencing kuda?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Chor Chee Heung: Siapa kata kencing kuda ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada.
*[Ketawa]*Ini Bagan sebut tadi.

Dato' Chor Chee Heung: Pil kuda saya pernah dengar, saya dengar baru-baru ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan sebut tadi.

Dato' Chor Chee Heung:....tetapi kencing kuda ini saya belum lagi. Mungkin Yang Berhormat bagi Bagan kot?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan sebut.

Dato' Chor Chee Heung: Bagan sebut ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hu'uh, sebut. *[Ketawa]*

Dato' Chor Chee Heung: Itu tidak apalah, kencingkah, tahikah ataupun pil kudakah kita akan menyiasat semua.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada semua Yang Berhormat. Jika ada yang saya tidak sempat jawab, saya minta maaf tetapi pegawai saya akan mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalahnya ialah:

“Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut Sub-seksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama 5 tahun lagi bermula dari 15 Jun 2000”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan;

“Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut Sub-seksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama 5 tahun lagi bermula dari 15 Jun 2000”

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.01 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000 dicadangkan adalah bagi melaksanakan keputusan kerajaan untuk:-

- (a) memindahkan kuasa kawal selia ke atas kelulusan dan pendaftaran prospektus berhubung dengan tawaran awam sekuriti daripada Pendaftar Syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC);

- (b) mengekalkan dengan ROC kuasa kawal selia terhadap tawaran share dan debenture oleh syarikat-syarikat yang merupakan kelab rekreasi yang tidak tersenarai di bursa saham seperti yang ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan juga tawaran kepentingan selain daripada share dan debenture seperti keahlian dalam skim kongsi masa, kelab golf dan rekreasi, kelab marin dan lain-lain.

Pindaan-pindaan juga adalah dicadangkan untuk membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mengawal selia dan membangunkan pasaran bon di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya rang undang-undang yang dibentangkan ini mengandungi 16 Fasal pindaan di mana kebanyakan daripadanya, daripada 16, 14 pindaan hampir adalah pindaan-pindaan yang wajar dibuat atau consequential amendment berikutan daripada pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Fasal 2 Rang Undang-undang mencadangkan pindaan ke atas Subseksyen 4(i) untuk meminda takrif istilah-istilah perbadanan meminjam (borrowing corporation), langganan minimum (minimum subscription) dan prospektus dan mencadangkan takrif kepada dua istilah baru iaitu “sekuriti” dan “kelab rekreasi” yang tidak tersenarai (unlisted recreational club).

Fasal 3 Rang Undang-undang mencadangkan pindaan ke atas Seksyen 6A(3) yang memasukkan perenggan baru (d) untuk memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna setelah berunding dengan Menteri Kewangan untuk menetapkan sesuatu hak sebagai bukan kepentingan di dalam sesuatu share. Sesuatu hak yang ditetapkan sedemikian tidak perlu diambil kira bagi maksud membuat penzahiran di bawah Bahagian IIIA Penggal 4 Seksyen 134 dan Seksyen 135 Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 Rang Undang-undang bertujuan memasukkan Seksyen baru 36A dalam Bahagian I, Penggal 4 Akta Syarikat 1965. Mengikut Seksyen baru ini mulai tarikh penguatkuasaannya, Bahagian I dan IV Penggal 4 Akta Syarikat berhubung dengan prospektus dan debenture masing-masing tidak lagi terpakai kepada mana-mana tawaran atau pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti yang dikawal di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Sebaliknya bahagian-bahagian tersebut hanya akan terpakai kepada tawaran atau pelawaan untuk

melanggan atau membeli share atau debenture yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang merupakan kelab rekreasi yang tidak tersenarai di bursa saham.

Walau bagaimanapun, satu salinan setiap prospektus yang diterbitkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan satu salinan semua laporan yang dibuat di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti oleh sebuah syarikat meminjam perlu juga disimpan dengan Pendaftar Syarikat untuk kemudahan orang ramai membuat semakan selaras dengan fungsi ROC sebagai penyimpan dan pembekal maklumat korporat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang terkandung dalam Fasal 5 dan 6 Rang Undang-undang adalah untuk mengeluarkan Seksyen 39A dan Seksyen 44 daripada Akta Syarikat 1965 kerana peruntukan-peruntukan di bawah seksyen-seksyen berkenaan telah dimasukkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 untuk membolehkannya berada di bawah bidang kuasa SC.

Fasal 7 bercadang meminda Seksyen 48 untuk menjadikan sebarang umpukan share (allotment of share) yang dibuat tanpa mencapai langganan minimum atau selepas tempoh sah sesuatu prospektus berhubung dengan sesuatu tawaran sekuriti di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 sebagai satu kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965. Selain daripada itu denda bagi kesalahan di bawah Seksyen ini dicadangkan dinaikkan kepada RM1 juta selaras dengan hukuman bagi kesalahan seumpamanya di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen-seksyen 49, 52 dan 58 melalui Fasal-fasal 8, 9, dan 10 adalah bertujuan menjadikan apa-apa kesalahan, larangan dan kehendak di bawah seksyen-seksyen ini sebagai merangkumi juga apa-apa tawaran sekuriti dan penerbitan prospektus-prospektus yang dibuat di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dengan tidak mematuhi seksyen-seksyen tersebut.

Fasal 11 Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000 pula bertujuan untuk meminda Seksyen 90 bagi memastikan kehendak-kehendak Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 berkaitan dengan prospektus tidak akan terpakai kepada prospektus yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang menawarkan kepentingan selain daripada share dan debenture kepada awam menurut Akta Syarikat 1965 di mana kehendak-kehendak prospektus di bawahnya adalah berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 mencadangkan pindaan kepada Seksyen 96 untuk memperluaskan kuasa Menteri bagi memberi pengecualian bagi mematuhi

kesemua atau mana-mana peruntukan dalam Bahagian V Penggal 4 Akta Syarikat. Berkaitan dengan tawaran kepentingan di bawah seksyen ini supaya merangkumi kelulusan pengecualian kepada mana-mana kelas syarikat atau mana-mana individu atau kelas individu. Peruntukan yang ada sekarang hanya memberi kuasa kepada Menteri untuk meluluskan pengecualian kepada sesebuah syarikat sahaja. Cadangan pindaan ini juga memberi kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian V Penggal 4 tidak terpakai kepada mana-mana jenis kepentingan atau kelas kepentingan atas alasan ianya lebih sesuai dikawal selia sebagai sekuriti atau kontrak niaga hadapan di bawah undang-undang sekuriti. Kuasa baru kepada Menteri ini akan hanya dilaksanakan atas permintaan yang dibuat oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas kewangan.

Pada masa negara mengalami kegawatan ekonomi, syarikat-syarikat yang turut mengalami masalah kewangan telah membuat permohonan kepada mahkamah di bawah Seksyen 176(10) untuk mendapat perintah perlindungan atau restraining order bagi menghalang apa-apa tindakan atau prosiding selanjutnya terhadap syarikat berkenaan. Diperhatikan sebilangan daripada perintah yang telah dikeluarkan telah meliputi penjamin atau pihak-pihak lain selain daripada syarikat pemohon. Ia ternyata bercanggah dengan Seksyen 176(10) yang mana hanya membenarkan perintah sedemikian dibuat untuk menghalang sesuatu tindakan atau prosiding daripada diambil terhadap syarikat pemohon sahaja. Berikutan daripada itu, bon-bon yang dijamin pembayarannya tidak akan memperolehi keyakinan pelabur-pelabur seperti mana yang dihasratkan.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan dimasukkan peruntukan baru Subseksyen (10f) dan (10g) untuk menjelaskan bahawa perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah Seksyen 176(10) tidak meliputi atau merangkumi penjamin atau pihak lain selain daripada syarikat pemohon atau bagi pihak syarikat yang terbabit sahaja. Cadangan ini terkandung dalam Fasal 13 Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 14 Rang Undang-undang seterusnya mencadangkan pindaan ke atas Seksyen 363 Akta Syarikat untuk mengecualikan pampakan larangan atau sekatan di bawah Seksyen ini berhubung dengan permohonan atau tawaran share dan debenture kepada orang awam kepada sebarang permohonan atau tawaran share atau debenture yang dibuat mengikut Akta Suruhanjaya Sekuriti untuk mengelakkan sebarang pertindihan kuasa kawal seliaan.

Cadangan pindaan berikutnya terkandung di bawah Fasal 15 yang mencadangkan pindaan ke atas seksyen 365 di mana subseksyen (1A), (1B), (1C) dan (1D) mengenai sekatan terhadap pembayaran dividen oleh sesebuah syarikat itu dimansuhkan sekatan terhadap pembayaran dividen tersebut adalah dicadangkan dimansuhkan mulai 29 Oktober 1999 selaras dengan keputusan kerajaan untuk melonggarkan kawalan modal yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan negara pada tarikh itu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan terakhir iaitu di bawah fasal 16 ialah untuk mengeluarkan Jadual Kelima - A dari Akta Syarikat kerana peruntukan mengenai prospektus ringkas bagi terbitan hak syer atau dibentur atau ahli-ahli sesebuah syarikat yang tersenarai di bursa saham telah di keluarkan daripada Akta Syarikat 65 dan diletakkan di bawah bidang kuasa SC.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Gaya.

4.11 petang.

Datuk Yong Teck Lee [Gaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pindaan yang dicadangkan baru tadi memang adalah baik dan harus disokong dan ini adalah selaras dengan pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti yang telah diluluskan baru-baru ini. Mengenai tanggungjawab pengawalseliaan kegiatan mendapatkan sumbangan kewangan, saya berharap Timbalan Menteri dapat memberikan perhatian dan juga mengambil tindakan terhadap satu perkara yang berleluasa di Malaysia terutamanya di Kuala Lumpur. Iaitu pinjaman wang asing bagi tujuan membeli saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Apakah tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti ataupun Bank Negara ataupun Pendaftar Syarikat ataupun mana-mana pihak berkuasa. Bagi pengawalseliaan kegiatan bank-bank asing dalam perkara ini.

Saya berikan satu contoh iaitu sebuah bank berasal dari Eropah, berlesen dan ditubuh di Republik Singapura. Bank tersebut tidak berlesen berniaga di Malaysia. Yang hanya ada di Kuala Lumpur ialah pejabat wakil ataupun dengan izin,

Representative Office dan bukan cawangan, wakil atau representative bank itu mencari *business* di Kuala Lumpur, dengan izin, *soliciting for banking business in Kuala Lumpur*. Apa yang dibuat oleh wakil-wakil bank asing di Kuala Lumpur ialah mencari klien, perunding syarat-syarat pinjaman, *process offer and acceptant*, dengan izin. Execution perjanjian yang telah dipersetujui dan juga termasuk *draw down* kepada *Malaysian Brooking Houses* bagi tujuan membeli saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Sumber kredit ataupun pinjaman itu ialah mata wang asing yang melalui satu *foreign credit loan*. Mata wang asing itu ditukar kepada Ringgit Malaysia, beli saham di KLSE. Kemudian apabila dikehendaki bayar balik, Ringgit Malaysia itu ditukar kepada mata wang asing dan kemudian dibayar ke bank asing ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah ini bercanggah dengan Akta Syarikat ataupun *Exchange Control Act* ataupun *Banking and Financial Institution Act* (BAFIA) dan bolehkah Suruhanjaya Sekuriti ataupun Pendaftar Syarikat ataupun Bank Negara ataupun mana-mana pihak yang berkuasa mengambil tindakan dalam perkara ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu. Lepas Setiu, Tambun. Lepas itu Menteri menjawab.

4.16 petang.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahhi rahmannir rahim. Assalamualaikum wbr. dan selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut memberi pandangan berhubung dengan Fasal 13, 'akta keramat', Akta 176 yang telah menyelamatkan pelbagai syarikat gergasi pada masa kegawatan berlaku. Pada pandangan saya seksyen di dalam Fasal 3 berhubung dengan rang undang-undang untuk memastikan bahawa perintah penahanan di bawah subseksyen 10, "*tidak meliputi mana-mana orang termasuk seorang penjamin selain syarikat yang memohon perintah penahanan itu.*" Pada saya seksyen ini perlu ditawakuf dahulu kerana ianya bercanggah dengan semangat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Rais Yatim dalam Utusan Malaysia semalam yang menyatakan bahawa penjamin muflis dibebaskan.

Ini kerana kita ketahui bahawa syarikat peminjam perlulah bertanggungjawab dengan pinjaman yang dibuat. Yang biasanya perjalanan syarikat di bawah penyeliaan *majority shareholder* adalah tidak adil dan munasabah bagi institusi

kewangan terus memburu penjamin-penjamin yang biasanya terdiri daripada *minority shareholder* ataupun *director* yang *non-executive* di dalam syarikat. Dan lebih malang lagi dalam amalan biasa akta ini akan menyerbu penjamin-penjamin yang terdiri daripada pelbagai – mengikut hierarki umpamanya. Diburu Tan Sri- Tan Sri dahulu, kemudian Dato'-Dato', kemudian turun kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, dan barulah akhirnya kepada *director-director* ataupun peminjam-peminjam biasa yang biasanya mereka-mereka inilah yang bertanggungjawab langsung dengan pinjaman tersebut dan pengurusan harian syarikat. Dan biasanya mereka-mereka ini lebih cekap dan bersedia untuk menghadapi tindakan bersabit dengan akta ini.

Oleh itu bagi memastikan syarikat peminjam lebih bertanggungjawab dan penjamin diberi keadilan kepada mereka dibebaskan daripada Seksyen 176 ini dalam Fasal 13 berhubung dengan (10f) dan (10g). Dan saya mencadangkan supaya akta ini perlu ditawakuf dahulu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tambun
4.20 petang.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pindaan kepada rang undang-undang ini. Saya ingin menyentuh mengenai tentang prospektus. Ini memang consequential daripada pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti pada tempoh hari. Mengenai dengan prospektus, kita sedar bahawa prospektus mempunyai peranan yang cukup besar dalam sektor korporat. Dan kita menerima hakikat bahawa sektor korporat begitu penting sebagai enjin pembangunan negara di mana tahap sosioekonomi negara kita banyak bergantung kepada sektor korporat.

Prospektus cukup penting terutama untuk mengumpul modal daripada dua sudut. Satu daripada sudut untuk mendapatkan pinjaman dan satu daripada sudut untuk menawarkan saham. Apa yang ingin saya sentuh mengenai dengan prospektus ini, saya mahu melihat prospektus yang dikeluarkan oleh syarikat adalah satu prospektus yang betul-betul jitu, yang berwibawa. Saya sentuh perkara ini kerana saya lihat dari segi penyediaan prospektus, ini dibuat oleh syarikat-syarikat yang akan mengeluarkan, mengumpulkan maklumat dengan pertolongan daripada setiausaha syarikat, pertolongan daripada akauntannya dan dalaman beberapa pihak. Dan akhirnya diserahkan maklumat ini kepada ejen. Kalau ejen syarikat untuk tujuan

mendapatkan pinjaman, satu Merchant Bank A dan ejen untuk menjual ataupun menawar saham dibuat oleh kata Merchant Bank B ataupun *financial consultant*, maka akhirnya sama ada merchant bank atau financial consultant inilah yang akan mengeluarkan prospektus tersebut. Membuatkan strategi, berapakah jumlah pinjaman yang hendak diperolehi oleh syarikat dan berapakah banyak saham yang hendak dijual oleh syarikat.

Apa yang kita dapati dari segi prospektus ini, kita dapat lihat satu *qualification* yang dibuat oleh ejen, sama ada agen bank ataupun ejen *financial consultant*. Ditulis situ, dia kata maklumat yang diperolehi daripada dalam prospektus ini bukan tanggungjawab dia. Dari segi undang-undang adalah tanggungjawab syarikat untuk menentukan benar atau tidak maklumat tersebut. Jadi perkara ini yang saya ingin sentuh kerana saya melihat kita mungkin mempunyai satu rang undang-undang yang baik. Tetapi akhirnya siapakah yang hendak mengesan sama ada maklumat-maklumat yang diberi itu betul atau tidak.

Saya sentuh perkara ini kerana dia mempunyai beberapa implikasi yang besar. Saya ambil contoh dari segi penjualan saham, penawaran saham. Penawaran saham akan bermula dengan penetapan nilai saham. Pihak-pihak tertentu akan membuat satu evaluation network syarikat dan akhirnya berapakah harga saham yang hendak ditawarkan kepada satu-satu syarikat. Dan *evaluation* ini begitu subjektif. Kita menggunakan konsep Nilai Aset Bersih (NAB) atau *Net Tangible Asset*. Yang itu okey. Kita ada *financial statement* daripada akauntan. Kita mempunyai standard accounting yang begitu tinggi, kita ada jumlah total aset dan networknya berapa dan kita multiply dan sebagainya. Kita dapat jumlah tersebut. Katalah RM2 on *Net Tangible Asset* (NTA).

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kemudian kita akan buat pula beberapa kaedah lain dan akhirnya kita akan menggunakan asas potensi syarikat pada masa akan datang. Kita akan buat *financial projection* untuk 10 tahun berdasarkan andaian-andaian menggunakan andaian tersebut kita dapat satu *cash flow* untuk kata 10 tahun dan kita gunakan sistem *net present value* kita kembalikan kepada masa ini berapakah harga nilai saham tersebut dan biasanya tentulah tinggi, katakan RM7. Kemudian menggunakan sistem tadi RM2, RM7 kita buat justification. Berapakah harga sebenarnya. Kita kata RM4

maka RM4 inilah yang ditawarkan. Ini yang saya kata subjektif. Sistem kita sekarang, kita bergantung kepada syarikat. Katalah syarikat memberi maklumat yang tidak betul, kita kena faham sama ada untuk mendapat pinjaman ataupun menawarkan saham. Syarikat tentu mahukan kepada keuntungan.

Dan, dalam proses itu akan memberi gambaran yang begitu elok tentang perniagaan dia supaya dapat mengadakan satu *financial projection* yang baik. Akhirnya ia akan menentukan harga saham tersebut yang begitu subjektif. Kalau maklumat ini kita ambil, kita gunakan dan ejen bank atau ejen *financial institution* yang menjadi ejen untuk membuat penawaran pinjaman ataupun saham tadi menggunakan itu. Dan, ejen ini tidak mempunyai tanggungjawab ke atas maklumat tadi, maka kita akan akhirnya menawarkan satu harga saham yang begitu tinggi ataupun pinjaman bank yang begitu tinggi. Kerana pinjaman bank pun sama, dia buat *financial projection*, berapakah *term loan* yang dia mahu, berapakah *working capital* yang dia mahu berasaskan kepada maklumat-maklumat yang subjektif tersebut.

Saya menarik perhatian kepada perkara ini kerana ini melibatkan soal profesionalisme. Syarikat mungkin tidak begitu profesional dalam soal ini atau ada keinginan untuk ia menjadi begitu tamak untuk dapat wang yang banyak dan kita anggap pihak bank atau merchant bank atau *financial consultant* sebagai yang paling profesional. Jadi, kalau yang profesional ini tidak diletakkan tanggungjawab ke atasnya untuk memastikan bahawa maklumat-maklumat yang dibuat tersebut betul maka akhirnya tidak ada sesiapa pun di dalam industri ini ataupun negara kita yang boleh mengatakan sama ada *over flatted* atau *under flatted* dari segi harga tadi.

Jadi, ini akan merugikan bagi seorang yang membeli saham. Kalaulah ia ditawarkan saham sebanyak 1 juta unit pada harga RM5 bermakna terdapat RM5 juta wang yang diperlukan, wang dikeluarkan sendiri - melibatkan wang di sini, dan dia juga turut pinjam daripada bank. Kata bank bagi 50%, maka kita akan menggunakan dalam sistem negara kita wang sebanyak RM5 juta untuk tujuan tadi yang sebenarnya patutnya harga saham itu – dan ini merugikan negara kita. Begitu juga dari segi pinjaman, term loannya berapa, ditentukan, itu semua berdasarkan kepada *cash flow*. Dan, saya ingin nyatakan kepada Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menyediakan *cash flow*, saya dapati syarikat memang selalu dia begitu optimistik, harga-harga tertentu ditinggi-tinggikan supaya nampak elok. Jadi, ini saya hendak dapat penjelasan daripada kementerian macam mana tentang ejen ini. Tidakkah boleh ejen ini

diletakkan tanggungjawab, tidak ada *qualification*. Kalau saya hendak ambil satu-satu syndicated loan facilities ataupun hendak menawarkan saham kepada public, saya sudah berani untuk mengambil tanggungjawab, saya mesti berani untuk mengatakan saya bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat tersebut. Jadi, baru kita dapat melahirkan satu sistem yang berdisiplin untuk industri ini, sektor yang begitu penting untuk masa hadapan negara kita.

Kemudian saya dapati ada banyak lagi maklumat-maklumat tambahan soal *board of director*, kalau prospektus yang cantik, orang akan mempunyai keyakinan yang tinggi, kalau tidak cantik tidak ada keyakinan yang tinggi. Ini membuatkan seseorang individu itu terpengaruh. Apa yang ingin saya nyatakan kita bincang pula pasal soal *board of directors*. Kalau penyata kewangan ini elok, prospektus elok dari segi saya sebagai anggota masyarakat, saya akan mempunyai keyakinan ke atas syarikat tersebut berdasarkan kepada prospektus. Saya nampak *board of directors*. Tetapi adakah *board of directors* ini betul-betul baik. Apakah peraturan-peraturan yang disediakan oleh kementerian ini yang boleh memastikan yang *board of directors* ini baik.

Saya ambil contoh, kita ada sistem *independence chairman*, macam mana kita hendak *verify* kata *independence chairman* ini bagus. Syarikat dimiliki oleh orang lain, kita ada majority *shareholders*, dua, tiga, kemudian ada *minority shareholders*. Kita ambil *independence chairman*. Orang yang tidak ada pemegangan ekuiti dalam syarikat tersebut tentu dia tidak ada kuasa di dalam syarikat. Tambah pula *independence chairman* ini bukan *full time*, dia mungkin memegang jawatan di mana-mana dalam masyarakat, tiba dia jadi *independence chairman*. Saya percaya kalau pihak kementerian memanggil semua *independence chairman*, minta pada *independence chairman* ini untuk memberi taklimat tentang syarikatnya. Saya rasa sebahagian besar tidak akan tahu tentang syarikat ini. Jadi, *it defeat the purpose*. Kita mahu seorang *independence chairman* tetapi *independence chairman* yang tidak tahu tentang syarikatnya. Bagaimana dia hendak mempengaruhi dalam mesyuarat lembaga pengarah ataupun di dalam pembentangan laporan tahunan semasa mesyuarat agung. Maka *independence chairman* ini, sebelah kirinya duduk seorang CO, bila ditanya oleh *press* CO ini akan bercakap. Jadi, apa guna kita ada *independence chairman*.

Jadi, ini yang saya kata konsep-konsep ini, *board of director*, apakah peranan dia. Peranan ada di dalam peraturan-peraturan tetapi dari segi kementerian

bagaimana kita hendak memastikan *board of director* memainkan peranan penting. *Independence chairman* pun memainkan peranan yang penting. Begitu juga *chairman*. Saya sendiri kalau ditanya dari segi saya, sama ada saya bersetuju atau tidak, *chairmanship* syarikat-syarikat ini secara 'part-time' saya tidak setuju. Kerana dia tidak akan dapat mempengaruhi apa pun dalam syarikat. Baik tidak ada *chairman*, lantik di kalangan pengurusan, bagi dia *chairman* untuk *meeting*, dia lebih tahu apa yang berlaku di dalam syarikat-syarikat tersebut.

Begitu juga saya lihat dalam prospektus ada tulis, audit committee. Jadi, kepada kita yang baca, Oh! Syarikat ini ada audit committee. Audit ini satu nama besar, dia buat check and balance dan sebagainya tetapi kalau kita lihat dari segi realiti, adakah audit committee ini mengadakan mesyuarat dan apatah lagi kalau audit committee dipengerusikan oleh independence chairman dan ahli jawatankuasa dalam audit committee ada dua orang, semuanya tiga, seorang chairman dan dua orang ahli, salah seorang independence director.

Jadi, bila mesyuarat pihak management ini akan bawa kes, kemudian kadangkala kadang kita panggil audit luarlah untuk beri taklimat. Akhirnya chairman audit committee dengan audit committee ini dia di dictated by dengan izin, oleh management ke arah mana kalau tidak betulkah, dia tidak ada power, dia minta syarikat betulkan, dia will be dictated by management. Jadi, audit committee ini saya harap dapat diberi study oleh pihak kementerian, dilihat supaya audit committee ini mencapai cita-cita kita mempunyai audit committee. Kita tidak mahu sistem 'window dressing' lagi dalam negara kita. Kita sudah menghadapi satu krisis ekonomi ini jadi satu kesedaran biar kita move forward dengan cara yang profesional dan baik.

Kemudian, saya kurang jelas yang ini, saya pun sudah lama tidak tengok prospektus. Kalau tidak silap saya dalam prospektus tidak ada industry study kalau tidak silap saya, ia letak syarikat itu dan dia akan letak satu companies potential atau prospek masa depan kemudian dia tulislah, tulis cantik-cantik kemudian nampak okay syarikat ini.

Saya berharap kalau tidak ada industry study, supaya perkara ini dapat ditekankan kerana ia memberi gambaran kepada individu yang ingin ditawarkan saham dan juga kepada bank-bank ataupun insurance company dan sebagainya untuk memberi pinjaman. Kalau macam bank, insurance company ini saya tidak ada bimbang sangatlah kerana saya percaya dalam tiap-tiap organisasi tersebut ada unit-

unit untuk membuat study dan sebagainya. Tetapi kepada individu yang beli saham, dia tidak tahu status industri di mana syarikat tersebut beroperasi. Dengan adanya industry study ini dapat membantu dia untuk membeli. Kalau dia lihat industri ini yang agak sudah longgar, tidak berdaya maju, tawaran saham RM1.50 nampak rendah, cantik tetapi industri tidak elok dia tidak beli tetapi tanpa industry study, kita tengok yang ini RM1.50, orang lain tawar RM4, RM5. Jadi, oleh kerana kemampuan kewangan yang tidak besar, dia akan beli RM1.50 jadi mist leading kepadanya. Jadi, saya mencadangkan supaya industry study ini diberikan kepentingan di dalam sesuatu prospektus.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh balik soal ini memorandum and articles of association. Saya bersetuju dalam memorandum and articles of association diletak pelbagai perniagaan sampai 20, 30 dia letak. Principals activities satu, kemudian dua. Bermakna bagi syarikat di Malaysia dia boleh masuk dalam bidang apa sekalipun kecuali untuk bidang-bidang tertentu tersebut ada pula undang-undang yang lain, dia perlu minta kelulusan statutory approval daripada pihak-pihak lain untuk menceburi tetapi dari segi dasarnya kita boleh terlibat dalam semua perniagaan.

Apa yang kita cakap sekarang ini adalah soal melahirkan syarikat yang berwibawa, yang bukan sahaja kompetitif di Malaysia tetapi kita mahu kompetitif di antarabangsa. Ini menjadi asas kepada masa hadapan negara kita. Jadi, kita bersetuju kalau kita hendakkan syarikat yang kompetitif tentulah kita mahu syarikat yang menguasai bidang-bidang tertentu. Untuk menguasai bidang tertentu tidak mungkin kalau syarikat terlibat dalam banyak perniagaan. Dia buat mechanical engineering, kutip sampah, transportation, semua dia hendak buat. Tidak mungkin makanan pun hendak buat, makanan atas udara semua dia hendak dibuat.

Syarikat-syarikat seperti ini tidak akan pergi jauh. Kita lihat kalau McDonald, McDonald sahaja satu dunia. Kita pergi McDonald di mana pun sama sahaja kerana dia pakar, dia telah mewujudkan satu sistem dengan dia punya garis panduan (guideline) kepada operator dan juga kepada pekerja sama sahaja. Kita pergi mana pun muka sahaja lain. Di Jepun muka Jepun, di Eropah muka Orang Putih, di India muka orang India. Itu sahaja tetapi kalau dari segi kedainya, dari segi cermin, dari segi produknya pun sama.

Begitu juga dalam bidang-bidang yang lain kalau kita lihat sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita begitu minat sekarang tentang coffee bean, Starbucks, sama sahaja. Satu konsep yang dibawa daripada Amerika diletak di sini, sama kita tengok kerana tumpuan kepada satu-satu bidang.

Jadi, berbalik kepada soal MAA tadi. Okay kita boleh MAA tetapi tidakkah boleh kita ada satu sistem. Kalau principal activities nya A, bila dia hendak masuk kepada activities lain ini kita ada sedikit kuasa daripada kementerian, dia kena minta approval kah supaya kita boleh study akan kepentingan syarikat tersebut sama ada syarikat ini boleh atau tidak menceburi bidang, bukan kita hendak buat over regulated, tidak tetapi kita hendak hakikat asas kepada masa hadapan kita mesti kerajaan, swasta dan juga rakyat ini sama-sama berganding, bergabung dan bekerjasama.

Jadi, syarikat tidak boleh melihat kami syarikat, kami keluarkan modal oleh itu syarikat mesti diberi kebebasan sepenuhnya tetapi apabila terjadi masalah perbankan kerajaan juga terpaksa membantu tubuh CDRC, menyuntik modal melalui Danaharta dan kemudian ada Danamodal pula untuk membuat pembelian NPL, bermakna bahawa akhirnya ada pergantungan dan kerajaan menggunakan sebahagian daripada belanjawan untuk membantu dan belanjawan ini diterima daripada hasil pendapatan. Hasil pendapatan ini diterima daripada cukai yang sebahagian besar dibayar oleh syarikat dan kita rakyat sebahagian kecil dan banyak juga dari segi import duti, kastam duti dan sebagainya. Bermakna konsep pergantungan penggabungan usaha untuk membangunkan negara ini mesti dilihat secara keseluruhan Tidak ada seorang yang independence, dia boleh keluar daripada sistem. Okaylah saya seorang, dia tidak bolehlah. Ia tidak ada sistem begitu.

Oleh yang demikian oleh kerana adanya kepentingan syarikat ini untuk semua, bukan sahaja untuk syarikat, jadi kita perlu lihat supaya syarikat tidak pergi melalui proses ini, horizontal integration ini, banyak bidang. Kita hendak kepada vertical integration, dengan itu kerajaan ada sedikit kuasa dan campur tangan ke arah untuk memastikan perkara-perkara tersebut berlaku kerana kita tahu kalau ada core business, kita perlu buat product development, kita perlu competitiveness dari segi kos, kita perlu market planning dan sebagainya untuk satu-satu syarikat dapat berwibawa dan memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi.

Jadi, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tentang management, apa pun kita buat management yang merupakan kunci. Political party pun management of the,

hospitalkah, semua sekolah - management. Saya dapati tahap management syarikat-syarikat kita bukanlah kita boleh anggap begitu excellent sekali. Ada banyak kelemahan. Apakah cara-cara untuk kita memperkukuhkan dari segi management ini? Tentulah cita-cita kita untuk transform daripada syarikat kecil jadi medium, daripada medium large corporation, kemudian large corporation jadi multinational.

Proses ini kita tidak mahu, kita sudah terhenti Tuan Yang di-Pertua. Kalau kecil, kecil sahaja sampai bila-bila. Medium, medium sahaja kadang-kadang bankrap. Kalau besar pun setakat dalam negara, tidak boleh berkembang jadi multinational, transnational. Kadangkala bila kita lihat syarikat-syarikat lain termasuk terutama yang bersaing dengan kita daripada Thailand pun ada duduk dalam top 300 small companies of the world. Small companies dalam definisi dunia yang ada penjualan sebanyak USD2 bilion setahun, maknanya besar, lebih kurang dalam 7.6 bilion sahsanya. Dia bukanlah kecil, kita mungkin kecil tetapi dari segi dunia, small companies sebenarnya besar. Jadi, kita nampak Thailand pun ada di dalam itu, Philippines, India pun ada kita rasa bila lagi kita hendak lahirkan syarikat-syarikat multinational atau transnational. Jadi, kita mahu lihat daripada kecil jadi medium, large, kemudian multinational, transnational. Jadi, macam mana kita hendak perkukuhkan management kita.

Saya dapati ada di setengah negara ia memberi pengiktirafan kepada managers kerana ia ada Institute of Professional Managers, dia sudah jadi satu bidang pengajian untuk melahirkan managers. Macam sistem kita managers tidak begitu, kita ada setengah daripada latar belakang dia jadi managers, dilantik oleh syarikat oleh kerana experience, dia naik. Dia tidak ada satu bidang pengkhususan, satu pengajian macam kata institute of professional managers katakan, kita tidak ada begitu.

Akhirnya, kita tidak dapat mewujudkan managers-managers yang berwibawa dari segi pemikiran, mentalitinya dan berkongsi pengetahuan dan maklumat dengan orang-orang lain. Jadi, saya berpendapat, ini pandangan saya dari segi pengiktirafan tersebut tentulah perkara-perkara lain, cara lain yang patut difikirkan oleh kerajaan. Saya harap kerajaan akan dapat berfikir ke arah itu supaya dalam dekad, 10 tahun akan datang kita berbangga kita dapat melahirkan syarikat-syarikat yang dapat membawa nama kita di seluruh dunia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketiga-tetiga Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Gaya, Setiu dan Tambun yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000.

Kepada perkara-perkara yang dibangkitkan pada keseluruhannya kita akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya terhadap perkara-perkara tertentu khususnya kalau ada cadangan-cadangan yang baik.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Gaya iaitu pihak siapa yang bertanggungjawab terhadap urusan yang dijalankan oleh syarikat asing mengenai pinjaman-pinjaman daripada institusi-institusi kewangan asing tanpa pengetahuan ataupun tanpa kebenaran daripada sistem dalam negara kita untuk membeli saham di Bursa Saham. Isu yang dibangkitkan ini memang sedang diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkuasa khususnya Bank Negara, SC dan juga Registrar of Companies (ROC).

Sebenarnya perkara-perkara urusan niaga dalam bidang wang itu tidak boleh dilakukan oleh sesiapa tanpa kebenaran atau pengetahuan pihak Bank Negara. Jadi, Bank Negara maklumkan perkara ini dan kalau ada penyelewengan-penyelewengan dalam bidang ini dari masa ke semasa Bank Negara sudah tentu akan mengambil tindakan terhadap mereka. Bagi ROC institusi-institusi kewangan asing yang menubuhkan pejabat perwakilan sahaja, representative office di negara kita sepatutnya tidak boleh menjalankan perniagaan pemberian pinjaman melainkan ianya didaftarkan sebagai sebuah syarikat asing di bawah Akta Syarikat 1965 ataupun pemberi pinjaman itu dibuat terus daripada seberang laut, maka kita ambil maklum mengenai perkara yang dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat bagi Setiu telah membangkitkan mengenai Fasal 176 mengenai restraining order yang diperolehi oleh syarikat di mahkamah. Saya apabila kemuncak rang undang-undang telah menjelaskan bahawa mengikut akta yang sedia ada Seksyen 176(10) restraining order itu adalah bagi syarikat dan bukan penjamin-penjamin. Ini bukan penjamin yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr Rais bin Yatim yang cuba..., sekarang pun penjamin belum lagi dikeluarkan daripada

tindakan-tindakan tetapi adalah dalam kajian yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri, itu bukan syarikat.

Ini peruntukan yang sedia ada di bawah Fasal 176 adalah untuk membolehkan satu-satu syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk dapat tempoh untuk membuat cadangan-cadangan baru, maka mereka pergi ke mahkamah dan minta satu perintah perlindungan bagi satu tempoh tertentu tetapi dalam beberapa kes yang telah berlaku apabila mereka mohon restraining order bagi syarikat, perintah perlindungan itu juga diberi kepada penjamin atau pihak-pihak lain. Kalau ini dibenarkan, bon-bon yang dijamin pembayarannya kepada orang ramai tidak akan memperoleh keyakinan pelabur-pelabur seperti mana yang dihasratkan melalui Akta Syarikat, maka dengan pindaan ini hanya menjelaskan peruntukan yang sedia ada dan bukan membuat pindaan-pindaan lain. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu hanya menjelaskan bahawa perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah Seksyen 176(10) tidak meliputi atau merangkumi penjamin atau pihak lain selain daripada syarikat pemohon atau bagi pihak syarikat yang terbabit sahaja.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam: Jadi, cadangan ini bukan satu cadangan baru cuma penjekasan. Mengenai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiu bangun.

16.51 ptg.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang pertama, apakah dengan pindaan ni bermakna pihak institusi kewangan boleh mengambil tindakan terhadap penjamin dan syarikat yang membuat pinjaman dikecualikan. Itu yang pertama.

Yang keduanya, apakah perbezaannya dengan apa yang disebut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam bahawa penjamin akan dibebaskan daripada tindakan kebangkrapan dan institusi kewangan hanya akan bertindak terhadap pihak syarikat yang berkenaan? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Kita tidak dapat menjelaskan dengan tepat mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri itu, walau bagaimanapun, dalam fahaman saya, beliau tidak katakan syarikat sahaja, guarantor. Kajian sedang dilakukan untuk menentukan bolehkah tindakan-tindakan oleh bank-

bank dilakukan kepada peminjam sebelum tindakan diambil terhadap guarantor (penjamin). Buat masa sekarang banyak institusi ambil tindakan terhadap guarantor terlebih awal daripada melakukan tindakan-tindakan terhadap peminjam, bukan syarikat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Timbalan Menteri. Jadi, atas dasar itu apakah lebih munasabah kalaulah Fasal 13 ini kita *tawakuf* dahulu supaya ianya dapat diselaraskan dengan apa yang akan dibuat oleh Kabinet pada hari Rabu ini, ditangguhkan dahulu berhubung dengan Fasal 13 sahaja supaya ianya tidak bercanggah dengan apa yang diputuskan oleh Kabinet pada hari Rabu nanti? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Cadangan ini berlainan. Di bawah Akta Syarikat, penjamin ini dimaksudkan di bawah cadangan atau Akta Syarikat ini, hanya melibatkan institusi-institusi kewangan bukan orang perseorangan. Jadi, apabila satu Restraining Order dipohon oleh syarikat kepada mahkamah untuk memberi syarikat itu satu tempoh untuk restructure atau mengemukakan cadangan baru oleh kerana syarikat itu menghadapi masalah kewangan. Satu Restraining Order bagi satu tempoh tertentu diberikan untuk membolehkan syarikat kemukakan cadangan itu kepada mahkamah dan ini tidak terlibat kepada pihak-pihak lain. Ada beberapa Restraining Order, apabila dikemukakan juga memberi kuasa restrain itu terhadap institusi-institusi kewangan yang memberi jaminan kepada syarikat itu. Itu kita tidak mahu diteruskan. Ini sebenarnya adalah untuk menentukan institusi-institusi kewangan pun berhati-hati sebelum mereka memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat dalam negara kita.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Saya minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa kalau kita berdasarkan kepada kenyataan di dalam Fasal 13 tersebut jelas menyatakan bahawa pihak syarikat berhak mendapat Restraining Order tetapi kepada guarantor maknanya institusi kewangan boleh memburu guarantor-guarantor berkenaan. Jadi, saya fikir kalau itu kita luluskan, ianya akan bercanggah apa yang akan dibawa kepada Kabinet pada hari Rabu nanti. Itu yang dapat saya fahami dari sudut maknanya..., roh kepada akta ataupun Fasal 13 tersebut. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, cukuplah. Ini salah faham. Saya kata tidak ada bercanggah. Kedua-dua cadangan ini tidak bercanggah. Yang

Restraining Order di bawah 176 hanya kepada syarikat dan apabila saya kata, penjamin ini bukan orang perseorangan, ini institusi kewangan. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah mengenai orang-orang persendirian yang menjadi penjamin. Maka tidak ada bercanggah dan cadangan yang dibuat oleh Menteri pun masih dalam penelitian kerajaan dan cadangan yang dibuat melalui akta ini adalah untuk menjelaskan bahawa Restraining Order itu atau perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah hanya bagi syarikat pemohon atau bagi syarikat-syarikat yang terbabit sahaja bukan bagi penjamin-penjamin seperti institusi-institusi kewangan. Ini sepatutnya begitu oleh kerana kalau institusi-institusi kewangan juga diberi Restraining Order, pihak-pihak pelabur akan hilang keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, beberapa perkara, iaitu mengenai prospektus sesebuah syarikat. Beberapa perkara yang dibangkitkan adalah perkara-perkara yang boleh ditelitikan. Walau bagaimanapun, tentang prospektus itu, sebuah syarikat yang menerbitkan prospektus hendaklah memastikan bahawa maklumat-maklumat yang didedahkan adalah betul dan benar.

Jika ianya mengandungi maklumat yang tidak benar ianya merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 364, Akta Syarikat 1965 dan jika disabitkan kesalahan, setiap pengarah dan pegawai yang bertanggungjawab boleh dihukum dengan denda dan penjara. Penjara 10 tahun atau denda RM250,000 atau kedua-duanya. Maka, adalah harapan kita bahawa setiap orang yang terlibat dalam syarikat, pihak syarikat menentukan maklumat-maklumat yang diberi dalam prospektus adalah tepat dan benar.

Tentang pengarah-pengarah....[Disampuk]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah : Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan tentang maklumat-maklumat, Ada maklumat yang bukan subjektif macam penyata kewangan yang telah diaudit, kita hendak putar-belitkan fakta, itu betullah, mesti betul dan benar. Yang saya maksudkan yang subjektif ini dalam proses hendak menentukan harga saham, ia buat financial projection - this is subjective dan saya dapati banyak syarikat seperti yang dinyatakan tadi, ia buat begitu optimistik. Kalau kata growth 10%, kalau ia letak 15% supaya nampak very optimistic dan akhirnya, kita akan menetap satu nilai harga yang lebih tinggi daripada sepatutnya dan saya menganggap bahawa syarikat bukan profesional sangat. Yang

lebih profesional adalah agen - itu saya kata, mengapa agen tidak dipertanggungjawab dari segi memastikan maklumat - maklumat tersebut - ia letaklah kata, qualification nya letak di situ daripada professional judgement bank ini - maklumat-maklumat ini boleh diterima. Ini ia letak di situ, ia tidak bertanggungjawab. Kalau ia letak qualification nya ia bertanggungjawab, from professional point of view ia akan membuat analisis yang benar. Jadi, kalau jadi 15% ia jadi 10% , ia tidak growth 15% dan ini tidak akan jadi nilai saham lebih tinggi daripada sepatutnya.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bukan satu perkara yang baru atau luar biasa. Ini adalah international practice. Bukan sahaja Merchant Bankers termasuk juga Auditors yang buat laporan. Walaupun cadangan Ahli Yang Berhormat bagus bahawa lebih baik kalau mereka yang pegang tanggungjawab terhadap setiap maklumat yang diberi tetapi mengikut profesion masing-masing, mereka membuat laporan itu atas maklumat-maklumat yang diberikan. Walaupun mereka buat semakan, mereka auditkan perkara-perkara itu tetapi akhirnya ia buat qualification. Oleh kerana mengikut akta-akta yang sedia ada, yang bertanggungjawab adalah syarikat, bukan mereka yang buat laporan. Walau bagaimanapun cadangan itu boleh diambil perhatian dan kita akan meneliti apa yang boleh dilakukan terhadap hal itu.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara berkaitan dengan management syarikat-syarikat di negara ini, suka saya menjelaskan bahawa ROC memainkan peranan yang tidak kurang penting di dalam memastikan tahap pengurusan syarikat kita selaras dengan syarikat-syarikat antarabangsa. Langkah yang diambil ialah penyebaran ke atas penguatkuasaan akta syarikat kepada sektor swasta melalui dialog, forum, seminar dan maklum balas ke atas cadangan pindaan Akta Syarikat 1965.

Selain dari itu, kita telah pun meminta pihak-pihak swasta bekerjasama dengan kementerian untuk mengeluarkan corporate governance, mengadakan kursus-kursus tentang pengurusan. Kita telah membuat pindaan-pindaan kepada undang-undang yang sedia ada untuk memberi peranan yang lebih besar dan luas kepada companies' secretaries supaya mereka juga memainkan peranan tentang tanggungjawab mereka terhadap syarikat-syarikat termasuklah pendedahan atau 'pengziarahan' maklumat-maklumat dan sebagainya. Selain daripada pengarah-

pengarah sepatutnya companies' secretaries juga ada tanggungjawab mengikut akta-akta yang sedia ada.

Tentang pengerusi atau independent chairman dan sebagainya, risiko yang paling tinggi sesebuah pelabur atau syarikat adalah dipegang oleh investor (pelabur). Jadi, mereka yang memegang majoriti itu adalah sama-sama bertanggungjawab. Walaupun dalam satu, dua kes atau satu bilangannya kecil sudah tentu ada bahawa pengerusi itu sebenarnya tidak mengetahui semua hal-hal dan management itu lebih mengetahui tetapi management lah yang menjalankan urusan perjalanan syarikat-syarikat. Pengerusi hanya mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat dan menentukan kalau dia tidak puas hati dia ada kuasa di bawah akta syarikat yang sedia ada untuk mendapat butir, memperolehi segala perkara-perkara.

Jadi, kita berharap dengan corporate governance yang dimulakan dan pengarah-pengarah yang terlatih, syarikat-syarikat perlu pilih chairman yang mempunyai latar belakang yang baik, pengalaman yang baik dan juga rekod yang baik dan kita boleh yakin terhadap pengurus-pengurus seperti itu. Ada banyak di antara syarikat-syarikat yang mempunyai independent chairman yang menjalankan tugas masing-masing dengan cukup baik tetapi mungkin ada syarikat-syarikat di mana ada masalah tetapi kita nasihatkan kepada pemegang-pemegang share supaya mereka juga buat sesuatu untuk menentukan syarikat mereka dijalankan dengan apa yang dikehendaki oleh undang-undang.

Tentang apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa kementerian menengok Memorandum of Articles and Association (M&A). Kementerian ini telah mengkaji cadangan untuk mengehadkan bilangan objektif yang boleh dimasukkan ke dalam M&A - sudah kaji. ROC akan diarah untuk mengehadkan hanya tiga objektif utama sahaja dibenarkan dimasukkan di dalam M&A sebuah syarikat. Ini adalah satu cadangan Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa semua syarikat dalam negara kita eloklah mereka memberi tumpuan terhadap beberapa objektif yang tertentu sahaja. Jadi, ini adalah di dalam perhatian kementerian.

Tuan Yang diPertua, itu sahaja perkara-perkara yang saya ingin menjelaskan atau menjawab. Kepada perkara-perkara yang saya tidak dapat sentuh, kita akan mengambil, meneliti cadangan ataupun perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekali lagi saya ucap setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 16 -.

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma dua fasal yang saya akan bincangkan kerana ini pindaan consequential sahaja, mengenai prospektus. Kita perlu ada tanggungjawab yang lebih bagi Suruhanjaya Sekuriti untuk memastikan prospektus itu cocok dengan apa yang didakwakan. Fasal, 4 Seksyen 36A. (1) In this section, unless the contrary intention appears- "borrower" has the same meaning as is assigned... and so.. dengan izin, Tuan Pengerusi, (2) Except as provided in subsection (3), on the coming into operation of this section, Divisions 1 and 4 of this Part shall not apply to an offer or invitation to subscribe for or purchase any securities of corporation, including any excluded offer or excluded invitation as defined under the Securities Commission Act 1993 and any offer for subscription or purchase of , or invitation to subscribe for a purchase, debentures to which the provisions of Division 4 of Part IV of the Securities Commission Act 1993 do not apply" ...and so on and so forth

Sebenarnya Fasal 4 ini ialah bertujuan untuk memasukkan Seksyen 36A yang memperuntukkan bahawa tawaran untuk melanggan atau membeli atau pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti sesuatu perbadanan selain tawaran atau pelawaan yang berkenaan dengan saham atau debenture yang dibuat kepada orang

awam oleh suatu Kelab Rekreasi yang tidak disenaraikan, hendaklah dikawalselia di bawah Akta 498.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini sebab bagi sayalah setelah membaca fasal ini, tidak begitu terang. Tuan Pengerusi yang saya bimbang dengan adanya seksyen baru ini kalau tidak dikuatkuasakan dengan betul ada syarikat-syarikat yang boleh terus membuat kesalahan. Tuan Pengerusi seperti mana yang pernah berlaku bahawa di masa-masa yang lampau bahawa seseorang itu boleh mengadakan 'syarikat dua ringgit' sahaja. Tujuannya bukan untuk berniaga, untuk jual beli syarikat-syarikat ini sahaja. Dan dengan memperketatkan prospektus ini, saya berharap tidak akan berlaku orang yang boleh mengadakan syarikat melalui syarikat dengan modal berbayar dua ringgit sahaja.

Tuan Pengerusi, ini masalah saya timbulkan kerana dengan ada undang-undang yang lebih ketat mereka boleh cari jalan, kerana bagi saya tidak begitu terang bagaimana melalui Suruhanjaya Sekuriti kita dapat membanteraskan semua ini, permohonan divisyen 1 dan 4 dan sebagainya sebab pada tiga empat tahun yang dulu kita dapati ada lebih 100,000 syarikat yang bermodal tidak lebih daripada dua ringgit dan mereka ini tidak bermaksud untuk berniaga. Cuma menanti peluang untuk jual kepada syarikat tempatan ataupun syarikat asing untuk membeli syarikat ini di antara RM2000 sampai RM100,000 terserah kepada keadaan. Dan sebab itulah saya hendak menanya Yang Berhormat, bilangan syarikat yang domain yang tidak benar-benar berniaga. Cuma dengan cara yang moden untuk menjualkan syarikat kepada syarikat-syarikat yang tertentu. Bilangan yang terdapat sekarang, yang dapat dikesan oleh pihak kementerian untuk syarikat-syarikat yang seumpama ini. Dan saya bangkitkan kerana saya tidak mahulah melalui seksyen baru 36A ini mereka boleh secara tidak sah menubuhkan syarikat seumpama saya sebutkan tadi.

Dan dengan Fasal 12 bertujuan untuk meminda Seksyen 90 untuk menjadikan kaedah undang-undang yang lain tidak terpakai bagi pernyataan yang dikeluarkan di bawah seksyen itu. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 96 untuk memberi menteri kuasa untuk memberikan pengecualian daripada peruntukan penggal itu. Di sini memang, "(1) *The Minister may by notice published and the Gazette and subject to such terms and conditions as are specified in the notice, -(a) exempt any company or class of company or person or class of persons from*

complying with all or any all the provisions of this Division in relation to any interest or class of interests specified in the notice; or”.... and so on and so forth.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana bagi sayalah sekali lagi Seksyen 96 baru ini tidak begitu jelas dan saya kluatir Tuan Pengerusi pada suatu ketika kita nampaknya misalnya di negara ini ada hampir satu juta orang menjadi pengarah kepada hampir 400,000 syarikat. Ini bermakna seseorang itu boleh jadi pengarah kepada berbilang syarikat. Dan adakah termasuk di dalam pengecualian yang akan diberi oleh pihak menteri. Saya takut kerana di sini any interest or class of interest specified in the notice.

Sekarang kita pun tidak tahu, cuma kita dapat di dalam rang undang-undang ini disebutkan pengecualian akan diberi to any distribution in the relation to any interest or class of interest. Saya takut macam ini. Pihak menteri boleh memberi peluang kepada orang-orang menjadi misalnya pengarah kepada bilangan syarikat. Saya tidak percaya seseorang itu kaku dia jadi pengarah kepada misalnya lebih kepada tiga syarikat dia boleh berfungsi sebagai pengarah. Itu mustahil. Dan ini terdapat ada menjadi pengarah kepada berapa buah syarikat saya pun tidak tahu. Seratus lebih pun ada saya diberitahu. Ini mustahillah.

Dan apakah pihak kementerian sekarang.., etika ataupun sekatan ke atas seseorang itu menjadi pengarah kepada beberapa syarikat sekarang. Adakah had? Dan kemudian, apakah tindakan yang telah diambil dan bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah tindakan dan kes di mana seseorang itu menjadi pengarah kepada berpuluh syarikat. Dan ini saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan mengenai Seksyen 96 ini supaya kita boleh bersama-sama membanteraskan daripada berlakunya pengarah yang tidak beretika, pengarah yang secara kebetulan itu pengarah berpolitik sahajalah. Berunsur politik, bukan kerana pengarah untuk perniagaan atau perdagangan. Pengarah berunsur politik sebagai perlantikan politik.

Jadi kalau kita hendak menghadapi era globalisasi ini memang tidak boleh kita membenarkan pengarah-pengarah syarikat berunsur politik sahaja. Kita hendak mereka menjadi pengarah di dalam erti kata yang sebenarnya untuk berniaga. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, satu mengenai bilangan syarikat yang domain saya tidak dapat memberi jawapan tepat. Kalau Ahli Yang Berhormat perlukan saya bolehlah memberi bilangan yang tepat secara bertulis.

Prospektus itu tidak ada berkaitan dengan syarikat-syarikat yang bermodal dua ringgit. Tidak payah keluarkan prospektus. Tidak ada kena mengena dengan prospektus syarikat-syarikat yang hanya membayar dua ringgit. Jadi saya fikir tentang Fasal 4. Apa Fasal 4? Seperti mungkin Ahli Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ini apabila saya kemukakan rang undang-undang ini. Fasal 4 adalah consequential amendment kepada security amendment to the securities commission yang baru dilulus tiga empat hari dahulu dalam sesi ini. Jadi Seksyen 4, consequential oleh kerana Seksyen 4 memasukkan seksyen baru 36A, dalam Bahagian I, Penggal 4, Akta Syarikat.

Seksyen baru ini mulai tarikh penguatkuasaannya. Bahagian 1 dan IV, Penggal 4, Akta Syarikat berhubungan dengan prospektus dan debenture masing-masing tidak lagi terpakai kepada mana-mana tawaran ataupun perlawanan. Ini oleh kerana dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti yang baru dipinda, kuasa ke atas kelulusan dan pendaftaran prospektus berhubungan dengan tawaran awam sekuriti telah diberi daripada Pendaftar Syarikat kepada Securities Commission (Suruhanjaya Sekuriti). Jadi 4 adalah consequential amendment tidak ada lain.

Mengenai Fasal 12 yang sekarang, kuasa adalah diberi kepada menteri untuk meluluskan pengecualian kepada sesebuah syarikat. Ini ikut peruntukan yang sedia ada. Apa yang dicadangkan adalah supaya Seksyen 96 untuk diperluaskan kuasa menteri bagi memberi pengecualian dari mematuhi ke semua atau mana-mana peruntukan dalam Bahagian V Penggal 4, Akta Syarikat 1965 berkaitan dengan kepentingan di bawah seksyen ini supaya merangkumi kelulusan pengecualian kepada mana-mana kelas syarikat atau mana-mana individu atau kelas individu. Maka dulu menteri ada kuasa hanya memberi pengecualian kepada sesebuah syarikat. Sekarang diperluaskan. Itu sahaja pindaan yang dicadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sikit saya tidak mengambil masa yang panjang. Minta penjelasan kepada Datuk Timbalan Menteri tentang shelf company yang perkara keempat ini yang dua ringgit ini. Adakah

sekarang ini orang boleh menubuhkan satu syarikat two dollar company, shelf company dan simpan sampai dua, tiga, empat, lima tahun, nama yang digunakan itu nama yang baik mungkin boleh memberi satu jenama yang baik dan tidak digunakan, disimpan. Ini menghindar daripada mereka yang lain menggunakan nama itu. Adakah kerajaan akan datang akan mengkaji kembali tentang pengurusan the shelf company, two dollar company. Mungkin kerajaan hendak timbang supaya mengehadkan hanya dua belas bulan sahaja mesti digerakkan the shelf company, allowed to be sell dengan izin hanya kata dua belas bulan ataupun dua tahun. Selepas itu mesti pulangkan balik namanya kepada ROC. Saya hendak minta sedikit pandangan Datuk Timbalan Menteri tentang perkara ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. Shelf company yang diberi ini adalah satu practice yang diamalkan di seluruh dunia untuk membolehkan pelabur-pelabur mendapat sebuah syarikat dengan senang. Pada hari itu dia membuat satu-satu syarikat khususnya pelabur-pelabur asing, mereka tidak berhasrat untuk mengambil masa yang lama maka mereka dapat shelf company dan menjalankan urusan dengan cepat. Walau bagaimanapun kementerian telah mengambil maklum mengenai beberapa pihak yang mempunyai beratus-ratus shelf company dan kita telah pun memutuskan supaya satu tempoh diberi dan dalam tempoh dua atau tiga tahun yang saya tidak berapa jelas. Kalau mereka tidak bergerak, syarikat itu boleh diambil tindakan supaya syarikat itu tidak diserahkan balik. Itu sahaja penjelasan.

Tuan Pengersui [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat maksud saya ialah mereka boleh menggunakan apa yang terkandung di dalam secara minimum. Dia boleh gunakan bukan sahaja dua tiga tahun, lebih kepada itu dia simpankan nama itu-ini domain, shelf company. Dan dengan maksud untuk menjual beli sahaja bukan dia benar-benar hendak berniaga. Cuma dia tubuhkan untuk perniagaan dan dia boleh meneruskan dengan cara yang minimum mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang, dia boleh buat itu ini, sebenarnya dia tidak berniaga. Pada kertas sahaja, oh! ini ada perniagaan. Nama itu sedaplah bunyi, jenama yang baik. Yang seronok tetapi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat hendak minta penjasankah atau...

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan. Ia mukadimah sahaja...memangnya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah masa sudah suntuk Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah selesaikan jawapan.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah cara untuk memantau atau memansuh...

Dato' S. Subramaniam: Datuk ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong ini tadi dia tidur. Dia tidak mengikut terus dia bangun, sudah habis dia bercakap lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Yang Berhormat Rompin..

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sudah selesai jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik. [*Ketawa*]

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.27 ptg.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hakcipta 1987 yang berkuat kuasa sekarang ini memberi perlindungan kepada pemilik hak cipta dan pihak-pihak yang berkaitan dengannya termasuk pemilik karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran dengan memberi hak eksklusif kepada mereka untuk mengawal penggunaan dan penerbitannya. Bagaimanapun perlindungan itu tidak termasuk pihak pelaku atau performer seperti penyanyi, pelakon, penari dan lain-lain orang yang membuat persembahan berkaitan sesuatu karya muzik, sastera dan seni. Perjanjian Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights atau TRIPS yang ditandatangani oleh negara-negara ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia atau WTO

termasuk Malaysia dalam tahun 1994 di antara lain telah bersetuju supaya hak-hak pelaku juga diberi perlindungan.

Kementerian saya berpendapat hak pelaku adalah wajar diberi perlindungan kerana mereka juga terlibat secara langsung dalam memajukan industri muzik tempatan. Artis-artis tempatan juga telah menyuarakan rasa tidak puas hati kerana hak-hak mereka tidak dilindungi dan telah dieksploitasikan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak berkenaan. Dengan itu mereka telah mohon supaya hak mereka juga dilindungi untuk menggalakkan lagi perkembangan industri hiburan tempatan. Sehubungan dengan itu pindaan sewajarnya dicadangkan ke atas Akta Hakcipta untuk memberi perlindungan kepada hak-hak pelaku.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini pada amnya adalah untuk memperuntukkan beberapa hak khusus kepada pelaku dan juga memanjangkan beberapa peruntukan yang telah sedia ada di bawah Akta Hakcipta 1987 kepada golongan tersebut. Hak-hak pelaku yang dicadangkan adalah seperti di Fasal 7 iaitu seperti berikut;

- (i) Hak eksklusif bagi mengawal penyampaian sesuatu persembahan secara langsung kepada orang awam. Misalnya hak untuk membenarkan siaran pertunjukan pentas mereka secara langsung melalui TV dan radio kecuali pertunjukan pentas itu sendiri memang bertujuan untuk disiarkan secara langsung melalui TV dan radio.
- (ii) Hak eksklusif bagi mengawal rakaman sesuatu persembahan yang belum ditetapkan misalnya hak untuk merakam pertunjukan pentas mereka;
- (iii) Hak eksklusif bagi mengawal pengeluaran semula, penetapan sesuatu persembahan secara langsung;
- (iv) Hak eksklusif bagi menjadikan tersedia untuk orang awam buat pertama kalinya bagi sesuatu penetapan persembahan secara langsung dengan izin, first making available to the public of a fixation of a live performance atau salinannya melalui jualan atau pindah milik; dan

- (v) Hak eksklusif bagi mengawal penyewaan sesuatu persembahan secara langsung yang telah dirakamkan atau salinannya kepada pihak awam.

Selain daripada hak-hak di atas, apabila sesuatu rakaman bunyi dipersembahkan di hadapan orang awam atau digunakan dalam sesuatu siaran atau penyampaian lain kepada orang awam, suatu saraan yang saksama - equitable remuneration dengan izin, hendaklah juga dibayar kepada pelaku. Tempoh perlindungan untuk hak pelaku adalah selama 50 tahun.

Peruntukan-peruntukan lain yang diwujudkan khusus untuk pelaku termasuklah peruntukan yang menetapkan kelayakan bagi pelaku mendapat perlindungan di bawah akta berkenaan. Di antara kelayakan itu termasuklah soal kerakyatan dan tempat persembahan seperti dijelaskan di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang ini. Selain daripada memberi hak-hak eksklusif tersebut, peruntukan sivil dan jenayah yang sedia ada di bawah akta berkenaan juga dipanjangkan kepada pelaku jika berlaku pelanggaran. Perkara ini dicadangkan di Fasal 19 dan 20 rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan bagi memberi perlindungan kepada pihak pelaku, cadangan pindaan ini juga mengambil peluang untuk memperkemaskan Seksyen 39 akta yang sedia ada iaitu mengenai larangan mengimport salinan langgaran. Pindaan yang dicadangkan ini adalah supaya pihak yang memohon untuk menahan kemasukan produk yang disyaki sebagai salinan langgaran membayar cagaran. Ini adalah untuk melindungi kerajaan sekiranya kerajaan menanggung apa-apa liability atau perbelanjaan dalam menahan salinan langgaran itu sekiranya permohonan untuk menahan salinan langgaran itu didapati dibuat dengan niat yang tidak betul. Cadangan ini terdapat di Fasal 18.

Selain daripada itu cadangan pindaan ini juga bertujuan untuk memperkemaskan Seksyen 42 akta yang sedia ada. Ia bertujuan untuk memudahkan pemilik hak cipta atau wakilnya menyediakan affidavit bagi tujuan untuk membawa kes-kes pelanggaran ke mahkamah. Cadangan ini dijelaskan di bawah Fasal 21 rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan memberi faedah kepada pihak pelaku iaitu salah satu golongan yang memainkan peranan penting dalam perkembangan karya muzik, sastera dan seni. Ia juga akan menjadikan

Akta Hak Cipta 1987 selaras dengan Undang-undang Hak Cipta di negara-negara lain sebagaimana yang telah dipersetujui di bawah perjanjian TRIPS.

Dengan itu pindaan-pindaan ini dijangka dapat meningkat dan memajukan lagi perkembangan karya muzik, sastera dan seni di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hak Cipta 1987 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Kluang.

17.33 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat Yang Berhormat ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Ya, saya cuba ringkaskan.

Terima kasih kerana memberi peluang untuk membahaskan Akta Hak Cipta (Pindaan) 2000 iaitu untuk meminda Akta Hak Cipta 1987 Akta 332. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Akta Hak Cipta 1987 yang sedia ada mengadakan perlindungan bagi karya sastera, karya artistik, karya muzik, rakaman bunyi, filem dan siaran tetapi tidak memperuntukan perlindungan kepada pelaku. Dengan pindaan akta ini ia dapat melaksanakan obligasi perjanjian TRIPS, iaitu mengadakan juga perlindungan kepada pelaku dengan perdagangan bagi hak harta intelek 1994 iaitu perancang TRIPS yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1995. Perjanjian TRIPS menghendaki negara anggota melaksanakan obligasi perjanjian menjelang tahun 2000. Obligasi ini termasuk perlindungan bagi pelaku. Maka Akta 332 perlu dipinda untuk maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca pindaan akta ini, kemasukan Seksyen 10 seksyen baru 10A ini ke dalam Akta 332 adalah jelas bagi Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baru 10A ini terhadap Akta 332 bagi memperuntukan perlindungan untuk hak pelaku tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat ini adalah serupa dengan syarat-syarat yang terpakai bagi karya yang layak mendapat hak cipta. Kita memang faham Malaysia merupakan penandatanganan

kepada perjanjian tentang aspek-aspek yang berhubung dengan perdagangan bagi hak harta intelek 1994 iaitu Perjanjian TRIPS yang telah berkuatkuasa 1 Januari 1995, di mana perjanjian TRIPS menghendaki negara anggota termasuk Malaysia melaksanakan obligasi perjanjian itu menjelang tahun 2000.

Kita memang hormat dasar hak harta intelek ini tetapi apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah selepas pindaan akta ini bererti dahulu MSCB, PPM, saya kurang pasti tentang IFBI, BSA dan MPA. Dengan pindaan akta ini tambah pula satu lagi pelaku yang berhak untuk mengenakan bayaran kepada pelanggan ataupun pelanggan harus membayar royalti kepada pihak-pihak yang saya sebutkan tadi. Saya ingin tahu sama ada dengan ada banyak syarikat ini, adakah ia berlaku over lapping. Saya bimbang mungkin kalau banyak syarikat yang berhak untuk menuntut, mungkin PPM, MSCB, pelaku, mungkin BSA dan sebagainya, mungkin ada berlaku over lapping tentang mengenakan bayaran.

Saya ingin juga mengingatkan kementerian..., kebetulan Yang Berhormat Menteri pun ada supaya dapat menggunakan kuasa Menteri dan peranan tribunal yang akan ditubuhkan nanti supaya mengambil berat tentang suara rakyat. Walau dasar itu baik, kita hormatkan kepada dasar yang kita buat pada hari ini tetapi bila pelaksanaannya, kadang-kadang berlaku kelemahannya, kerana baru-baru ini satu isu yang sangat hangat dipersoalkan di mana banyak aduan telah diterima oleh pihak Pemuda MCA Kebangsaan, di mana PPM mengenakan bayaran yang bukan-bukan kepada kedai kopi, restoran kecil, gerai, teksi, kedai elektrik yang menjual TV dan radio dan sebagainya termasuk rumah berhala, persembahan yang dianjurkan oleh non profit making institution ataupun charitable bodies. Jadi latar belakang ini saya tidak perlu panjangkan lagi. Kementerian termasuk Menteri, Timbalan Menteri, termasuk Setiausaha Parlimen memang tahu tentang latar belakang isu ini.

Saya sangat-sangat berharap kementerian harus campurtangan supaya golongan-golongan, badan-badan yang saya sebutkan tadi yang tidak patut dikenakan bayaran itu supaya dapat dikecuali daripada pembayaran ini. Jadi dalam konteks ini saya ingin juga mengingatkan kepada kementerian dan ingin bertanya tentang selain daripada yang saya sebutkan mungkin berlaku over lapping tentang pengutip bayaran. Tentang tariff ataupun kadar bayaran yang dikenakan oleh syarikat-syarikat ini sama ada kementerian ada kuasa untuk menentukan supaya syarikat-syarikat ini, apabila dikenakan bayaran ataupun tarifnya, kita ada satu kadar di mana..., sebabnya

baru-baru ini berlaku syarikat itu boleh mengenakan kedai kopi RM200, kemudian RM100, kemudian RM20. Jadi tidak ada satu kadar yang ditetapkan oleh kementerian, supaya kadar ataupun takif ini dapat kita kawal.

Yang ketiganya ialah misalnya PPM, lagu-lagu yang dikatakan di bawah Akta Harta Intelek ini sepatutnya lagu-lagu yang disenaraikan, di mana di bawah production ini supaya pembayar apabila hendak bayar royalti ini mendapat tahu apakah lagu-lagu yang harus kena bayar royalti dan bukan sekali 'harung', semua lagu-lagu yang mungkin dikenakan bayaran royalti ini.

Yang keempat, yang lebih penting ialah peranan pegawai penguatkuasa. Saya pernah membaca satu laporan di mana dengan gambar dan laporan dalam satu akbar di mana penguatkuasa itu apabila membuat operasi ataupun anti piracy operation yang mengenai isu-isu cetak rompak tetapi orang awam apabila melihat pegawai bersama-sama dengan syarikat-syarikat yang tertentu di mana dianggap sebagai penguatkuasa kita pun bersama-sama dengan syarikat untuk mera mpas TV, radio dan sebagainya. Ini adalah satu tanggapan yang salah.

Jadi saya berharap juga kementerian supaya dapat mengingatkan pasukan penguatkuasa kita supaya tidak berlaku perkara ini.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada yang bangun ya.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kluang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memandangkan isu bayaran royalti ini telah menjadi satu isu yang begitu hangat dibincang oleh rakyat dan telah mendapat bantahan yang begitu kuat. Saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat bagi Kluang bersetuju bahawa satu kajian yang lebih menyeluruh selain daripada memberi perlindungan kepada karya-karya muzik dan juga kepada pelaku, saya rasa akta juga perlu memberi perlindungan kepada consumer, perlindungan kepada pengguna dan adakah kalau kita tidak ada satu rang undang-undang iaitu peraturan yang lebih teratur, kita boleh melihat atau pun boleh merujuk kepada rang undang-undang ataupun undang-undang yang ada di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat. Adakah Yang Berhormat bagi Kluang bersetuju bahawa kita boleh meminjam rujukan seperti, bahawa kita menghadkan keluasan perniagaan yang kurang daripada 5,000 persegi tidak dikenakan bayaran ataupun syarikat-syarikat yang kecil tidak dikenakan bayaran. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kluang.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau hendak memberi penjelasan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong memang saya ada sebenarnya. Saya download akta yang ada di Amerika Syarikat di mana untuk makluman Dewan yang mulia ini, Amerika Syarikat sebenarnya juga mempunyai Copy Right Act ataupun Copy Right Law dan pada 27 Oktober 1998, Presiden Clinton sendiri termasuk US Congress dan Senat meluluskan pindaan Copy Right Law ataupun dikenali sebagai 'Fairness' in Music License Act kerana menerima banyak aduan daripada masyarakat awam. Mengikut laporan ini sebenarnya aduan-aduan yang dibangkitkan ialah lebih kurang sama dengan keadaan di Malaysia, di mana bayarannya untuk perniagaan kecil yang disebutkan tadi adalah tinggi dan tidak munasabah. Ada berlaku juga tentang overlapping bayaran ini. Mungkin berlaku juga di Malaysia.

Selain daripada itu orang awam bila membuka TV dan radio, termasuk juga dalam pembayaran ini. Jadi ini menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat umum dan akhirnya solusi ataupun tindakan yang diambil supaya restoran ataupun kedai makan, minum yang kecil yang kurang daripada 3,750 kaki persegi yang tadi disebut oleh Yang Berhormat bagi Bentong, memang ada supaya dikecualikan daripada bayaran kalau mempunyai TV dan radio dan sebagainya.

Satu lagi perkara seperti perniagaan yang menggunakan alat muzik di mana tidak lebih daripada empat speaker dan satu TV dalam satu bilik perniagaan juga dapat dikecualikan pembayaran. Jadi cadangan Yang Berhormat bagi Bentong memang tepat di mana kementerian juga harus dapat perhatian di mana dapat kita bersama-sama untuk mengatasi isu-isu yang dibangkitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara-perkara yang dibangkitkan ini memang diketahui oleh kementerian dan saya percaya dengan adanya Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen yang ada di Dewan yang mulia ini dan dengan usaha kita bersama, saya.....

Tuan Liow Tiong Lai: Boleh saya minta jalan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kluang ini. Tadi sudah bincang mengenai syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh pemunya muzik dan karya filem. Adakah Yang Berhormat bagi Kluang bersetuju bahawa syarikat-syarikat yang diwujudkan ini untuk mengutip royalti-royalti ini dipantau ataupun diberi satu kawalan yang ketat, kerana saya dapati bahawa PPM yang diwujudkan untuk mengutip bayaran royalti sekarang ini

berleluasa di Malaysia hanya mempunyai two dollars company dengan izin. So, adakah ini satu perkara yang diizinkan oleh kerajaan. Minta penjelasan Yang Berhormat Kluang.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong, saya terperanjatlah, saya tidak sedar sebenarnya kalau sebut two dollars ataupun dua ringgit, daftar syarikat ini juga dibenarkan untuk mengutip, saya tidak tahulah, saya serahkan kepada Timbalan Menteri untuk menjawab soalan ini. Kalau two dollars register company saya rasa tidak wajarlah. Jadi kalau...

Tuan Chang See Ten: Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kluang. Saya dapat aduan daripada mereka yang dikenakan lesen seperti yang menjalankan perniagaan karaoke. Baru hari Ahad ini saya dapat seorang yang ada menjalankan perniaga karaoke, dia kata dia dikenakan bukan dari satu syarikat. Pihak PPM kenakan dia bayaran RM3,000 satu tahun. Pihak MSCP pun RM3,000 satu tahun. Satu syarikat oleh kerana ada mengadakan perniagaan ini karaoke, dia kena bayar, bayaran dari dua syarikat. Sebab itu saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimana kita dapat mewujudkan satu ketelusan dalam hal ini dan lagi jadual bayaran ditetapkan oleh siapa.

Adakah pihak kementerian ada kuasa untuk menghadkan bayaran yang dikenakan dan sebelum jawatankuasa atau Tribunal Hak Cipta ini ditubuhkan, bolehkah pada masa sekarang kerana ada banyak rungutan. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kluang, bolehkah kita cadangkan kepada kementerian supaya pada masa sekarang kita berhenti sementara dalam hal supaya dapat mengadakan satu cara yang lebih telus untuk mengendalikan kes ini.

Adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada kementerian supaya mengadakan satu 'Akta Keadilan Dalam Muzik', keadilan pelesenan muzik seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang tadi bahawa telah diadakan di Amerika pada bulan Oktober 1998. Saya minta penjelasan.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah, mungkin ini satu contoh over lapping - collection ini. Pendek kata sebab saya ikut pesanan daripada Tuan Yang di-Pertua pendekkan ucapan. Pendek kata, selain daripada over lapping tarif ataupun kadar termasuk yang saya hairan itu RM2 - syarikat yang berdaftar itu selepas itu pegawai kita dan yang penting ialah perniagaan-peniagaan yang kecil, kedai kopi dan sebagainya yang memang banyak kita

persoalkan yang dapat diambil berat oleh kementerian. Saya yakin dan percaya dengan ada usaha daripada kementerian, dengan adanya kuasa Yang Berhormat Menteri supaya hasrat rakyat walaupun kita hormat kepada dasar ini supaya kita dapat mendengar suara rakyat juga, kalau perlu dengan ada pindaannya, perlu dipinda dan saya kurang pasti sama ada tribunal yang kata belum ditubuhkan itu buat sementara, kita ada kuasa untuk memberhentikan semua kutipan bayaran sehingga tribunal ini ditubuhkan, itu terpulang kepada jawapan Timbalan Menteri.

Dengan kata-kata demikian saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bachok.

5.52 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil peluang untuk membahaskan sedikit berhubung dengan Rang Undang-undang Hakcipta ini.

Akta Hakcipta sebagaimana yang telah diadakan oleh pihak kerajaan bermula tahun 1987 lagi dan dibawa pindaan untuk tempoh tahun ini, tahun 2000, alasannya memanglah untuk memperkemas lagi beberapa perkara yang sebelum ini tidak mengambil kira dari sudut Akta Hakcipta itu sendiri. Lebih-lebih lagi perlindungan di sebalik ciptaan-ciptaan yang dihasilkan oleh individu ataupun kumpulan ataupun syarikat ataupun pihak-pihak tertentu.

Sebagaimana akta yang telah diperkenalkan pada tahun 1987 sebenarnya telah melindungi beberapa status hakcipta dari sudut karya sasteranya, seni ataupun muzik ataupun rakaman bunyi, filem dan seumpamanya lagi. Tetapi dari sudut perlindungan hak perlakuan sebagaimana yang dibentangkan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, belum ada. Apa yang mendesak pindaan itu lagi adalah kerana Akta 332 ini ataupun Akta Hakcipta sebelum ini, bagi Malaysia telah mengiktiraf, yang mendesaknya ialah kerana Malaysia telah mengiktiraf satu perjanjian seperti mana yang disebut oleh pihak Yang Berhormat bagi Kluang tadi iaitu Perjanjian TRIPS 1994 yang telah meletakkan secara automatiknya obligasi Malaysia itu sendiri terhadap butiran perjanjian yang mengiktiraf hak harta intelek ataupun Intellectual Property Rights ini yang telah berkuatkuasa sejak 1 Januari 1995 lagi.

Dalam hal ini, kita nampak langkah kerajaan kita agak kebelakang sedikit sebab TRIPS telah pun dikuatkuasa lima tahun lepas, hari ini barulah tindakan itu dibuat oleh pihak kerajaan untuk memperkemaskan Akta Hakcipta. Oleh kerana itu obligasi utama yang harus diambil ialah pindaan akta ini untuk melindungi beberapa perkara yang berkaitan untuk menyelamatkan dari sudut hak pelaku.

Suka juga saya mengambil peluang ini membangkitkan isu yang berlaku di sebalik usaha untuk melindungi hak pe laku ini iaitu beberapa isu pelanggaran yang sebenarnya telah pun berlaku. Pelanggaran Akta Hakcipta ini oleh pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab dan timbulnya pula keuntungan pihak tertentu yang melanggar akta ini yang telah pun mengaut untung secara tidak sah dari sudut perundangan. Tetapi dalam masa yang sama juga dipertikaikan oleh pihak-pihak pelaku yang mempunyai hak di atas hak cipta masing-masing ialah penguatkuasaan, sebagaimana disentuh juga sedikit oleh pihak Yang Berhormat bagi Kluang tadi. Keupayaan penguatkuasaan sebenarnya tidak berkesan.

Pertama, sebagai kita boleh lihat dari sudut laporan dari pihak kementerian sendiri telah menyebut pelanggaran hakcipta ini sebagaimana direkodkan sehingga 31 Mac 2000 telah pun disabitkan sebanyak 3,178 kes pelanggaran, khususnya kes-kes yang melibatkan penerbitan secara haram ataupun boleh digolongkan sebagai kes cetak rompak ataupun penerbitan yang diluar daripada tanggungjawab pihak pelaku ataupun pihak pemilik hakcipta sebenar. Di samping itu wujud pula isu-isu dan rungutan daripada pihak yang memiliki hak cipta ataupun karyawan asalnya yang mendesak pihak penguasa mengambil tindakan tegas terhadap segala aktiviti yang melanggar hakcipta tadi.

Dalam hal ini suka saya mengesyorkan supaya pihak kerajaan dengan peluang pindaan yang dibuat pada hari ini untuk memperkemaskan lagi usaha-usaha penguatkuasaan supaya intellectual property protection, dengan izin, diambil tanggungjawab ataupun menjadi obligasi penting kepada pihak kementerian. Bukannya membiarkan terus pihak yang melakukan usaha-usaha pelanggaran itu yang dibiarkan begitu sahaja dan sampai satu peringkat, pihak pemilik hakcipta itu sendiri yang sebenarnya termimpi-mimpi dengan keuntungan akhirnya kerugian ataupun ketidakhasilan kepada pihak mereka. Yang jelas aktiviti pelanggaran berlaku sewenang-wenang.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang suka saya sebutkan, implikasi di sebalik pindaan ini di antaranya ialah keupayaan penguatkuasaan itu sendiri kerana kes-kes yang dilaporkan oleh pihak kementerian, mengikut rekod yang saya ada ialah sebanyak 12,174 premis yang dikatakan terlibat dalam aktiviti yang bersifat pelanggaran hakcipta ini. Daripada jumlah itu kalaulah pihak penguatkuasa itu sendiri mampu untuk memantau atau mengambil tindakan setegas-tegasnya, dikatakan negara dapat menyelamatkan lebih daripada RM8 juta hasil. Kerana aktiviti haram tadi dibiarkan maka kita kerugian sebanyak RM8 juta.

Di samping itu harus juga diterima ialah hakikat penjualan barangan tiruan ataupun perkara-perkara di sebalik penghasilan barangan hakcipta haram ini yang diistilahkan juga sebagai cetak rompak memang berleluasa di merata-rata tempat di seluruh negara. Perkara ini saya yakin pihak kementerian sedar dan pihak penguasa pun sedar tetapi langkah untuk mengatasinya memanglah kerana satu kes yang telah pun dilaporkan kepada saya apabila didapati pihak 'Kementerian Pengguna', saya ringkaskan, 'Kementerian Pengguna' akan membuat spot check kepada pihak-pihak premis yang bertanggungjawab melanggar Akta Hakcipta ini maka dalam sekejap masa sahaja pihak premis telah membuat persiapan untuk menyelamatkan perniagaan mereka yang secara di luar daripada perundangan tadi untuk membuat persiapan supaya spot check tadi dapat mereka atasi dengan menyelamatkan barang-barang yang kononnya termasuklah penerbitan-penerbitan yang tidak berasas kepada hakcipta.

Jadi perkara ini kita nampak ada satu hubungan dalam keadaan pelanggaran hakcipta ini dibuat dengan adanya usaha-usaha pihak atasan mungkin atau pihak penguatkuasa sendiri yang berdasar kepada perikemanusiaan mungkin ataupun untuk membela orang-orang yang melanggar perundangan ini dibela dengan secara tidak berperaturan menyebabkan usaha-usaha itu terus berlaku dan kita dapati di pasar-pasar malam dan juga di bandar hatta di kaki lima sendiri terbuka luas dijualnya produk-produk yang dikatakan melanggar hakcipta ini.

Satu daripada kes, suka saya sebutkan sebagaimana berlaku suatu masa dahulu ialah pengedaran ataupun pencetakan buku novel yang penuh kontroversi, saya ambil contoh novel *Shit* yang pernah dihebohkan dalam isu politik negara kita. Penerbit novel *Shit* sebenarnya telah berunding dengan pihak pencetak untuk menerbitkan volume rasminya ialah 10,000 sahaja, 5,000 pada edisi pertama, 5,000

edisi kedua tetapi selepas pihak Perdana Menteri membuat komentar terhadap karyawan itu, kita dapati penulis dan penerbitnya tidak mendapat suatu hak dari sudut undang-undang untuk menerbitkan tambahan volumenya kerana isu-isu politik yang menekan. Akibat daripada itu telah timbul usaha daripada penerbit haram ataupun orang yang tidak bertanggungjawab telah membuat satu usaha penerbitan secara haram yang volumenya dilaporkan melebihi 200,000 dan jualan di antara jualan novel terlaris di penghujung abad ke-20. Tetapi bagaimanakah yang harus kita mengambil perhatian di sebalik isu itu ialah pembelaan-pembelaan yang harus diperkemas lagi dari sudut tindakan. Walaupun kita yakin Akta Hakcipta ini mempunyai kuasa perlindungan yang secukupnya sebagaimana dibentangkan oleh pihak Timbalan Menteri tadi tetapi pelaksanaan itu satu perkara yang harus diperkemas lagi dan karyawan-karyawan yang menghadapi isu-isu tertekan dengan suasana begini harus juga diberi tanggungjawab bersama untuk membela diri dari sudut perundangan.

Dalam kes ini kita menampakkan satu kelemahan dari sudut pelaksanaan yang harus pihak kementerian mengambil tanggungjawab demi membela pihak perlaku ataupun karyawan itu sendiri.

Oleh itu pindaan kepada Seksyen 39 dan Seksyen 41....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan tidak?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Atas isu apa itu?

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Pasal hakcipta ini. Kalau beri, kalau tidak beri tidak apalah. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ucapkan tahniah di atas pandangan-pandangan Yang Berhormat berhubung hakcipta ini. Saya harap Yang Berhormat ini jangan cakap sahaja kalau ada tape dalam kereta itu jangan ada tape yang tidak original ini, tidak elok, jangan tipu ya, berdosa.

Tadi Yang Berhormat kata tentang penguatkuasaan dan kerajaan tetapi kalau boleh saya hendak minta pandangan Yang Berhormat tentang dari segi educate pengguna-pengguna yang bakal membeli barang-barang yang selalunya ada barangan tiruan ini, bagaimana pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini. Terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih di atas penyertaan Yang Berhormat bagi Tampin dalam isu ini. Sebenarnya isu yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat tadi, keupayaan saya untuk menjawabnya, saya pulang kepada pihak kementerian sendirilah sebab kementerian lebih berwibawa untuk memberi jaminan di sebalik isu yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat tadi.

Kembali kepada pindaan kepada Seksyen 39 dan Seksyen 41, amatlah positif kepada kami kerana demi membela hakcipta pe laku atau karyawan itu sendiri. Selain daripada itu pindaan Akta Hakcipta ini juga adalah bagi membantu karyawan seni khususnya karya-karya sastera itu sendiri kerana di sebalik karya sastera itulah sebenarnya lahirnya penulis-penulis skrip, penulis-penulis novel yang sebahagian besar mereka ini telah pun memberi satu ilham kepada penerbit-penerbit filem untuk menghasilkan industri sinematografi dalam negara kita. Persoalannya adakah menjadi kesalahan sekiranya hak pelaku ataupun hak karyawan asal itu yang diplagiatkan secara sembrono oleh pihak tertentu untuk menghasilkan sesuatu persembahan sebagaimana filem ataupun drama di TV ataupun dalam industri perfileman.

Yang saya hendak bangkitkan lagi ialah di sebalik isu plagiat ataupun tiru tanpa izin ini sebenarnya ialah..., di sana ada satu motif social welfare, dengan izin, kerana kadangkala yang ditiru itu sebenarnya dia tidak mengambil kira persoalan untung ekonomi kepada pihak karyawan asal. Yang dikira ialah dia yang memproseskan idea daripada novel ataupun skrip tadi untuk diterjemahkan supaya filem mereka laris sebagai boxes office atau seumpamannya.

Jadi dalam hal ini pembelaan dari sudut akta ini, mungkin saya tidak temui dari sudut pembelaan sebenar tetapi pihak kementerian seharusnya mempunyai satu jawapan untuk membela dalam isu seperti ini. Misalnya untuk tujuan pengajaran ataupun untuk persembahan di majlis-majlis rasmi yang melibatkan satu usaha meniru persembahan kumpulan-kumpulan yang establish, misalnya kita ambil contoh kumpulan nasyid Raihan, orang Johor mesti minat semua ini, sebabnya di sebalik Raihan itu ada satu seni yang tersendiri dan dalam majlis-majlis perkahwinan, dalam majlis-majlis rasmi biasanya kumpulan lain pula mempersembahkan persembahan Raihan.

Jadi dalam hal ini, walaupun matlamatnya adalah bersifat sosial tidak bersifat ekonomi tetapi ditiru sebegitu bagaimana kalau Raihan mengambil satu tindakan

perundangan bagi memastikan perkara ini tidak terbiar ataupun tidak dibiarkan berleluasa. Jadi dalam hal ini saya ingat pihak kementerian seharusnya ada satu jawapan, kalau sebenarnya untuk meletakkan satu asas pembelaan kepada pelaku sebenar kepada hak pelaku itu sendiri.

Satu perkara lagi yang menjadi persoalan, adakah bidang kuasa yang ada pada akta yang dipinda ini mengambil kira keupayaan bagi menghadapi aktiviti pelanggaran yang dibuat diluar daripada negara kita. Sebabnya apa yang kita biasa dengar jugalah kalau lagu-lagu Melayu ataupun filem-filem Melayu, idea-idea itu biasanya bersambung-sambung sebab orang seni ini ideanya begitu bagus sekali. Pengusaha -pengusaha seni daripada Indonesia secara mudah boleh plagiat hasil seni original kita daripada Malaysia ataupun mungkin daripada Singapura ataupun negara-negara jiran lain. Sebab perkara ini mungkin..., dan saya yakin perkara ini memang berlaku lebih-lebih lagi apabila kita menerima konsep pelaksanaan AFTA yang secara langsung industri karyawan seni dan sastera ini akan turut sama menjadi perbincangan di peringkat AFTA bagi memastikan supaya industri ini mendapat kedudukan dari sudut hakcipta juga.

Apakah pihak kementerian sendiri bersedia untuk membuat sesuatu perkara yang kalau tidak dibuat sesuatu saya yakin ia akan memberi suatu ancaman kepada hak pelaku tempatan ataupun karyawan seni tempatan itu sendiri.

Oleh kerana itu saya juga ingin membangkitkan satu lagi iaitu di bawah pindaan Seksyen 17. Bagi saya pindaan ini adalah dialu-alukan iaitu tentang kewujudan hakcipta terus wujud sehinggalah habis tempoh 50 tahun telah dibuat pindaan. Bagaimana sekiranya berlaku kematian kepada tuan punya hakcipta dalam tempoh tersebut ataupun dalam tempoh yang dari sudut hak pelakunya boleh apabila hak pelakunya menyerahkan hakcipta ini kepada pewaris ataupun kalau syarikat kepada nominee ataupun sebagainya untuk bertindak mengambil tindakan undang-undang sekiranya ada usaha-usaha plagiat atau pelanggaran hakcipta itu dibuat oleh pihak-pihak tertentu apabila hakcipta asalnya ataupun pelaku asalnya telah pun meninggal dunia.

Itulah beberapa isu yang saya cuba bangkitkan dan minta penjelasan daripada pihak kementerian sempena dengan perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batu.

6.09 ptg.

Tuan Ng Lip Yong [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahas dan membangkitkan dua perkara tentang pindaan Akta Hakcipta tahun 1987 atau Akta 332. Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang telah mengambil perhatian tentang hak pelaku.

Dalam dunia tanpa sempadan ini kita harus terima bahawa globalisasi akan bersama kita sama ada kita suka atau tidak. Kita boleh membahas panjang lebar kebaikan dan keburukan globalisasi dengan dengan izin, *till the cows come home*, tetapi kita mesti mengakui bahawa kita tidak ada cara lain kalau kita berminat menjadi sebahagian dalam masyarakat dunia.

TRIPS adalah salah satu perjanjian harta intelek yang Malaysia telah menandatangani. TRIPS juga adalah satu saluran globalisasi. Apabila Malaysia menandatangani Perjanjian TRIPS kita mengakui hak kita dan kewajipan atau tanggungjawab kita kepada kita sendiri dan masyarakat antarabangsa tentang hakcipta.

Mungkin Akta Hakcipta ini dan pindaan ini dianggap sebagai favourable atau menyebelahi negara membangun. Ini memang benar sebab padang permainan atau *playing field* biasanya tidak berata. *Playing field is never level*, dengan izin. Negara membangun ada lebih banyak hak intelek sebab bidang ini telah dimajukan secara sistemik selama ini. Tetapi hak cipta dari implementasi idea-idea yang berasal dari negara sedang membangun susah didaftarkan kerana belum ada struktur yang sistematik di banyak negara sedang membangun. Padang permainan tidak berata dan tidak akan berata. [Disampuk] Berata – bukan antara negara maju dan negara sedang membangun sahaja tetapi juga antara mereka yang berada dalam negara maju.

Saya cadangkan bahawa lebih baik jika kita boleh terima keadaan yang realistik ini dan membuat rancangan atau strategi supaya kita boleh eksploitasikan *niche* di mana kita mempunyai kekuatan. Kita mesti menukar minda atau *mind set* kita. Janganlah kita berharap bahawa negara maju akan memberi rahmat atau *will be merciful to us*, dengan izin. Janganlah memegang sikap yang negatif bahawa Akta Hakcipta hanya akan melindungi orang dari negara maju sebaliknya kita harus mempunyai sikap positif dan menggunakan akta ibu dan pindaan ini untuk meluaskan *coverage*, dengan izin, wilayah persembahan pelaku tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan ini kebanyakan terlibat pelaku, saya juga menyokong pindaan Seksyen 4, Akta 332 ini untuk melindungi pengkalan data

atau *database*. Dalam era maklumat atau pengetahuan ini, pengkalan data adalah harta yang sangat bernilai. Dari segi keselamatan atau perniagaan, pengkalan data telah menjadi sumber negara yang penting. Bagaimanapun, saya ingin tahu cara kerajaan akan mengawal dan melindungi pengkalan data. Saya timbulkan perkara ini sebab pengkalan data sentiasa berubah. Oleh sebab itu macam mana pengkalan data boleh didaftarkan, contohnya di bank kita apabila kita memasukkan satu cek, *database* kita akan berubah.

Akhirnya, saya tidak tahu sama ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada atau tidak satu pasukan istimewa untuk menguatkuasakan akta ini dan jika belum ditubuhkan, saya berharap pasukan ini akan ditubuhkan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Seputeh ya. Selepas itu saya minta menteri menjawab.

6.14 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti apa yang diucap oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tujuan utama untuk mengadakan pindaan terhadap Akta Hakcipta ini adalah untuk memberi perlindungan terhadap pelaku untuk memenuhi perjanjian TRIPS yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1995.

Pindaan terhadap Seksyen 3, Akta Hakcipta tahun 1987 memberi perlindungan terhadap persembahan secara langsung yang termasuk bukan sahaja persembahan karya, drama dan muzik tetapi juga termasuk pembacaan, pengucapan atau penyampaian karya sastera atau sebahagian daripada sesuatu karya itu ataupun pembacaan, pengucapan ataupun penyampaian karya sastera yang dibuat secara spontan.

Pindaan terhadap Seksyen 4 dalam akta ini bermaksud apa-apa pengeluaran semula dan apa-apa rakaman sesuatu persembahan secara langsung tanpa persetujuan pelaku akan dianggap sebagai pelanggaran hak pelaku. Pindaan terhadap Seksyen 3 bertujuan untuk melindungi hak pelaku tetapi ia tidak termasuk semua jenis pelaku, misalnya pelakon jenaka ataupun *standout comedians* yang berlakon di kelab malam ataupun di pertunjukan awam. Pelaku dalam pertunjukan bahasa yang bercorak dialog dan berjenaka iaitu *Siang Sheng* dan juga hos dalam program talk show seperti

di Opera Show di program televisyen tidak dilindungi di bawah akta ini kerana isi kandungan dalam pertunjukan mereka tidak dirangkumi dalam lingkungan karya sastera dan pelaku-pelaku ini kebanyakannya tidak mempunyai teks tetapi mereka bergantung kepada bakat semula jadi mereka dan berlakon secara spontan. Ini adalah tidak adil terhadap mereka kerana bakat mereka tidak terlindung.

Selain itu saya juga ingin bertanya, apakah akta ini memberi perlindungan kepada para penceramah ataupun ahli politik yang selalu memberi ucapan secara spontan. Ucapan ahli politik ataupun aktivis boleh juga dianggap sebagai suatu bentuk karya. Kita mendapati selalunya hak cipta karya mereka kadangkala dicabuli oleh sesetengah golongan yang mana kadang-kadang ucapan mereka diambil keluar daripada konteks asal. Ini adalah paling nyata dalam kempen pilihan raya di mana selalunya ucapan pemimpin politik daripada parti-parti pembangkang dipetik dan diputarbelitkan oleh pihak media, malah dijadikan sebagai iklan politik. *[Tepuk]*

Penyiaran iklan politik televisyen ataupun pita video yang mengandungi pemetikan secara pilihan dan keluar daripada konteks asal tanpa persetujuan daripada pencipta iaitu ahli politik dan penceramah berkenaan haruslah juga dianggap sebagai pencabulan terhadap hak cipta mereka. *[Disampuk] [Tepuk]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih atas sokongan saudara-saudara di belakang. *[Ketawa]* Selain itu, akta ini juga tidak memberi perlindungan kepada ucapan daripada tokoh-tokoh agama. Ucapan daripada tokoh agama harus dianggap juga sebagai satu ciptaan. Kita selalunya melihat rakaman-rakaman pita video dan bunyi yang dibuat oleh tokoh agama ini diedarkan dan dijual di pasaran tanpa persetujuan mereka dan malah tanpa pengetahuan mereka. Sekiranya persembahan lakonan seperti sarkas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Boleh? Sedikit.

Beberapa Ahli: Bagilah *chance*. Boleh.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Bolehlah.

Beberapa Ahli: *Last day! Last day ini!*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat tadi berucap ada ahli-ahli politik yang berucap kadang-kadang macam jenaka. Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya, Ahli Parlimen bagi Kuala Kedah ini selalu dia berucap kelakar kan. Boleh tidak kita kawal hak cipta dia untuk diedarkan kepada orang ramai. Dia selalu berucap inilah, dia punya gaya itu memang banyak unsur jenaka dan kelakar tetapi tidak ada isi sangatlah. Jadi, Yang Berhormat setuju tidak dijadikan cakera? Saya setuju. Itu macam okaylah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini tidak berkaitan. Ini harus dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Seorang Ahli: Kuala Kedah tidak ada sini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, dan Kuala Kedah tidak ada di sini.

Okay, sekiranya persembahan lakonan sarkas ataupun lakonan anekaragam dan lain-lain dilindungi akta ini, maka hak tokoh agama ini juga sepatutnya diperlindungi dalam akta tersebut.

Tarif yang terkandung dalam Seksyen 3, dalam akta itu merangkumi perkara yang disampaikan kepada orang awam. Pindaan terhadap Seksyen 3 dalam rang undang-undang sebenarnya akan menambah kesusahan orang awam kerana pindaan ini bermaksud bahawa penyampaian semua karya drama, muzik, penyampaian karya sastera dan mahh tarian kepada orang awam pun akan menyebabkan seseorang pelakon itu didakwa di bawah akta ini. Dengan kata lain, sekiranya seseorang meniru

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh? Sedikit sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat sebut pasal ceramah ucapan yang diambil oleh media sebagai hak cipta. Saya hendak tanya sahabat kita dari Kepong selalu ambil pantun hak cipta orang ini, macam mana? *[Ketawa]* Ha, Penjelasan. Kepong selalu bagi pantun, apa pendapat penjelasan daripada Yang Berhormat? Kepong, Kepong!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang ini menteri harus jawab dan selalunya pantun itu dibuat di Dewan yang mulia ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pantun pun ada hak cipta - orang punya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi hak cipta dia selalunya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, kalau media tidak dapat, media tidak boleh cetak, hendak bagi ucapan macam mana? Tidak boleh hendak tulis. Tidak boleh hendak siarkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini Parlimenlah. *[Ketawa]* Keluar tajuk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Biar saya teruskan. Dengan kata lain, sekiranya seseorang meniru Michael Jackson untuk menari *Moon Walk* ataupun lakonan daripada sesiapa bintang pelakon tanpa persetujuan mereka, mereka pun berkemungkinan boleh didakwa di bawah akta ini. Pindaan seperti ini akan menyekat perkembangan seni pertunjukan dan juga menyekat bakat pelakon kita kerana pelakon di pentas negara kita pun terpaksa mendapat persetujuan daripada pencipta asalnya ataupun malah penari asalnya. Kalau tidak, mereka berkemungkinan akan didakwa di bawah Akta Hakcipta tersebut.

Kita tahu banyak karya seni sebenarnya bermula daripada peniruan. Kehendak undang-undang sebegini pun akan menyekat perkembangan bakat seni di negara kita. Sehubungan dengan itu, kerajaan sepatutnya menubuhkan tribunal untuk menyelesaikan masalah bayaran royalti hak cipta di antara persatuan pencipta iaitu MACP serta PPM dengan pihak pengguna sejak Akta Hakcipta digubalkan dan isu ini telah juga dibincangkan oleh rakan-rakan dari MCA tadi tetapi nampaknya kerajaan tidak memberi perhatian yang cukup dalam aspek ini dan melambatkan langkah penubuhan tribunal ini sehingga masalah dan kekeliruan mengenai hak cipta penyiaran muzik dan lagu wujud sehingga hari ini.

Saya ingin bertanya, apakah sebab kerajaan melengahkan langkah mereka? Saya juga ingin bertanya apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah hak cipta yang telah diheboh-hebohkan dalam kebelakangan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

6.23 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Kluang, Bachok, Batu dan Seputeh yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Hakcipta 1987.

Saya suka jelaskan di sini bahawa hak eksklusif yang diberikan kepada tuan punya adalah hak persendirian (private right). Maka, kadar royalti ini adalah hak mereka untuk dikutip. Kita perlu memahami, ini bukan sahaja di negara kita tetapi juga di seluruh dunia. Yang cipta satu-satu mempunyai hak. Walau bagaimanapun, kita sedar tentang beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, maka kementerian sedang berbincang dengan badan pemungut royalti untuk mereka menjelaskan cara dan kriteria kadar royalti ditetapkan.

Saya telah menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa tidak lama lagi tribunal hakcipta itu akan ditubuh dan dikuatkuasakan. Sementara itu, pihak kementerian akan menjadi badan tengah untuk menangani segala masalah yang kita hadapi dalam pemungutan yang dilakukan oleh PPM ataupun MACP. Seperti yang dimaklumkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun selesai apabila pengumuman dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahawa pihak PPM atau pihak-pihak lain yang diwakili oleh mereka tidak akan menjalankan kutipan terhadap restoran, kedai-kedai tradisional, kedai-kedai kopi, gerai-gerai dan sebagainya sehingga kita menjalankan satu perbincangan yang dalaman dan menyeluruh tentang asas-asas kutipan dan sebagainya.

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam: Mereka juga telah sanggup tidak akan kutip selamannya daripada kedai-kedai kopi, restoran dan sebagainya tetapi kita masih memerlukan keterangan yang jelas supaya tidak timbul kekeliruan pada masa hadapan. Maka, kita berharap perkara ini adalah *under control* dan kita akan menjalankan perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan sehingga..... . Belum lagi, saya belum jawab semua lagi. *[Merujuk kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bentong]* Saya akan beri peluang. ... sehingga kita selesaikan.

Kementerian telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan dan kita telah minta mereka memberi penjelasan yang menyeluruh dan kita akan selesaikan perkara itu sebelum kutipan itu dimulakan.

PPM itu – adakah ia syarikat RM2 atau syarikat berbayar modal lebih, itu tidak jadi masalah. Yang penting adakah mereka mempunyai hak untuk kutip royalti? Adakah mereka mempunyai hak? Dan mereka yang mempunyai hak, kalau mereka berjalan sebagai ejen mereka, sebagai badan mereka, itu tidak merupakan satu kesalahan.

Perkara yang dibangkitkan tentang *overlapping*, PPM dan MACP menjalankan kutipan yang bersama ataupun bercanggah. Sebenarnya tidak ada *overlapping*. PPM buat kutipan kerana mereka mempunyai hak berlainan daripada MACP. PPM – Phonographic Performance Malaysia dan MACP – Music Authors. Jadi, karya bagi mereka yang mengutip royalti itu berlainan, maka tidak ada *overlapping*. Sebenarnya, apabila pindaan ini diluluskan, ada kemungkinan satu lagi badan boleh ditubuhkan. Ini terpujang kepada *performance* yang diberi perlindungan, macam mana mereka akan mengutip apa yang mereka mempunyai hak.

Mereka boleh bergabung dengan satu pertubuhan yang sedia ada atau berhak juga untuk menubuhkan satu lagi badan. Di kebanyakan negara ada negara-negara di mana hak ini dikutip, royalti dikutip oleh empat badan. Ada juga negara-negara di mana mereka bergabung dan kutipan itu dibuat oleh dua atau tiga. Walau bagaimanapun, kita akan memantau perkara ini dan menentukan apa yang sepatutnya dilakukan.

Tentang pegawai penguatkuasa, sebenarnya peranan pegawai penguatkuasa adalah mengambil tindakan ke atas mana-mana premis perniagaan yang memainkan lagu-lagu atau filem cetak rompak sahaja, bukan lain. Kalau barang cetak rompak, masa itulah pegawai penguatkuasa mengambil tindakan. Jika lagu-lagu atau filem asli dimainkan dan royalti tidak dibayar, pegawai-pegawai penguatkuasa tidak campur tangan. Itu merupakan isu sivil dan PPM, MACP dengan pihak peniaga perlu uruskan perkara itu, boleh pergi ke mahkamah dan sebagainya.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan hak yang diberi ini adalah hak sivil. Bukan kementerian yang menguatkuasakan. Pelaku diberi perlindungan dan mereka mengikut perlindungan ini, mereka mempunyai hak supaya melarang sesiapa untuk merakam, buat *duplicating copy*, menyewa, menjual

persembahan *life performance* mereka. Dan kalau kesalahan-kesalahan itu berlaku, mereka ada diberi peluang untuk mengambil tindakan sivil untuk menentukan hak itu tidak dijejaskan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengatakan bahawa tidak benar bahawa penguatkuasaan oleh kementerian itu lemah, tidak betul atau tak berkesan. Sebenarnya pegawai-pegawai penguatkuasa telah bekerja keras dalam menangani isu cetak rompak. Sebagai contoh, sejak akta ini dikuatkuasakan pada 1987 hingga 1999 kementerian menerima sebanyak 6562 aduan dan kesemua aduan tersebut disiasat oleh pegawai-pegawai penguatkuasa di mana 5,469 tindakan kes diambil ke atas peniaga-peniaga yang tidak berta nggungjawab.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mungkin Yang Berhormat salah tangkap ucapan saya. Saya tidak kata pegawai penguatkuasaan tidak cekap. Mungkin terlalu cekap di mana apabila buat satu operasi cetak rompak itu kadang-kadang dipersalahkan oleh syarikat kadang-kadang, mereka pun mengikut. Jadi tangkapan orang ramai ini rasa mereka ada kuasa untuk rampas misalnya PPM, jadi PPM ambil kesempatan untuk bersama-sama. Jadi orang awam tu nampak mungkin pegawai penguatkuasa ambil tindakan atas permintaan syarikat. Jadi itu tangkapan salah orang ramai. Jadi saya tidak menyebutkan bahawa penguatkuasaan tidak cekap, memang cekap, mungkin terlalu cekap. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang yang membangkitkan tentang keberkesanan penguatkuasa. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain tetapi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar tetapi kita pun cuba menjelaskan tidak ada PPM kutipan mereka tidak ada berkaitan dengan bahagian penguatkuasa. Mereka menjalankan tugas mereka berasingan.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Timbalan Menteri. Sebelum ke tajuk yang lain berhubung dengan PPM ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setelah menteri mengeluarkan arahan bahawa semua kutipan itu ditangguhkan sehingga satu masa kelak tetapi pada masa sekarang pihak PPM masih lagi mengedarkan semua surat-suratnya kepada syarikat-syarikat, contohnya di Pertama Kompleks masih lagi berleluasa. Semua surat-surat itu telah diedarkan dan meminta kutipan dari syarikat-syarikat.

Yang kedua, saya nak tanya sama ada kerajaan tahu apakah yang digunakan oleh hasil-hasil kutipan itu yang dikutip berjuta-juta ringgit ini ke mana perginya semua duit ini. Adakah dia berikan kepada tuan punya karya ataupun ini syarikat yang ambil ataupun untuk charity. Apakah tujuan kutipan ini, kita nak tahu.

Dato' S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Yang kedua ialah mengenai kutipan. Yang pertama itu....

Tuan Liow Tiong Lai: Tidak, masih lagi mengutip walaupun telah ditegah bahawa jangan dikutip.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan, PPM memang mempunyai hak, MACP mempunyai hak. Kalau mereka diberi kuasa oleh pihak yang mempunyai hak untuk kutip royalti, mereka mempunyai hak. Yang kita minta mereka jangan kutip bukan pada keseluruhan, bukan pada keseluruhan. Kita hanya minta pihak PPM dan MACP supaya tidak mengutip daripada kedai-kedai kopi, restoran, kedai-kedai kopi tradisional, gerai dan sebagainya tetapi terhadap kompleks, karaoke, dan lain-lain yang mereka telah jalankan kutipan sehama ini mereka boleh berterusan. Tidak timbul sebarang masalah sehingga sekarang.

Apabila mereka cuba untuk mengutip daripada atau mengeluarkan surat atau menjalankan perundingan dengan kedai-kedai kopi tradisional, restoran, gerai ataupun dari teksi-teksi barulah timbul masalah dan kita telah campur tangan. Kutipan-kutipan sebelum itu yang dilakukan dan bayaran yang telah dibuat kita tidak menahan PPM atau MACP untuk memberhentikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Menyentuh tentang cetak rompak ini, inilah yang ditangisi oleh para artis kita, penyanyi-penyanyi kita. Saya ingin dapat sedikit penjelasan, ada tak kemungkinan bahawa yang mencetak rompak ini ialah syarikat perakam itu atau yang menerbitkan itu sendiri kerana saya pernah mendengar artis-artis ini merintih kerana lepas dia rakam, belum apa-apa lagi dah berselerak di pasaran kaset dan sebagainya. Jadi ada tak kemungkinan ini kalau ada kemungkinan, ini pertanyaan sayalah Dato', nak membela para artis ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cetak rompak sebenarnya selepas ini ada satu lagi rang undang-undang yang akan dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini yang dinamakan Akta Cakera Padat iaitu adalah satu rang undang-undang yang khusus bagi membanteras cetak rompak dalam negara kita

dan Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah mendapat penjelasan mengenai perkara ini. Tetapi sebagai ringkasnya, sesiapa yang terlibat....

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah, Yang Berhormat nak beri laluan untuk Gelang Patah?

Dato' S. Subramaniam: Belum lagi, saya belum menjawab lagi. Mengenai syarikat, kadang-kadang syarikat pun boleh terlibat, pihak-pihak yang lain, macam-macam orang terlibat dalam cetak rompak oleh kerana mereka dapat keuntungan, mereka buat. Kita telah menasihatkan yang mengeluarkan barang asli itu atau karya asli itu untuk seboleh-bolehnya kurangkan harga. Perbezaan kalau di antara barang asli dan barang tiruan atau cetak rompak kalau perbezaan itu tidak begitu luas, maka kita akan juga berjaya dalam menangani kegiatan cetak rompak.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Chang See Ten: Sikit pertanyaan.

Dato' S. Subramaniam: Last sekali, ya.

Tuan Chang See Ten: Okay, last. Ini kali pertama bertanya. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Tadi seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Kluang, bahawa oleh kerana orang ramai ada sedikit kekeliruan tentang pihak yang ada kuasa untuk kutipan royalti seperti PPM dan MACP. Bolehkah untuk mengelakkan kekeliruan orang ramai dan supaya kita kurang dapat aduan dari mereka yang dikenakan kutipan royalti itu kerana ini ada kes sivil dan kuasa untuk kutip ada kepada PPM dan MACP. Dalam hal ini jika pegawai-pegawai terlibat pergi bersama untuk minta mereka membayar royalti ini akan boleh disalah anggap seperti pihak kementerian, pegawai tolong mereka kerana bila pegawai kerajaan ada memang ada peniaga takut. Jika mereka pergi sendiri lain tak berapa kuat. Oleh yang demikian kerana Yang Berhormat tadi kata ini ada kes sivil, bolehkah kita untuk mengelakkan kekeliruan ini dan salah faham orang ramai, pegawai dari kementerian jangan ikut sama dengan mereka untuk kes kutipan royalti ini. Mereka cuma pergi jika ada kes piracy, itu kerana ini adalah tanggungjawab pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya pegawai penguatkuasa sepatutnya tidak pergi bersama. Kalau berlaku, kita boleh menjalankan siasatan terhadap perkara itu.

Kutipan royalti itu bukan tanggungjawab pihak penguatkuasa. Kalau ada cetak rompak, barulah kita bertindak atau kalau ada pelanggaran undang-undang atau salah laku barulah kita bertindak. Jadi, kita pun belum lagi menerima kes-kes tertentu. Kalau ada kes-kes tertentu, Ahli Yang Berhormat bolehlah memberitahu kepada kementerian.

Mengenai pelanggaran karya tempatan di luar negara seperti di Indonesia, Singapura yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bachok. Tuan punya yang mempunyai hak itu boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang di mana pelanggaran itu berlaku. Kalau berlaku di sini, boleh ambil tindakan di bawah undang-undang. Begitu juga tuan punya karya asing boleh mengambil tindakan di bawah Akta Hakcipta 1987 jika pelanggaran berlaku di Malaysia. Kalau pelanggaran berlaku di negara lain, mereka juga boleh ambil tindakan.

Saya belum habis jawab tentang penguatkuasaan berhubung ada juga Ahli Yang Berhormat yang mendakwa bahawa apabila pegawai penguatkuasa mahu menjalankan satu tindakan, ada pegawai yang membocorkan maklumat tindakan kepada peniaga-peniaga, ini kita memandang serius. Kalau ada perkara tertentu kita sentiasa boleh ambil tindakan terhadap mereka, jika benarlah Kalau ura-ura, itu kita tidak boleh buat oleh kerana selain daripada apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ada peniaga yang mengetahui kehadiran pegawai atau tindakan kita melalui ejen ataupun tonto yang dipasangkan oleh mereka untuk mengesan pergerakan pegawai dan sebagainya. Ini mungkin berlaku mereka dapat tetapi dari segi kementerian kita sentiasa ambil beratlah terhadap perkara ini.

Tentang hak yang diberi selama 50 tahun itu, apakah yang akan berlaku selepas tempoh itu. Selepas tempoh itu, hak itu terluput, tidak ada hak tetapi dalam tempoh itu tuan punya hak boleh memberi hak itu kepada warisan atau kalau hak itu telah diberi kepada satu pihak, satu ejen selama 50 tahun maka mereka tidak akan mempunyai hak selepas pemberian hak itu.

Tentang perlindungan data base yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu. Pengkalan data buat masa ini dilindungi di bawah Akta Hakcipta 1987. Jika memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu ianya original dan dijadikan dalam bentuk original, ini tidak perlu didaftar. Buat masa ini juga WIPO iaitu World Intellectual Property Organisation sedang mengadakan perbincangan di peringkat

antarabangsa mengenai perlindungan yang perlu diberi kepada pengkalan data, jadi kita menungguah apakah pencapaian yang dapat dicapai di peringkat WIPO.

Tentang Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, mengenai macam-macam - Seputeh, minta maaf, Seputeh samalah. Yang Berhormat bagi Seputeh yang membangkitkan tentang macam-macam pelaku stand up comedian 'shang sheng' semua ini adalah perlindungan. Perlindungan ini diberi ...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta perkataan itu untuk makluman kita di sini jugalah.

Dato' S. Subramaniam: Apa makna dia?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, untuk makluman kita di sini.

Puan Teresa Kok Suh Sim:. Oh, itu ...*[Disampuk]*

Seorang Ahli: Cuba demonstrate....*[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...dengan Speaker *[Ketawa]*, iaitu satu lakonan berjenaka berdialog dan

Dato' S. Subramaniam: 'No script' lah, tiada skrip.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, macam.... *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Skrip apa?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Skrip.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Speaker skripkah? Ini 'stand-up script' kah atau 'stand-up strip', itu dua bezalah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya ingat lawak jenaka spontan macam Rompin. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, ini 36(6) ni *[Ketawa]* Ini tentang skrip, skrip ni, macam mana sana boleh tahu tu? *[Ketawa]*

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan Maka pihak-pihak yang disebutkan mereka ada perlindungan tetapi ceramah apa semua itu kalau dirakamkan atau difilemkan adalah perlindungan tetapi kalau tidak ada bukti bahawa itu adalah hak masing-masing kalau tak ada dirakam atau tak ada difilem maka susah oleh kerana tidak ada dokumen atau bukti.

Ahli Yang Berhormat bagi Kluang juga telah membangkitkan tentang US apa yang telah berlaku. Kita sepatutnya tidak tiru apa yang semua berlaku di US. Kadang-kadang US juga salah. Memang dia sudah buat satu fairness in Music Act

1998 USA di mana dia beri pengecualian kepada kedai-kedai dan sebagainya. Tetapi European Commission (EC) juga telah mengemukakan aduan kepada WTO - World Trade Organisation kerana akta itu bertentangan dengan Konvensyen Berne dan perjanjian TRIPS, jadi ini sudah berlaku maka kita tak payah buat apa yang US lakukan. Kita ada cara persendirian, kita akan berbincang dengan pihak yang mempunyai hak dan kita percaya kementerian yakin bahawa kita akan selesai masalah ini dengan cara ala Malaysia.

Tentang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir penjelasan-penjelasan.... [*Ketawa*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh minta penjelasan?

Dato' S. Subramaniam: Habis dah, habis. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tolonglah, tak faham.... [*Disampuk*]

Dato' S. Subramaniam: Tadi sudah last.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang tak faham, nak minta penjelasan mengenai pindaan di muka surat 2 ini iaitu persembahan tarian dan juga macam persembahan karya muzik adalah sebahagian daripada karya itu. Jadi dalam perbincangan saya dengan seorang peguam yang menguruskan hal ehwal mengenai hak cipta ini, dia berkata kalau mengikut takrif dalam undang-undang ini bermaksud, mereka yang meniru kelakuan ataupun tarian misalnya Michael Jackson, dia juga boleh didakwa dalam akta seperti ini. Jadi mereka yang meniru cara nyanyian P. Ramlee pun mungkin akan didakwa. Adakah ini betul?

Dato' S. Subramaniam: Kalau sebenarnya ini beri perlindungan kepada pelaku, iaitu seperti penyanyi, pelakon, penari dan lain-lain orang yang membuat persembahan life performance atas pentas, kalau sesiapa dilarang membuat rakaman (recording) tanpa persetujuan daripada mereka yang menyanyi, menari, pelakon, buat drama, komidi, macam-macam, itulah perlindungan yang diberi. Mereka tidak boleh buat rakaman.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' S. Subramaniam: Kalau Michael Jackson dia mempunyai hak juga, performance dia yang sudah dirakam dalam tape itu dia mempunyai hak, dia boleh ambil tindakan terhadap sesiapa yang dianggap meniru dia. Tetapi kadang-kadang artis tidak melakukan. Oleh kerana kalau lebih ramai lagi meniru dengan '*moon walking*' dia juga menjadi lebih popular. Artis pun kadang-kadang dia tahu mana yang sepatutnya ambil tindakan dan di mana. Kalau artis itu rugi dari segi keuntungan barulah mereka akan mengambil tindakan melalui undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua,...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit....

Dato' S. Subramaniam:itulah penjelasan-penjelasan...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, sedikit sahaja penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tak kacau pembangkang. Ini dah petang.

Dato' S. Subramaniam: Okay.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sahabat saya Sri Gading, katakanlah dia menyanyi lagu nasyid, okay.

Seorang Ahli: Yale -yale.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tak kiralah. Jadi, saya hendak rakam tetapi saya tak jual. Tiba-tiba ada orang lain pula rakam pergi jual. Ini saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat sedikitlah. Mungkin di sebelah sana keliru, sebab apa kita hendak mereka pergi ceramah bagi sedikitlah penerangan betul-betul. Ini kadang-kadang penerangan tak jelas, membimbangkan kita. Saya minta sedikitlah penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya kalau merakam satu nyanyian, persembahan tanpa kebenaran merupakan satu

kesalahan, tetapi kesalahan sivil. Kalau jual itu menjadi satu kesalahan criminal. Jadi, jualan itu juga salah, kedua-dua salah. Yang satu lebih sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan itu sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2000 ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **[Datuk Lim Si Cheng]** *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 22–

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.

6.55 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Satu minit cukuplah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah satu minit, satu ayat cukuplah. *[Ketawa]*

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 2 saya ingin dapat sedikit penjelasan. Saya memperhatikan di subfasal (a) dalam salinan Bahasa Malaysia mengenai definition ‘hakcipta masa depan’ dan ‘hak pelaku’ tidak didapati dalam salinan Inggeris. Sementara bagi (b), salinan Bahasa Malaysia sebenarnya didapati di (a) dalam salinan Inggeris. (c) dalam Bahasa Malaysia didapati (e) di dalam bahasa Inggeris. Manakala (d) dalam naskhah Bahasa Malaysia didapati (b) di dalam bahasa Inggeris. Dan juga bagi (h) salinan dalam Bahasa Malaysia didapati di bahagian (c) bahasa Inggeris. Jadi, saya ingin mengetahui mengapa berlaku perkara ini, lebih-lebih lagi bagi subfasal (a) yang tidak terdapat di naskhah Inggeris supaya tidak berlaku sebarang lacuna dalam undang-undang dalam masa hadapan. Sekian.

7.15 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, jangan cepatlah, saya pun hendak balik juga. *[Ketawa]* Tetapi yang penting sekali itu sesuatu rang undang-undang peringkat Jawatankuasa. Kalau berpantun pula 10 minit tak boleh habis. *[Ketawa]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, Fasal 7 dan Fasal 15. Fasal 7 merupakan pindaan pokok lebih empat halaman.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apa, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Mungkin tak ada pegawai..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh, boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak ada ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai. Cakap, cakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Fasal 7 panjanglah, merupakan hak pelaku dan juga saraan saksama, dan Fasal 15 ialah mengenai hak moral pelaku. Saya tidak akan baca, cuma ini sahaja. Saya nampak Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri sudah berhadapan dengan industri-industri perfileman dan muzik yang mempunyai lebih 10,000 artis. Dan kerana kegiatan-kegiatan cetak rompak hak mereka, maka mereka kerugian lebih RM100 juta setiap tahun.

Saya pun seronok kerana kementerian mengambil perhatian sudah pun berbincang dengan artis-artis dan juga industri-industri pihak persatuan industri mereka, ini memang satu cara yang baik. Cuma semasa saya dengar hujah daripada Yang Berhormat tadi mengenai hak pelaku dan juga hak saraan saksama dan juga mengenai hak moral tidak begitu jelas, kerana saya berpendapat bahawa kalau kita hendak menguatkuasakan dengan berkesan bukan sahaja melalui pengawal, timbalan dan penolong pengawalnya, bahkan juga dengan wujudnya pasukan pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang muzik dan bidang perfileman. Kalau pindaan pokok itu tidak begitu jelas seperti saya dengar ada empat jenis golongan mengenai hak eksklusif ini kalau tidak jelas maka pasukan pegawai-pegawai yang mahir mungkin tidak dapat menguatkuasakan rang undang-undang ini dengan berkesan.

Saya pun faham pakar hakcipta, Yang Berhormat bagi Jelevu pun dia memang pakar dalam hakcipta. Yang penting sekali kita mesti ada pasukan pegawai-pegawai

yang mahir. Rompin tak tahu apa masalah hakcipta yang sangat luas yang saya akan bincangkan dengan lanjut semasa pembentangan Rang Undang-undang Cakera Optik pada bulan Julai. Walau bagaimanapun, dengan secara ringkasnya saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab mengenai kedua-dua fasal ini dengan lebih terang kepada pihak kami semua walaupun semua berhasrat untuk kembali ke kampung-kampung. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab, saya ingin Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, fasal order ini yang ada dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia, mungkin dia punya ada berlainan alphabetical order arrangement, tetapi apa Ahli Yang Berhormat sebutkan betul, yang mana fasal yang terdapat dalam naskhah Inggeris tetapi tidak dalam naskhah bahasa Malaysia.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebenarnya, saya pun ada memerhatikan ketidaksamaan dari segi ...

Dato' S. Subramaniam: Order.

Tuan Chow Kon Yeow: Order, ya. I agree with you. Jadi, saya pun tidak bangkitkan sebab itu dalam susunan bahasa Malaysia dan susunan Inggeris adalah berlainan. Misalnya (c) selepas takrif "orang berkelayakan".

Dato' S. Subramaniam: (c) muka surat berapa?

Tuan Chow Kon Yeow: Misalnya, misalnya. Selepas takrif "orang berkelayakan".

Dato' S. Subramaniam: Muka surat?

Tuan Chow Kon Yeow: Muka surat 2.

Dato' S. Subramaniam: Muka surat 2, okay.

Tuan Chow Kon Yeow: Fasal 2(c).

Dato' S. Subramaniam: Ha, 2(c).

Tuan Chow Kon Yeow: Tetapi di seksyen Inggeris, iaitu selepas "musical work", itu terjemahan yang tidak betul, tetapi mengikut susunan adalah betul. Jadi, saya tidak bangkitkan perkara itu. Apa yang saya bangkitkan adalah di naskhah bahasa Malaysia (a) tidak terdapat di naskhah bahasa Inggeris.

Dato' S. Subramaniam: (a) muka surat?

Tuan Chow Kon Yeow: Muka surat 1 Fasal 2(a).

Dato' S. Subramaniam: 2(a), okay.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, definition tidak terdapat di naskah Inggeris, yang itu saya agak pentinglah, tetapi yang lain adalah dari segi susunan di mana 2(b) menjadi 2(a) dalam Inggeris, 2(c) menjadi 2(e) dalam Inggeris, 2(d) menjadi 2(b) dan 2(h) menjadi 2(c).

Dato' S. Subramaniam: Terima kasih. Tuan Pengerusi, ini adalah susunan yang dilakukan oleh kerana “artistic work”, kalau dalam bahasa Inggeris dimulakan dengan “artistic work”, dalam bahasa Malaysia “hakcipta masa depan, hak-hak pelaku, karya”, jadi alphabetical order itu berlainan dalam bahasa Malaysia dan Inggeris, itu sahajalah.

Tuan Chow Kon Yeow: Bukan itu, saya pun seperti saya katakan, saya mengerti perkara ini berlaku, jadi saya tidak bangkitkan, tetapi apa yang saya bangkitkan misalnya 2(a) tidak didapati dalam salinan Inggeris.

Dato' S. Subramaniam: Dalam Inggeris, sure?

Tuan Chow Kon Yeow: Ya. Totally taken out, omitted.

Dato' S. Subramaniam: “Artistic work”, ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau “artistic work” adalah (b) dalam naskah bahasa Inggeris jadi 2(a).

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, saya akan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Adakah maksud semua setiap itu ada dalam kedua-dua? Kalau ada, pihak berkenaan perbetulkanlah, mengikut, ya.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, okay, saya akan mengambil perhatian terhadap perkara itu, mungkin kesilapan, tetapi naskah yang saheh adalah naskah bahasa Malaysia, maka kita akan menggunakan itu, walau bagaimanapun, saya minta maaflah bahawa ada kesilapan dalam percetakankah atau proof reading.

Tuan Pengerusi, mengenai

Tuan Chow Kon Yeow: Minta maaf, jadi pihak kementerian akan membuat pembetulan dalam naskah Inggeris?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, mengenai hak ini, saya telah menjelaskan bahawa hak yang diberi melalui rang undang-undang ini adalah hak eksklusif bagi pelaku. Pelaku itu adalah ‘performers’ selain daripada pemilik karya

sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran, semua sudah ada hak, sudah ada. Yang belum lagi ada hak adalah pelaku, performers.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya faham, akta tahun 1987 merangkumi banyak bidang tetapi pelaku yang tidak termasuk di dalam akta 1987, yang tidak jelas itu, apakah yang disebutkan sebagai “hak eksklusif pelaku”, itu yang penting.

Dato’ S. Subramaniam: Okay, hak eksklusif itu mereka apabila membuat satu persembahan pentas, live performance artis itu, mereka mempunyai hak eksklusif terhadap live performance itu. Sesiapa tidak boleh membuat rakaman bunyi, rakaman filem, jual rakaman itu dan sebagainya.

Jadi, mengawal hak eksklusif itu bagi mengawal penyampaian sesuatu persembahan melalui TV dan radio pun, itu satu, mengawal rakaman sesuatu persembahan, misalnya merakamkan pertunjukan pentas mereka, rekod. Satu lagi adalah hak untuk mengawal pengeluaran semula persembahan secara langsung, reproduction of the copy. Satu lagi adalah hak eksklusif untuk menjual atau pindah milik apa yang dirakamkan, itu merupakan satu hak, hak untuk jual Satu lagi adalah untuk menyewa. Jadi, semua ini adalah hak eksklusif bagi performers yang melakukan live performance, itulah yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penjelasan. Sekian.

Fasal 1 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL MENARIK BALIK BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG

- (1) Rang Undang-Undang Cakera Optik 2000**
- (2) Rang Undang-Undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000**
- (3) Rang Undang-Undang Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000**

7.09 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menangguhkan Rang Undang-undang seperti yang telah disenaraikan di bawah D.R.23/2000 serta D.R.3/2000, D.R.4/2000 dan bacaan bagi kali kedua dan ketiga dimohon supaya diadakan di mesyuarat akan datang.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bagi pihak Yang Amat Berbahagia Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua dan saya sendiri mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di Dewan ini sejak 14 Februari hingga hari ini selama 40 hari, kita telah menyelesaikan semua urusan kerajaan dengan sebab menteri menarik tiga rang undang-undang tadi. Semasa bersidang sudah barang tentu pelbagai perkara berlaku, bagi pihak kami maaf banyak-banyak sekiranya ada kesilapan-kesilapan yang berlaku dengan tidak disengajakan.

Saya ucapkan selamat balik ke rumah masing-masing berjumpa dengan sesiapa yang patut Ahli Yang Berhormat berjumpa, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kementerian dan pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen yang telah bekerja keras bagi menyempurnakan persidangan ini.

Dengan ini saya tangguhkan Dewan ini sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan. Terima kasih. [*Tepuk*]

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.10 malam.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ *Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)*
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)

- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)

- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Su kinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)

Yang Berhormat Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH**PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA**

Jilid II**Bil. 38****Isnin****24 April 2000**

K A N D U N G A N**USUL:**

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Halaman 1)
- Menarik Balik Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang:
 - Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000
 - Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2000
 - Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 2000 (Halaman 2)
 - Rang Undang-undang Cakera Optik 2000
 - Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000
 - Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Halaman 146)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2000 (Halaman 2)
- Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000 (Halaman 89)
- Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2000 (Halaman 114)

USUL MENTERI DALAM NEGERI:

- Melanjutkan Tempoh Kuat Kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Halaman 39)

